

**Bil. 73**

**Selasa  
28 November 2000**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

# KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2001

**Jawatankuasa :**

**Jadual -**

Maksud B.34 (Halaman 13)

Maksud B.35 hingga B.41 (Halaman 32)

Maksud B.42 (Halaman 80)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 2001

**Jawatankuasa :**

Maksud P.34 (Halaman 13)

Maksud P.35 hingga P.41 (Halaman 32)

Maksud P.42 (Halaman 80)

Meminda Jadual Dalam Rang Undang-undang Di bawah  
Peraturan Mesyuarat 66(9) (Halaman 32)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,  
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri  
Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N.,  
D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P.,  
D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim  
Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo  
Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah  
Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul  
Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S.,  
D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar,  
S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan  
Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I.,  
S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J,  
P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr.  
Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob,  
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir  
bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar  
Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M.  
(Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka  
Ting, D.P.M.P. (Pontian)

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gejang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)

## Yang Berhormat Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)

- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)

## Yang Berhormat Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)

- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Bung Mokhtar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tarah Merah)

Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A  
(Sepang)

- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

**DEWAN RAKYAT  
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Mashitah binti Kamaruddin  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaruddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 28 November 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta Menteri Pendidikan menyatakan tindakan yang akan diambil terhadap guru-guru yang membangkitkan soalan-soalan yang berbau politik dalam kertas peperiksaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memandang serius terhadap guru-guru yang membangkitkan soalan-soalan yang berbau politik dalam kertas peperiksaan. Setakat ini Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti dua kes guru yang membuat soalan-soalan peperiksaan mengandungi unsur-unsur yang membenci kerajaan iaitu di Kedah dan di Terengganu. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap guru-guru yang terlibat berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1999 iaitu yang berbunyi: "*Larangan terhadap penglibatan pegawai perkhidmatan pendidikan, staf sokongan dan murid sekolah dalam kegiatan politik antikerajaan.*" dan juga Peraturan-peraturan Pegawai Awam iaitu yang berbunyi, "*Kelakuan dan Tatatertib 1993.*"

Dalam itu juga surat pekeliling telah dihantar. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1999 yang bertajuk "*Larangan Terhadap Penglibatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Staf Sokongan dan Murid Sekolah Dalam Kegiatan Politik Anti-Kerajaan*" bertarikh 11 Mei 1999. Perkara-perkara yang dilarang adalah seperti berikut:-

- (i) Menghadiri perhimpunan haram;
- (ii) Tunjuk perasaan;
- (iii) Memiliki dan memperdengarkan rakaman pita pidato antikerajaan;
- (iv) Menampal dan mengedarkan poster dan risalah untuk pertubuhan dan perimpin politik;
- (v) Apa jua bentuk kegiatan berunsur politik yang dijalankan di pejabat, di kawasan sekolah ataupun di dalam bilik darjah adalah dilarang sama sekali termasuk perbuatan mencuba mempengaruhi pemikiran murid dengan fahaman politik antikerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pekelilingan kementerian memang jelas, terang, tegas, ketat, kuat, garang, berani tetapi soal penguatkuasaan, tidak ada makna apa-apa undang-undang, apa sahaja pun pekeliling, kalau tindakan penguatkuasaan tidak diambil. Pegawai pendidikan peringkat daerah 'pondan' lemah, bacul, takut, ramai kes guru-guru yang menentang surat pekeliling, main politik pembangkang, menghasut pelajar, tunjuk garang di kelas-kelas dan sekolah-sekolah tetapi tindakan tidak diambil, pengaduan dibuat kepada kementerian, tidak ada tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini saya hendak soal Tuan Yang di-Pertua, masuk soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalnya, kita bimbang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan soalan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya berharap kementerian ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu juga bukan. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, sejauh mana kementerian ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, itu dia ya. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sejauh mana kementerian menguatkuasakan pekeliling, demi kecemerlangan, kebaikan masa depan anak-anak kita yang belajar di sekolah-sekolah supaya tidak tergendala dengan permainan politik guru-guru yang mengambil kesempatan untuk meracuni fikiran anak-anak.

Saya ucap tahniah kepada kementerian atas pekeliling ini, cuma saya berharap kementerian ambillah tindakan sewajarnya sebelum nasi jadi bubur. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya tahu Yang Berhormat begitu prihatin mengenai dengan penglibatan guru-guru di sekolah yang terlibat dalam politik. Soalnya sekarang, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat iaitu yang pertama, kita boleh mengadakan beberapa peraturan yang ketat dan padat tetapi dalam masa yang sama juga masih ada seperti juga kita kata adanya undang-undang boleh kena tali gantung kepada mereka yang membawa dadah, tetapi ada juga yang membawa dadah.

Dalam soal ini, cuma apa yang boleh kita lakukan ialah kita harus mendapat laporan dan maklumat dari guru-guru besar dan pengetua, baru boleh kita bertindak, jika tidak kita tidak boleh bertindak. Ini guru besar kalau mereka tidak buat laporan dan pengetua tidak buat laporan, kita tidak boleh buat apa-apa, bukanlah pihak kementerian kita cuai dalam soal ini. Sekiranya kita dapat kes-kes yang tertentu dan terbukti, maka kita akan ambil tindakan seperti mana yang telah kita nyatakan di antaranya kita boleh buang kerja, kita boleh tahan gaji, kita boleh buat macam-macam, ada peraturan-peraturan kita, malah saya nyatakan di sini mengenai dua kes, satu kes kita dapat di Kedah. Itu dilaporkan dan kita ambil tindakan, di mana satu, boleh kita beri amaran, kedua, kita boleh denda dia, potong gaji selama tujuh hari, ketiga, kita juga turun satu pergerakan gaji.

Tetapi guru tersebut dalam proses rayuan kepada suruhanjaya, kita beri peluang mengikut prosedur, tidak kejam, kita tidak 'mahafiraun' dalam soal ini.

Dan kedua, dalam kes Terengganu juga sekarang ini dia ditahan kerja sebulan. Kedua, laporan siasatan telah dihantar ke SPP, ini guru berijazah, kita hantar ke SPP tetapi belum mendapat sebarang keputusan, kita tidak boleh buat keputusan dan saya tidak boleh memberi jawapan lagi di sini.

Ketiga, guru tersebut masih mengajar di sekolah asal. Itu dia. Dan saya faham sekiranya ada laporan dan bukti-bukti yang tertentu, kita tidak boleh hanya dengar orang cakap, si anu-anu ini terlibat dan sebagainya, kita tidak boleh ambil tindakan, sampai ada bukti kita pihak kementerian mengambil tindakan berdasarkan kepada bukti, tanpa bukti kita tidak akan ambil keputusan. Terima kasih.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan pada 26 September 2000 yang menyatakan bahawa guru-guru

yang dikatakan membuat soalan-soalan yang dengan izin, politically motivated, akan dikenakan tindakan ISA. Ini merupakan suatu yang saya kira amat mengejutkan apabila Menteri Pendidikan sendiri membuat kenyataan untuk mengISakan guru-guru yang dikatakan menghasut pelajar-pelajar.

Soalannya, apakah pihak kementerian sedar bahawa kebanyakan guru-guru sekarang ini begitu meluat dengan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional khususnya yang menggunakan institusi pendidikan ini untuk kepentingan politik mereka. Sebenarnya guru-guru ini bukan bodoh, mereka ini mempunyai pendidikan yang tinggi dan mereka tahu apa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Contohnya, apa yang berlaku di negeri Terengganu di mana sekolah-sekolah dan maktab-maktab perguruan digunakan sepenuhnya oleh UMNO untuk aktiviti-aktiviti politik dan guru-guru dipaksa untuk hadir dalam program-program yang dianjurkan oleh UMNO Terengganu oleh sebab mereka tidak ada tempat lain untuk mengadakan program politik mereka, mereka menggunakan sekolah, PIBG dan juga maktab-maktab perguruan. Dan ini pihak kementerian .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** .....perlu konsisten dalam hal ini. Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat Hulu Terengganu. Saya faham soalan Yang Berhormat. Kita di pihak Barisan Nasional dan juga UMNO tidak sekali-kali menggunakan sekolah ataupun mana-mana institusi kerajaan demi kepentingan politik kepartian. Hanya pihak PAS sahaja yang menggunakan kesempatan ini sehingga mereka dapat menghasut semua guru-guru dan juga beberapa orang lain di dalam Kementerian Pendidikan.

Jadi, soalnya kita menggunakan pusat-pusat ini tidak timbul sama sekali daripada apa yang Yang Berhormat kata tadi, iaitu bagaimana menteri mengeluarkan kenyataan mengenai dengan ISA, mengI-S-Akan guru-guru tadi. Baik, sekiranya dia menghasut, itu kita boleh ambil tindakan di bawah ISA. Itu yang dimaksudkan oleh menteri. Dan dalam hal di negeri Terengganu, kita kata menggunakan maktab perguruan. Kalau kita ada program di pihak kerajaan, kita di Kementerian Pendidikan kita gunakan, tetapi kita tidak guna pun atas nama politik partisan, tidak seperti PAS. PAS setiap kali akan menggunakan institusi-institusi ini sebagai menghebah, menyebarkan segala fahaman, dakyah dan membusukkan Kerajaan Pusat. Terima kasih. [Tepuk]

2. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian supaya buangan terjadual yang dikeluarkan oleh pengilang dihantar untuk pemprosesan dan tidak disimpan dalam kilang mereka bagi mengurangkan kesan terhadap kualiti alam akibat daripada pemprosesan buangan terjadual itu.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat daripada Batu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian supaya buangan terjadual yang dikeluarkan oleh pengilang dihantar untuk pemprosesan dan tidak disimpan dalam kilang mereka ialah:-

- (i) Mengenal pasti premis-premis yang mengeluarkan buangan terjadual bagi memastikan pengurusan buangan terjadual di premis-premis tersebut mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dari segi pengendalian, penstoran yang selamat, pergerakan dan pelupusan.
- (ii) Mengeluarkan notis arahan supaya pengeluaran buangan tidak menyimpan buangan terjadual di dalam premis mereka lebih daripada 180 hari ataupun melebihi satu tan.
- (iii) Melesenkan kemudahan bagi mengolah dan melupuskan buangan terjadual iaitu kemudahan bersepadu pengolahan

dan pelupusan buangan terjadual yang terdapat di Bukit Nenas, Port Dickson di mana premis ini mempunyai kemudahan pengolahaan dan pelupusan buangan terjadual yang lengkap beroperasi berasaskan teknologi terkini dan tidak mencemarkan alam sekitar. Selain dari itu, sehingga kini terdapat sebanyak 103 kemudahan pengolahaan dan pelupusan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan 96 kontraktor-kontraktor pengangkutan yang mengangkut bahan-bahan buangan terjadual ke tempat-tempat yang telah disebutkan.

- (iv) Mewujudkan sesi khidmat nasihat, ceramah dan kesedaran kepada pengeluar buangan tentang pengurusan buangan terjadual.

**Tuan Ng Lip Yong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Perlindungan alam sekitar adalah tanggungjawab kita semua dan dalam perkara buangan terjadual, biasanya faktor utama pengilang tidak menghantar buangan mereka kepada syarikat Kualiti Alam adalah kos. Saya ingin tahu sama ada kerajaan akan membenarkan syarikat baru untuk menubuhkan premis-premis untuk memproses buangan terjadual.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti yang saya sebutkan tadi, ada terdapat 103 loji-loji pemprosesan dan juga kemudahan-kemudahan untuk pengolahaan dan pelupusan yang telah dilesenkan, tetapi sebahagiannya adalah daripada loji-loji yang kecil dan memproses bahan-bahan tertentu sahaja. Manakala sebahagian besar daripada buangan terjadual ini dikehendaki untuk disalurkan kepada Kualiti Alam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 1999 lebih kurang 1,648 pengeluar buangan toksik daripada sejumlah kira-kira 2,500 pengeluar di seluruh negara yang telah menandatangani perjanjian ataupun telah bersetuju untuk menghantar buangan terjadual mereka kepada Kualiti Alam.

Namun begitu setakat ini, 1,141 daripadanya yang telah pun diambil buangannya oleh Kualiti Alam. Jadi, dalam hal ini menjawab kepada soalan Yang Berhormat tadi, memang kita ada membenarkan pengwujudan loji-loji pemprosesan yang tertakluk kepada jenis-jenis buangan di tempat-tempat yang telah saya sebutkan tadi, yang berjumlah lebih kurang 103 setakat ini.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang masalah yang mana sisa pepejal semasa kontraktor yang membuang sisa pepejal kadang-kadang mereka pun pungut barang-barang pembuangan berjadual itu iaitu sisa toksik ke pusat tanam sampah-sarap. Ini adalah mendatangkan satu masalah kepada penduduk terutama mereka yang tinggal berhampiran dengan tempat pembuangan sampah. Apa perbincangan antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menangani masalah ini yang mana sisa toksik dicampur sekali dengan sampah-sarap dan buang ke tempat pembuangan sampah.

Setakat ini sejauh manakah prestasi perkhidmatan Kualiti Alam sejak ia ditubuhkan? Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya telah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab kepada pihak kilang-kilang yang mengeluarkan bahan-bahan buangan terjadual ini untuk mengasingkan bahan-bahan seperti sisa toksik dengan sampah-sarap dan sebagainya. Tetapi kadangkala sebagaimana biasa, Tuan Yang di-Pertua, bahawa terdapat sebahagian daripada pengilang-pengilang yang kurang bertanggungjawab mencampurkan buangan-buangan ini dalam satu bekas yang sama dan ini menimbulkan kesukaran kepada pihak pemprosesan untuk pelupusan.

Di peringkat kementerian, melalui Jabatan Alam Sekitar kita sentiasa mengawasi perkara ini mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan kita juga sentiasa cuba untuk mengambil tindakan-tindakan mengikut langkah-langkah tertentu. Sekiranya terdapat masalah-masalah sama ada menerusi pengaduan ataupun menerusi maklumat yang kita dapati.

Sebenarnya untuk Kualiti Alam sendiri, hanya tiga kategori yang tidak termasuk di dalam skop operasi mereka iaitu buangan-buangan radio aktif, bahan letupan dan buangan klinikal. Selain daripada itu Kualiti Alam memang mengambil buangan-buangan sisa toksik untuk diproses di Kualiti Alam.

Seperti yang telah saya sebutkan tadi bahawa prestasi pada setakat ini – walaupun saya telah sebutkan tadi bahawa 1,648 pengeluar bahan-bahan terjadual daripada lebih kurang 2,500 yang telah menandatangani persetujuan untuk menghantar buangan ke Kualiti Alam namun setakat ini hanya 1,141 daripadanya telah diambil. Dan yang lain ada yang masih terdapat buangan-buangan yang masih lagi disimpan oleh pengeluar-pengeluar masing-masing dengan alasan bahawa sebahagian daripadanya ialah kerana kos yang telah dikenakan oleh pihak Kualiti Alam dan juga masalah pengangkutan yang berbangkit.

Namun demikian untuk makluman bahawa kos yang dikenakan bagi perkhidmatan pemprosesan buangan terjadual di Kualiti Alam bayaran perkhidmatan yang dikenakan ialah di antara RM495 sehingga RM3000 bagi setiap tan sisa toksik bergantung kepada jenis sisa dan rawatannya. Terima kasih.

3. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan kesan-kesan positif yang dinikmati ekoran penganjuran acara Citra Warna dan acara-acara yang berkaitan dengannya, pertengahan tahun ini. Berapakah kos yang terlibat dan apa pula pulangannya.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia melalui agensinya Tourism Malaysia telah pertama kalinya menganjurkan perarakan Citra Warna Malaysia pada 16 Oktober 1999 di Kuala Lumpur. Bagi tahun ini perarakan Citra Warna Malaysia telah diadakan pada 27 Mei 2000 dan sambutan acara ini telah diadakan selama satu bulan mulai 27 Mei hingga 25 Jun 2000 dan diperluaskan ke seluruh negara dengan pelbagai program Citra Warna Malaysia.

Konsep Citra Warna Malaysia memaparkan kekayaan keindahan dan keunikan seni budaya dan adat istiadat masyarakat Malaysia pelbagai kaum. Penampilan aktiviti Citra Warna Malaysia adalah menerusi kesenian dan kebudayaan, seni kraf dan seni tampak, makanan dan pakaian, muzik, tarian dan sebagainya.

Komponen kepelbagaian seni budaya dan adat-istiadat ini telah memberi gambaran bahawa Malaysia adalah sebuah negara lain dari yang lain dan sebenarnya adalah sebuah negara istimewa untuk melancong.

Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan positif yang dinikmati melalui penganjuran bulan Citra Warna Malaysia sememangnya tidak dapat diukur pada masa terdekat ini. Walau bagaimanapun, kementerian ini begitu yakin sekali Citra Warna Malaysia akan menjadi suatu acara bertaraf dunia yang dapat menarik ramai pelancong datang ke Malaysia dan mengangkat martabat Malaysia ke dunia antarabangsa. Melalui Bulan Citra Warna Malaysia akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha pelancongan dari dalam dan luar negara membangunkan pakej-pakej lawatan ke Malaysia.

Di samping itu, Bulan Citra Warna Malaysia juga memberi kesan positif kepada rakyat Malaysia terutamanya kepada generasi muda untuk menghayati dan menikmati serta memberi pendidikan, kefahaman dan kesedaran akan keunikan dan keindahan seni budaya masyarakat Malaysia pelbagai kaum. Melalui aktiviti tersebut

sudah pasti melahirkan satu generasi muda yang mempunyai jati diri yang kuat, di samping meningkatkan daya pemikiran dari segi kreatif dan artistik yang boleh menjauhkan mereka dari gejala sosial yang tidak sihat.

Penganjuran Bulan Citra Warna Malaysia juga menyaksikan ikatan persahabatan dan perpaduan terjalin kukuh di antara budaya pelbagai kaum di Malaysia. Citra Warna Malaysia juga menyaksikan rakyat Malaysia tidak kira agama, fahaman politik dan bangsa datang beramai-ramai menyaksikan perarakan dan perayaan Citra Warna Malaysia dalam keadaan aman-damai yang akan membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Kos penganjuran Bulan Citra Warna Malaysia 2000 membabitkan perbelanjaan sebanyak RM4 juta meliputi kos penganjuran perarakan, bantuan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan publisiti serta promosi di dalam akhbar, radio, teks, bas, beg, televisyen dan juga promosi oleh pejabat-pejabat Tourism Malaysia dalam dan juga di luar negara. Dari aspek pulangan yang diperolehi sudah pasti secara langsung ianya mendatangkan keuntungan dari segi pertukaran wang asing dengan kemasukan pelancong-pelancong asing dan juga melalui publisiti di luar negara yang nilainya berlipat kali ganda dari perbelanjaan yang telah dikeluarkan.

Di samping itu, ia juga menggalakkan pertumbuhan dan peningkatan pendapatan dari industri pelancong terutama industri-industri yang mempunyai kaitan langsung seperti bidang perhotelan, pengembaraan, hiburan, runcitan, kraftangan, makanan dan minuman.

Walau bagaimanapun, pulangan yang tidak ternilai harganya yang tidak boleh dinilai dengan wang ringgit adalah kesan-kesan dari segi mental, pemikiran, kebanggaan, keyakinan negara kita sebagai satu negara yang bersatu padu, harmoni dan kaya dengan kepelbagaian budaya. Itulah Citra Warna Malaysia.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah ada negeri-negeri tertentu yang telah mengharamkan beberapa acara kebudayaan dan kesenian.

Jadi, persoalan saya ialah bagaimanakah penyertaan negeri tersebut dalam Citra Warna Peringkat Kebangsaan ini? Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, perayaan ini adalah perayaan baru kali ke dua kita buat. Kali ke dua ini kita telah jadikan perayaan sebulan suntuk dan diluaskan kepada seluruh negara. Kita telah menggalakkan semua negeri mengadakan acara masing-masing tetapi yang lebih penting adalah penggalakan supaya industri pelancongan khususnya hotel-hotel, kompleks-kompleks perniagaan semuanya mengadakan pelbagai program masing-masing dalam bulan tersebut.

Jadi, buat pertama kalinya kita adakan pada tahun ini yang melibatkan semua pihak dan saya rasa sangat menggalakkan. Sudah tentu ini akan dibaiki dari tahun ke se tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hulu Terengganu. Ya, Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Pasir Mas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya, apakah kementerian membuat pemantauan dan sekali gus tindakan terhadap aktiviti dan kebudayaan yang bercanggah dengan agama kita dan budaya Timur yang kita laksanakan sekarang ini kerana ia boleh merosakkan prestasi ataupun merosakkan muda-mudi Melayu kita dan remaja kita sekarang ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian sepanjang masa memantau dan kita tidak akan menggalakkan atau membuat sesuatu yang bercanggah dengan agama kita dan apa yang bercanggah dengan agama kita, pandangannya pelbagai. Terima kasih.

4. **Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setelah disedari betapa bahayanya pemalsuan lesen motor dan sekarang pemalsuan lesen Public Service Vehicle (PSV), yang dilakukan oleh sindiket-sindiket tertentu, adakah kerajaan akan menggunakan strategi yang dilakukan oleh BPR untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah pemalsuan pasport, pemalsuan pengundi, dan pemalsuan wang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik bilangan kes pemalsuan pasport yang dilaporkan kepada pihak polis adalah dalam jumlah yang kecil sahaja. Sejumlah enam kes dilaporkan dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2000 berbanding empat kes sahaja bagi tempoh yang sama dalam tahun 1999.

Walau bagaimanapun, tiada kegiatan sindiket yang dilaporkan. Penguatkuasaan penuh Akta Pasport 1966 adalah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan setakat ini kes yang dilaporkan adalah tidak membimbangkan. Manakala untuk mencegah pemalsuan pengundi, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya telah memastikan rekod daftar pengundi

Kes pemalsuan wang juga dilaporkan agak kecil dan terkawal. Kualiti wang palsu ini tidak dapat menyamai tahap-tahap kualiti wang yang sebenar dan orang ramai masih dapat membezakannya untuk membantu dalam menghalang pengedaran dan penggunaan wang palsu ini.

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, khususnya perkara ataupun masalah mengenai dengan pengundi-pengundi hantu yang telah mengambil bahagian dalam pilihan raya-pilihan raya khususnya di Sabah. Timbulnya perkara ini adalah disebabkan banyak kes kad pengenalan palsu dan adakah tidak perkara serupa ini yang menjejaskan hak warganegara Malaysia oleh sebab apabila mereka yang telah mendapat kad pengenalan palsu dan didaftar sebagai pengundi, mereka mengganti ataupun menyerupai warganegara, mengambil hak warganegara untuk mengundi. Adakah ini tidak dikira sebagai masalah yang akan menjejaskan kedaulatan negara. Kalau ini dikira daripada sudut bahawa ini adalah perkara yang amat penting untuk dibanteras, tidakkah pihak BPR mengambil langkah-langkah serupa dengan langkah-langkah yang dilakukan terhadap *flying license* ini, dengan izin.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang bertanya, saya ucapkan terima kasih atas kesedaran kalau berlakunya ketidakseimbangan dan merosakkan imej negara ini dalam penentuan meletakkan serta memberi kuasa kepada mana-mana calon dalam pilihan raya berasaskan pengundian yang diberikan kepada mereka.

Adalah menjadi peraturan sekiranya terdapat orang-orang yang berkenaan dan dikesan dengan rapi bahawa pihak yang berkenaan mempunyai kad pengenalan yang palsu, sudah tentulah pendaftarannya untuk menjadi pengundi ini tidak dibenarkan. Tetapi kalau ianya sudah dibenarkan dan sudah tentu pada peringkat awalnya pihak pengelola pendaftaran Suruhanjaya Pilihan Raya mengiktiraf orang ini dengan kad pengenalan yang ada padanya, maka beliau setelah didaftarkan berhak mengundi di kawasan mana yang beliau daftarkan sebagai pengundi.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat mana-mana laporan bahawa orang-orang yang tertentu ini ada mempunyai kad pengenalan palsu dan kita sangat berterima kasih kepada rakyat yang prihatin tentang masalah ini dan melaporkan sama ada kepada SPR ataupun kepada pendaftar beranak dan mati Pejabat Pendaftaran Negara ataupun kepada pihak polis dan penyiasatan yang kita buat, sekiranya orang yang berkenaan sememangnya mempunyai kad pengenalan palsu, orang ini akan diambil tindakan dan namanya sebagai pengundi akan dibuang daripada senarai mengundi di kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini kita sangat berharap bahawa bukan sahaja rakyat, para pemimpin dalam negara ini juga perlu menolong kita memantau

dalam masalah yang besar ini kerana kita mempunyai rakyat yang ramai. Sebaliknya walaupun terdapat masalah seperti ini tanpa pengetahuan kita yang benar, tiap-tiap individu yang turun mengundi ini tidak menyekat kebebasan individu lain untuk mengundi kerana orang perseorangan biasanya tidak dibenarkan menolak orang lain untuk dia mengundi ataupun mengundi di tempat-tempat yang banyak kecuali hanya kebenaran di tempat yang tertentu sahaja. Sekiranya namanya terdapat di tempat-tempat lain dan kita dapat mengesan ini, kemudahan dan keistimewaannya juga akan ditarik balik. Seorang rakyat hanya boleh mengundi di satu tempat sahaja. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya amat terkejut bahawa kes pemalsuan kad pengenalan palsu itu sekadar enam bagi enam bulan yang pertama bagi tahun ini memandangkan aduan-aduan umum termasuklah Parti Bersatu Sabah di mana kita telah mengemukakan beberapa aduan kes-kes tertentu di mana pemegang I.C palsu itu telah pun didapati juga telah mendapatkan pasport dan laporan kes yang berkaitan ini Tuan Yang di-Pertua, mengenai kes Sipadan itu di mana pemimpin nombor tiga dalam Abu Sayyaf itu didapati memiliki pasport Malaysia bahkan laporan pada mulanya beberapa pemimpin Abu Sayyaf memperlihatkan kad pengenalan Malaysia kepada para wartawan pada waktu itu. Ini mencerminkan bahawa kes ini lebih serius daripada apa yang barangkali diterima oleh pihak kementerian.

Soalan saya, adakah pihak kementerian mengambil kes-kes ini sebagai satu gambaran kepada masalah yang lebih serius dan dengan itu mengambil tindakan-tindakan yang tegas termasuklah menyiasat melalui Badan Pencegah Rasuah, khususnya dengan pasport Malaysia digunakan oleh pemimpin Abu Sayyaf dan I.C. yang digunakan oleh pemimpin mereka seperti mana yang dilaporkan oleh para wartawan. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Bandau ini bahawa terdapat orang-orang bukan rakyat Malaysia yang memegang kad pengenalan palsu dan pasport Malaysia. Ini adalah satu perkara yang memang rata-rata telah mengetahui bahawa ada terdapat kad pengenalan palsu dan pasport palsu Malaysia yang beredar bukan sahaja dalam negara ini bahkan di luar daripada negara kita.

Walau bagaimanapun, pemegang-pemegang ini ataupun kad pengenalan serta pasport ini hanya dapat dikesan apabila mereka masuk ke dalam negara kita. Menjawab soalan tentang laporan yang telah banyak yang diberikan dan berbanding dengan jawapan yang telah saya beri, kita memberi jawapan ini berdasarkan laporan yang kita terima enam bulan yang pertama tahun 2000. Sekiranya dalam enam bulan yang pertama tahun 2000 ini tidak termasuk laporan-laporan Yang Berhormat ataupun parti Yang Berhormat laporkan.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk menerima terus bila tarikh dan di mana laporan ini dibuat akan saya uruskan dengan pejabat-pejabat yang berkenaan laporan yang telah dibuat itu. Terima kasih.

5. **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah kementerian akan membuat kajian dan menggabungkan semua persatuan dan pertubuhan supaya satu aktiviti yang lebih "fokus" bagi mencapai matlamat negara menghasilkan rakyat yang lebih berkebolehan dalam semua bidang khususnya sukan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan belum merancang untuk membuat kajian dan tidak berhasrat menggabungkan semua persatuan dan pertubuhan belia dan sukan supaya satu aktiviti yang lebih fokus bagi mencapai matlamat negara, menghasilkan rakyat yang lebih berkebolehan dalam semua bidang khususnya dalam sukan.

Pada pandangan kementerian adalah perlu untuk persatuan-persatuan belia dan sukan mengekalkan kebebasan mereka kerana ini akan menjadikan persatuan-persatuan lebih kreatif, lebih berwibawa dan bertanggungjawab.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri huraikan sama ada Kementerian Belia dan Sukan ada perbincangan dengan Kementerian Pendidikan dalam untuk mewujudkan budaya suka bersukan di antara rakyat kita supaya kita dapat membimbing generasi muda semasa mereka di bangku sekolah supaya kita dapat mewujudkan budaya suka bersukan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang pernah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini kelmarin usaha dan permuafakatan yang rapat telah pun diambil dan sedang dijalankan dengan rancak di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Pendidikan khususnya dalam usaha membangunkan sukan di peringkat sekolah dan ini bukan sahaja terhad kepada pembangunan atlet semata-mata malahan juga mencakupi penyediaan kemudahan-kemudahan yang tertentu yang membolehkan pelajar-pelajar sekolah bersukan dengan meluas.

**Datuk Napsiah binti Omar:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian Belia dan Sukan boleh menyediakan jurulatih-jurulatih yang boleh melatih remaja-remaja terutamanya beliawanis supaya mereka ini boleh mempertahankan diri mereka sekiranya diserang oleh orang-orang yang ganas. *[Ketawa]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pengambilan jurulatih-jurulatih termasuk juga jurulatih dari seberang laut telah pun ditempatkan di sekolah-sekolah yang tertentu, bukannya semua sekolah tetapi sekolah yang dipilih. Dalam hubungan ini, bersabit dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, selama ini umpamanya Program Rakan Muda, Waja Diri tidak pernah mempunyai sebarang sekatan terhadap penglibatan kaum wanita khususnya pelajar-pelajar wanita untuk menyertainya. Jadi, soal sama ada ianya akan dikhususkan untuk beliawanis atau tidak, saya rasa itu tidak timbul kerana ianya adalah terbuka untuk semua, beliawan dan beliawanis.

6. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah keluasan tanah Malaysia Airport Berhad (MAB) diswastakan untuk projek NECC di Subang; dan
- (b) apakah pampasan atau imbuhan serta di manakah kawasan penempatan baru kepada penduduk terlibat yang terdiri dari kakitangan Jabatan Penerbangan Awam, kakitangan MAB dan anggota polis.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat:

- (a) Projek NECC akan dibina dalam kawasan tanah Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Projek ini dan projek Original Option Centre akan didirikan dalam kawasan tanah seluas 92 hektar;
- (b) Semua pegawai kerajaan yang menduduki quarters kerajaan akan dirobuhkan untuk pembinaan NECC akan diberi pampasan atau penempatan semula berasaskan kepada satu peraturan yang akan ditetapkan di antara kerajaan dengan pihak yang mengusahakan projek NECC di Subang. Peraturan ini akan mengambil kira kepentingan setiap kakitangan kerajaan yang terlibat berasaskan kepada kelayakan masing-masing.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan 92 hektar itu terdapat sebuah masjid yang begitu besar dan jawatankuasa atau kakitangan masjid itu kebanyakannya tinggal di kawasan dalam perkarangan masjid itu. Bagaimana dengan kedudukan masjid itu, adakah ianya akan diroboh dan bagaimana pula rumah-rumah kediaman di sekitar masjid Subang yang ada dalam NECC itu. Bagaimana kedudukannya?

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan spesifik, saya akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasihlah kepada kementerian yang mengambil berat termasuk memberi pampasan dan imbuhan kepada penduduk yang terlibat dalam projek NECC ini. Jadi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan lebih lanjut lagi, apabila projek NECC siap nanti, apakah program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang menarik yang akan dijalankan di kawasan ini untuk membawa faedah kepada negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, kini masih mengendalikan operasi penerbangan domestik yang tertentu. Selain daripada itu kemudahan serta perkhidmatan seperti berikut akan terus dikekalkan di lapangan terbang ini.

- (i) Pusat Operasi *Air Traffic Control* (ATC), dengan izin;
- (ii) Pusat Penyelenggaraan Penerbangan Malaysia (MAS);
- (iii) Kolej Penerbangan Awam;
- (iv) Pusat Penyelenggaraan Airod;
- (v) Unit Globalisasi alat-alat pandu arah Jabatan Penerbangan Awam.

7. **Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Tanah Dan Pembangunan Koperasi menyatakan bilakah bermulanya penutupan pembukaan tanah-tanah dan kawasan-kawasan baru bagi rancangan FELDA, FELCRA dan sebagainya dan mengapa program itu diberhentikan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarokatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Jerlun, mulai 1 Januari 1990 FELDA tidak lagi membangunkan kawasan baru untuk menempatkan peneroka. Langkah ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan supaya pengambilan peneroka baru diberhentikan dan kesemua kawasan yang tidak berpeneroka diuruskan secara ladang komersial.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, FELCRA adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Mengikut sumber yang diterima dari FELCRA Sdn. Bhd. sehingga kini kerajaan masih meneruskan usaha-usaha pembukaan tanah-tanah dan kawasan-kawasan baru tanah rancangan melalui agensi-agensinya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. FELCRA Sdn. Bhd. ditubuhkan untuk terus berperanan membangunkan tanah-tanah terbiar melalui kaedah pemuliharaan dan penyatuan tanah dengan kelulusan pihak berkuasa kerajaan negeri atau daripada pemilik-pemilik tanah persendirian.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Terima kasih, di atas penjelasan itu. Soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa dengan pemberhentian pembukaan tanah-tanah baru bagi rancangan tersebut, menjadikan tertutup peluang rakyat di kampung-kampung memiliki tanah dan sekaligus hilang peluang mereka untuk mengangkat taraf sosioekonomi dan kehidupan mereka. Juga lebih malang lagi barangan getah, kelapa sawit dan sebagainya dari negara kita akan tersisih daripada pasaran antarabangsa di era globalisasi ini. Terima kasih.

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Untuk jawapan Yang Berhormat, memang adalah keputusan Kerajaan Persekutuan untuk memberhentikan pengambilan peneroka-peneroka ini berdasarkan maklumat yang kita dapat daripada peneroka-peneroka akibat daripada penurunan harga sawit dan kelapa pada tahun 80-an lagi. Jadi, memandangkan kos pembangunan kalau kita teruskan pengambilan pada tahun 80-an dahulu adalah tinggi dan tanah-tanah yang dimajukan ialah *marginal*, tidak menguntungkan. Daripada segi itu difikirkan bahawa penempatan peneroka-peneroka tidak terjamin dan kerajaan memberhentikan pengambilan peneroka itu. Dan, pada masa itu juga pertumbuhan industri berkembang, jadi memberi peluang kepada rakyat berhijrah kepada perindustrian dan justeru itu tanah yang hendak dimajukan kalau bayaran kembalinya tinggi, infrastruktur kosnya tinggi, membebankan rakyat, justeru itu kita tidak ambil lagi.

Yang Berhormat soal pasal apa tadi – harga macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Ya. Menjadikan barangan komoditi seperti getah dan kelapa sawit akan hilang daya saingan di pasaran antarabangsa dan globalisasi.

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Kalau kita teruskan? Kementerian Perusahaan Utama telah mengadakan beberapa tindakan dan rancangan untuk mengenal pasti apakah produk-produk komoditi ini penting. Saya rasa getah, walaupun dari segi getahnya tidak produktif tetapi kayunya adalah mengeluarkan hasil yang tinggi. Jadi, saya rasa tidak ada masalah dari segi itu.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua. Ada terdapat dalam kes-kes rancangan FELDA ini, di mana bukan sahaja pembukaan tanah itu ditutup tetapi penerimaan ataupun para peneroka itu diberhentikan, walaupun tanah itu telah pun dibuka. Dan, ini adalah kes di FELDA Sahabat, di mana beberapa lot di sana, kawasan di sana, di bawah FELDA Sahabat itu yang dikhususkan misalnya untuk orang masyarakat Murud telah pun dihentikan dan peneroka tidak diambil. Soalan kita dalam perkara ini adalah apa terjadi kepada hasil daripada tanaman itu yang seharusnya ditentukan untuk sesuatu komuniti masyarakat kaum Murud misalnya oleh kerana pengambilan peneroka dihentikan maka diambil oleh FELDA sendiri dan dimasukkan ke dalam keuntungan FELDA keseluruhan. Jadi, ini menyalahkan syarat perjanjian dengan kerajaan negeri dan matlamat asal. Apakah tindakan pihak kementerian dalam perkara ini sebab saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedia maklum. Sekian, terima kasih.

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Dalam hal FELDA Sahabat itu, dikendalikan oleh FELDA Plantation. Jadi, kita daripada 1990 memang tidak ambil peneroka, jadi apabila FELDA di ambil alih oleh FELDA Plantation, peneroka tidak ada lagilah dalam FELDA Plantation. Hanya pekerja-pekerja sahajalah, jadi itu jawapannya.

8. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada Program Gerakan Desa Wawasan mencapai kejayaan setakat ini di mana objektif utamanya adalah untuk memperbaiki taraf kehidupan sosioekonomi sesuatu golongan masyarakat dan berapa banyakkah kampung-kampung yang terlibat dengan program ini terutamanya di Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, melalui Program Gerakan Desa Wawasan, masyarakat kampung dan institusi JKKK digerakkan supaya terlibat secara aktif dan merancang dan melaksanakan program-program pembangunan manusia dan sosioekonomi dengan daya usaha penduduk sendiri serta dengan usaha sama pertubuhan sukarela, pihak korporat atau swasta atau jabatan kerajaan yang berkaitan. Oleh itu kejayaan Program Gerakan Desa Wawasan untuk memperbaiki taraf kehidupan sosioekonomi sesuatu golongan masyarakat banyak bergantung kepada sejauh mana daya usaha dan penglibatan masyarakat setempat untuk menerima

perubahan membangunkan diri dan masyarakat dan mengambil peluang hasil dari pembangunan yang berlaku di sekitarnya.

Dari jumlah 2,989 buah kampung yang sedang dimajukan di bawah program ini, 462 buah kampung atau 15% telah menunjukkan perubahan yang memuaskan dan dikategorikan sebagai gred A. 1,066 buah kampung atau 35% di peringkat sederhana dan dikategorikan sebagai gred B. Baki 1,461 buah kampung atau 48% belum menunjukkan perubahan dan dikategorikan sebagai gred C. Jumlah kampung yang terlibat di dalam Program Gerakan Desa Wawasan di negeri Sarawak sehingga tahun 2000 ialah sebanyak 350 buah kampung. Dan untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang dalam kajian untuk mengkaji dengan sedalamnya keberkesanan Program Gerakan Desa Wawasan.

**Tuan Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah kementerian memberitahu tentang kelemahan-kelemahan Program Gerakan Desa Wawasan. Dan, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menanganinya? Terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi, kementerian pada masa ini dalam kajian untuk mengkaji sedalam-dalamnya dari segi kelemahan-kelemahan Program Gerakan Desa Wawasan dan juga langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut dan, Insya-Allah, akan diberitahu setelah kajian itu selesai dibuatkan.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Program dan objektif Gerakan Desa Wawasan (GDW) ini memang baik dan dialu-alukan oleh penduduk kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sarawak, untuk memperbaiki taraf kehidupan sosioekonomi mereka. Tetapi masalahnya, saya difahamkan oleh penduduk di kawasan luar bandar, GDW ini tidak ada peruntukan khas untuk pembangunan projek yang dilaksanakan oleh Gerakan Desa Wawasan ini. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian bercadang untuk memberikan peruntukkan khas kepada program ini supaya ianya lebih berkesan dan efektif pada masa akan datang. Kerana difahamkan tinggal tayar sahaja di hadapan rumah panjang di kampung-kampung. *[Ketawa]* Terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Selangau. Memang selain daripada peruntukan khas, sebenarnya bila kementerian memilihkan kampung-kampung untuk dikategorikan sebagai kampung GDW sebenarnya kampung-kampung ini telah ditelitikan dari segi potensinya untuk dimajukan. Dan satu daripada kriteria ialah mempunyai kepimpinan JKKK yang aktif, komited dan berwawasan, mempunyai kemudahan dan infrastruktur asas yang sesuai tetapi kalau tidak ada, berpotensi untuk dimajukan walaupun kemudahan dan infrastruktur asas belum lengkap dan juga mengutamakan kampung-kampung yang telah menyertai pertandingan kebersihan, keindahan dan kemajuan kampung dan juga kepada penduduk yang sanggup menerima perubahan dan menghadapi cabaran. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kementerian dalam Rancangan Malaysia Kelapan akan menyediakan peruntukan untuk kampung GDW.

9. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bila persimpangan (interchange) Alor Pongsu di Lebuh Raya Utara-Selatan akan dibuka.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perjanjian konsesi di antara pihak kerajaan dengan PLUS Berhad, pembinaan persimpangan bertingkat Alor Pongsu akan hanya dilaksanakan selewat-lewatnya pada tahun 2011. Penetapan tarikh ini adalah berasaskan unjuran trafik bagi kawasan sekitaran persimpangan berkenaan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Oleh kerana pentingnya interchange ini, dengan izin, bagi perkembangan tempat-tempat

yang berhampiran dari segi pertumbuhan ekonomi, saya ingin tahu kenapa rancangan ini lewat sebagaimana yang dijadualkan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Sebenarnya untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, jadual asal ini adalah seperti yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi asal dalam tahun 1980-an dan penetapan kepada jadual itu adalah berasaskan pada ketika itu unjuran trafik yang akan melalui kawasan itu. Tetapi sememangnya kita terima bahawa unjuran itu dilakukan tidak begitu tepat. Sekarang ini seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat semakin banyak trafik yang melalui kawasan itu. Oleh sebab itu, bukan sahaja Yang Berhormat tetapi kerajaan negeri telah minta untuk dikaji semula supaya dipercepatkan pembinaan di kawasan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 23 adalah dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG PERBEKALAN 2001**  
**DAN**  
**USUL**  
**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan Usul Anggaran Pembangunan 2001 dan Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Ketujuh]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.34 [Jadual] -**

**Maksud P.34 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas semula. Sila.

**Tuan Mah Siew Keong:** Tuan Pengerusi.....

*[Y.B. bagi Kepong berjalan masuk ke dalam Dewan]*

**Tuan Pengerusi:** Saya miris dia berucap, Yang Berhormat lambat datang. *[Ketawa]*

**11.02 pagi**

**Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]:** Okay. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.34, Butiran 031700 - Kementerian Kesihatan. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Menteri Kewangan kerana kerajaan akan memberi subsidi kepada kos rawatan sebanyak RM50 kepada setiap pesakit yang menggunakan pusat hemodialisis badan sukarela, bukan kerajaan.

Tuan Pengerusi, mengikut statistik 60% dari 2,000 pesakit buah pinggang baru (new kidney failure case) dengan izin, are left to die, sebab pesakit tidak mampu bayar rawatan hemodialisis. Pesakit buah pinggang kena rawatan tiga kali seminggu dan kos satu sesi dialisis adalah antara RM100 di pusat NGO seperti MAA Medicare RM200 hingga RM300 bagi satu sesi di hospital swasta, yang murah sekali adalah RM100 satu sesi. Dengan tiga sesi rawatan satu minggu ini bermakna seorang pesakit kena bayar sekurang-kurangnya RM1,200 sebulan. Ini adalah satu beban kewangan

yang berat dan banyak yang telah pinjam duit dan menjual harta untuk bayaran rawatan to stay alive, dengan izin. Jika sipesakit memohon untuk rawatan di hospital kerajaan mereka akan diberitahu bahawa queue untuk mendapat rawatan adalah terlalu panjang, seperti misalnya Hospital Teluk Intan mempunyai lapan buah mesin hemodialisis yang dapat memberi rawatan kepada 30 pesakit sahaja. Masih ada dua kali ganda pesakit yang menunggu giliran mereka kerana mereka tidak mampu membayar kos rawatan.

Pemuda Parti Gerakan Teluk Intan pada bulan dahulu telah berjaya mengutip derma melebihi RM270,000 untuk membeli tujuh mesin dialisis untuk sebuah NGO di Teluk Intan tetapi ini masih tidak mencukupi. Oleh itu, saya mengalu-alukan subsidi RM50.00 yang diumumkan oleh kerajaan diberi lebih butiran, sebab Menteri Kewangan menyebut bahawa ini akan melibatkan peruntukan kira-kira RM10 juta dalam tahun 2001.

Mengikut satu kiraan kasar yang saya telah buat, jika seorang pesakit dapat rawatan tiga kali seminggu dengan subsidi RM50 sahaja, RM10,000,000 ini hanya dapat menolong 1,400 pesakit, manakala di Malaysia ada berpuluh-puluh ribu pesakit buah pinggang dan RM10 juta hanya dapat menolong 1,400 pesakit. Oleh itu, saya hendak tahu apakah syarat yang akan menetapkan pesakit mana yang akan dapat bantuan ini. Sebab memang tak cukup RM10,000.

Oleh itu, saya menyeru kementerian memberi lebih maklumat, saya juga harap lebih peruntukan, lebih daripada RM10 juta ini disediakan dan juga lebih mesin dialisis dibekal kepada hospital kerajaan kerana beribu-ribu pesakit buah pinggang mati bukan kerana tidak ada rawatan, tetapi tidak ada duit untuk menjalani rawatan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari kawasan mana, sila.

**Datuk Lau Ngan Siew:** Sandakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya Sandakan.

11.06 pagi.

**Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]:** Tuan Pengerusi saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud Bekalan B.24, Kementerian Kesihatan. Butiran 030300 - Rawatan Pesakit Luar, 032100 - Makmal, 030000 - Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan mengenai masalah-masalah yang timbul dalam perkhidmatan perubatan di Sabah. Apa yang saya perhatikan di Sabah khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan kampung-kampung, perkhidmatan hospital dan klinik-klinik swasta adalah sukar untuk ditemui. Ini adalah kerana hospital dan klinik-klinik swasta hanya didirikan di bandar-bandar berdekatan sahaja. Manakala kemudahan jalan raya juga belum dibangunkan di kawasan berkenaan. Ini menyebabkan penduduk yang tinggal di kawasan berkenaan perlu berjalan kaki untuk sampai ke bandar ataupun pekan-pekan yang berdekatan untuk mendapatkan perkhidmatan doktor.

Memandangkan tiada kemudahan jalan raya yang didirikan di kawasan berkenaan, maka ianya tidak mengizinkan bagi kenderaan melalui jalan tersebut yang tidak rata dan sempit. Untuk itu kerajaan telah menghantar perkhidmatan doktor udara (flying doctor), dengan izin, untuk mengatasi masalah tersebut. Di samping itu, pada tahun 1997 peruntukan yang besar telah diperuntukkan kepada negeri Sabah bagi membiayai kos rawatan dan helikopter. Malangnya, peruntukan itu telah dikurangkan pada tahun 1999 walaupun pada hakikatnya kos pembiayaan yang diperlukan telah meningkat dari tahun ke tahun, dibandingkan dengan negeri Sarawak peruntukan yang diberikan untuk membiayai kos rawatan ini tidak perlu dikurangkan.

Adalah tidak adil bagi negeri Sabah mendapat peruntukan sedemikian, sedangkan rakyat Sabah juga amat memerlukan peruntukan yang serupa dengan negeri

Sarawak. Memandangkan keadaan ekonomi negara sudah pulih, maka adalah patut bagi Kerajaan Persekutuan memberikan semula peruntukan yang telah dikurangkan itu kepada negeri Sabah untuk menanggung kos-kos perkhidmatan tersebut khasnya kepada pesakit-pesakit penduduk luar bandar.

Di Sandakan walaupun hospital, klinik telah ditubuhkan di Hospital Dutchess of Kent, namun begitu masih terdapat lagi kekurangan bagi sistem peralatan rawatan moden scanning machine seperti CT machine dan MRI machine. Kemudahan-kemudahan terdapat di Hospital Sandakan adalah tidak moden dan peralatan perubatannya adalah masih tidak lengkap dan mencukupi.

Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian terhadap masalah ini. Peningkatan terhadap kemudahan-kemudahan peralatan yang *junky* dan moden di dalam bahagian scanning machine dan makmal perlu ditingkatkan dalam jangka masa yang pendek. Selepas itu, barulah perkhidmatan doktor-doktor pakar khasnya dalam bidang pathologist iaitu dalam makmal dan mengkaji virus dan bakteria yang terdapat dalam darah pesakit dan juga pakar dalam bidang radiologist iaitu bahagian rawatan scanning dihantar berkhidmat di Hospital Sandakan memandangkan perkhidmatan doktor-doktor pakar di bidang berkenaan belum ada lagi di Sandakan pada ketika ini.

Terdapat juga kes-kes bagi sesetengah penyakit khasnya *virus infection* tidak dapat dikaji dan diselidik di makmal Sandakan, pihak hospital terpaksa menghantar kes penyakit tersebut sama ada ke SMC Kota Kinabalu ataupun Hospital Besar Kuala Lumpur untuk mengetahui keputusan lanjut. Ini akan memakan masa yang lama bagi menunggu proses untuk mendapatkan rekod keputusan penyakit tersebut. Para pesakit penyakit berkenaan tentunya tidak dapat bertahan lama memandangkan wabak penyakit tersebut akan terus merebak jika ia lambat dikesan.

Saya mencadangkan beberapa orang doktor pakar dalam bidang pathology akan dihantar segera ke Sandakan untuk mengatasi masalah penyakit virus infection di Hospital Sandakan seperti mana yang berlaku pada seorang doktor pakar yang asalnya berkhidmat di Hospital Klang Valley tetapi ditukarkan ke hospital yang lebih kecil, di Hospital Tampin. Sepatutnya recruitment doktor pakar seperti ini adalah lebih sesuai ditugaskan berkhidmat di hospital yang lebih memerlukan khidmat mereka.

Oleh itu, saya berharap Kementerian Kesihatan dapat menghantar secepat mungkin beberapa orang doktor pakar dalam bidang pathology ke Hospital Sandakan bagi merawat penyakit-penyakit yang mengalami virus infection ini. Segala kemudahan-kemudahan dan alat perubatan di Sandakan tidak lengkap sepenuhnya. Di dalam jangka masa yang pendek ini adalah penting bagi Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan kewangan yang lebih besar kepada Hospital Dutchess of Kent, Sandakan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi membiayai kos-kos peralatan moden demi meningkatkan taraf perubatan di Sabah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi: Batu Gajah.**

**11.14 pagi.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020500 - Kawalan Mutu Makanan. Bahan kimia beta agonist telah dilarang penggunaannya pada 1998 melalui pindaan kepada Akta Makanan 1983, iaitu sejenis, dengan izin, *growth enhancer* yang dilaporkan boleh membawa kanser dan penyakit lain. Akan tetapi baru-baru ini dilaporkan menurut Malaysian Pork Sellers Association yang berdasarkan pandangan ahli-ahlinya bahawa adalah dianggarkan 90% daripada daging khinzir yang dijual di seluruh negara adalah mengandungi beta agonist.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai keseriusan penggunaan beta agonist di dalam ternakan khasnya penternakan khinzir. Saya menyokong penuh penguatkuasaan dalam pengawalan mutu makanan yang untuk kebaikan kesihatan pengguna. Menurut seksyen 13, Akta Makanan 1983 penjual

makanan juga boleh dipertuduhkan di bawah akta ini. Akan tetapi bagaimanakah penjual daging dapat memastikan makanan tersebut tidak mempunyai bahan kimia yang dilarang dalam daging yang dibekalkan. Pegawai penguatkuasa Jabatan Kesihatan pun tidak dapat pastikan daging mengandungi beta agonist, bagaimana pula dengan penjual daging tersebut.

Saya telah diadakan keadaan di mana penjual daging di pasar telah dituduh di mahkamah kerana menurut laporan kimia daging tersebut yang dibeli oleh pegawai penguat kuasa daripada penjual daging di pasar didapati mengandungi beta agonist pada hal daging tersebut sebelum dipasarkan telah melalui pemeriksaan oleh Jabatan Kesihatan dan sijil bahawa daging tersebut selamat dimakan oleh pengguna telah dikeluarkan.

Ini boleh dipastikan dengan melihat kepada tanda nombor penternak yang dicap ke atas kulit daging tersebut. Bagaimanakah daging tersebut yang telah diuji mendapati beta agonist boleh berada di pasaran. Ada banyak kes seperti demikian. Ini adalah berpunca daripada kelalaian di dalam pemeriksaan sebelum sijil kelulusan keselamatan diberi atau amalan rasuah.

Saya selalu perhatikan bahawa selalu wujud tolak tanggungjawab di antara Kementerian Pertanian dengan Kementerian Kesihatan apabila berlakunya penyalahgunaan beta agonist. Kementerian Pertanian berkata bahawa apabila ternakan telah disembelih ianya di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Akan tetapi Kementerian Kesihatan berkata bahawa oleh kerana ternakan sebelum disembelih ternakan itu telah makan beta agonist, oleh itu, ia di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian. Saya harap keadaan sedemikian tidak wujud lagi dan berterusan sedemikian.

Penjual daging di pasar telah menjadi mangsa ekoran daripada tindakan beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya menyeru kementerian juga menjalankan siasatan dalaman mengenai perkara ini. Saya ingin tahu setakat ini berapakah kes tangkapan atas penggunaan beta agonist. Jika boleh beri pecahan mengikut yang kena disaman tersebut, berapa orang adalah penjual daging di pasar dan berapa orang adalah penternak.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya juga cadangkan bahawa untuk menganalisis daging, sampel daging atau makanan yang dibeli oleh penguat kuasa ia dijalankan serta merta di hadapan penjual daging tersebut di pasar. Ini adalah kerana apabila sampel makanan waktu pagi tatkala diambil dari penjual daging di pasar ia dihantar ke Pulau Pinang dan ini tidak untuk dianalisa di makmal di Pulau Pinang. Ia tidak boleh dibuktikan oleh penjual daging tersebut bahawa sampel itu adalah sebenarnya daripada daging yang dijualnya. Oleh itu, kita perlu bersikap adil kepada penjual daging. Saya dengan ini mencadangkan agar analisis daging itu dilakukan serta-merta oleh pegawai penguat kuasa di hadapan penjual. Dengan itu pegawai seharusnya dilatih bagaimana menjalankannya.

Yang kedua, walaupun telah didapati makanan tersebut mengandungi beta agonist, jika makanan itu dianalisis di tempat lain, bagaimana pula dengan daging yang masih dijual di pasar tersebut. Ia telah terlambat jika benar-benar terbukti mengandungi beta agonist. Pembeli masih membelinya sementara laporan mengenai daging tersebut sedang disediakan di makmal di Pulau Pinang.

Oleh itu, saya juga menyeru agar Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan bersama-sama mengatasi masalah ini dengan menjalankan penguatkuasaan selalu di ladang-ladang ternakan agar pengguna tidak akan menjadi mangsa dan penjual daging di pasar tidak akan menjadi mangsa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Wangsa Maju.

11.20 pagi

**Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]:** Bismilahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk turut sama membahaskan belanjawan 2001 mengenai Maksud Bekalan 34 butiran 030000 Rawatan Perubatan dan 050000 Dasar Baru.

Tuan Pengerusi, Institut Jantung Negara ialah di antara hospital kerajaan yang terunggul di negara kita khususnya dalam pembedahan jantung dan juga rawatan dan pembedahan am. Pada masa ini harga rawatan dan pembedahan masih rendah kalau dibandingkan dengan hospital swasta yang lain. Kita pun tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Amat Mulia Raja-raja di antara orang-orang ramai yang telah berjaya menjalani pembedahan jantung dengan selamat.

Dalam perkara berkenaan saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan dalam melaksanakan pengkorporatan Institut Jantung Negara ini agar tidak menjejaskan keupayaan orang ramai dalam mendapatkan khidmat rawatan dengan kadar bayaran perkhidmatan yang setimpal dan yang sewajarnya. Melaksanakan dasar pengkorporatan Institut Jantung Negara sebagai sebuah syarikat milik kerajaan tidak bermakna syarikat ini harus mencari keuntungan berlipat ganda tanpa memikirkan perkhidmatan kesihatan ini mampu dimanfaatkan oleh pesakit yang terlibat. Kerajaan hendaklah memastikan bayaran perkhidmatannya dikawal dengan kadar harga yang standard dengan izin.

Begitu juga saya ingin mencadangkan supaya perkhidmatan doktor-doktor pakar di IJN dapat diberikan insentif yang lebih menggalakkan selaras dengan kepakaran yang dimiliki oleh mereka. Doktor-doktor pakar yang masih mahu memberikan perkhidmatan di pusat-pusat pakar seperti IJN sewajarnya kita memberikan penghargaan dalam bentuk insentif kepada mereka bukan sekadar kenaikan gaji atau elaun-elaun tertentu malah pengorbanan mereka ini juga harus diberikan insentif dalam bentuk skim syer option dengan izin, terutama setelah IJN ini dikorporatkan.

Imej pusat pakar seperti IJN sebenarnya banyak bergantung kepada kepakaran yang dimiliki oleh doktor-doktor seperti ini yang sebenarnya telah bersama IJN semenjak penubuhannya di awal 1990-an. Perkhidmatan mereka yang cemerlang selama ini patut dihargai dan diterjemahkan dalam bentuk insentif pemberian saham-saham kepada mereka. Keuntungan yang dinikmati oleh syarikat milik kerajaan seperti IJN adalah berkait rapat dengan mutu perkhidmatan yang cemerlang yang ditunjukkan oleh pakar-pakar perubatan ini.

Selanjutnya saya juga suka bercadang supaya kerajaan dapat menimbang supaya IJN dapat disenaraikan di bursa saham (KLSE) dengan izin, tetapi kerajaan harus menentukan pemegang sahamnya ialah dengan majoriti ataupun golden share dengan izin, selepas disenaraikan supaya kerajaan dapat mengawalkan harga perkhidmatan pembedahan dan rawatan kepada pesakit-pesakit.

Pakar-pakar perubatan terutama yang masih setia dengan perkhidmatan mereka di IJN yang telah menunjukkan komitmen yang berlandaskan berkhidmat untuk negara dengan mengetepikan segala tawaran dengan ganjaran yang lumayan jika dibandingkan dengan perkhidmatan di hospital dan pusat rawatan swasta yang lain terutama di luar negara patut diberi peluang membeli saham-saham sebelum disenaraikan. Oleh sebab itu saya berharap supaya pengkorporatan Institut Jantung Negara ini dapat ditentukan supaya kepentingan dua hala dapat diberikan jaminan iaitu kepentingan pesakit yang memerlukan rawatan dan kepentingan doktor-doktor pakar yang memberikan perkhidmatan di pusat IJN ini. Maka dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2001 sebagaimana dalam B.34 dan P.34 bagi Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Kinabatangan.

11.23 pagi.

**Tuan Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut membahas B.34 dan P.34 bagi butiran 050700 – Pewujudan Jawatan Baru dan 05000 – Pengisian Jawatan. Jadi untuk makluman kementerian ini di Kinabatangan contohnya mempunyai sebuah hospital yang baru dibina oleh kerajaan. Saya ingin merakamkan terima kasih di atas kesudian kerajaan kerana memikirkan untuk menempatkan sebuah hospital yang agak cantik lokasinya di Kinabatangan walaupun kita terpencil di luar bandar tetapi kerajaan masih terus menitikberatkan betapa kesihatan ini bukan harus dinikmati oleh semua golongan masyarakat termasuk di luar bandar. Walau bagaimanapun masalah yang kita hadapi iaitu kekurangan kakitangan sama ada doktor pakar ataupun doktor biasa ataupun nurse dan sebagainya. Pada satu ketika berlaku beberapa kejadian sehingga keadaan-keadaan menjadi kelam kabut kerana doktor tidak ada, cuma dua orang, baru-baru ini ditambah lagi satu orang menjadi tiga orang, seorang nurse terpaksa menjaga 40 orang pesakit. Ini amat membimbangkan dan meminta bantuan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan agar dapat kalau boleh menyelesaikan masalah ini menjelang tahun 2001.

Untuk makluman Timbalan Menteri bahawa kadang-kadang seorang operator dia kena bertugas sebagai pemandu ambulans juga. Kalau tidak silap perkara ini telah saya majukan kepada kementerian ini tetapi masalah ini belum dapat diselesaikan. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan dan juga Kementerian Kesihatan agar dapat menjadikan kewajipan mesra rakyat ditunaikan supaya kalau boleh hospital tersebut boleh dipenuhi oleh penghuninya yang kalau masuk pun mungkin belum masuk dia sudah ada keyakinan untuk sihat kerana kita tidak mahu pula melihat dia masuk dalam dia merasa bukan lagi sebagai hospital untuk mengubat tetapi dia rasa menderita dan akhirnya mungkin secara tidak langsung hayatnya tidak panjang. Saya meminta kementerian ini kalau boleh menyelesaikan permasalahan hospital di Kinabatangan kerana sehingga hari ini pemandu ambulans belum ada dan satu nurse menjaga 40 memang berlaku. Jadi kasihanlah kepada pekerja-pekerja ini mudah-mudahan perkara ini dapat diselesaikan.

Yang kedua butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Selaku mewakili kawasan luar bandar saya amat prihatin berhubung dengan perkhidmatan kesihatan luar bandar dan saya meminta kementerian mempertingkatkan usaha untuk memastikan bahawa pesakit-pesakit yang terpinggir jauh di luar bandar juga menikmati perkhidmatan tersebut. Dan masih terdapat juga kampung-kampung yang memerlukan klinik desa untuk tujuan memberi perkhidmatan sekurang-kurangnya seminggu sekali kepada ibu-ibu yang mengandung juga kepada pekerja-pekerja ladang dan juga nelayan yang mana kesihatan mereka tidak menentu kerana kadang-kadang mereka jumpa doktor setahun sekali. Jadi sekiranya ada perkhidmatan klinik desa ini sekurang-kurangnya akan memudahkan masyarakat di tempat berkenaan untuk memastikan kesihatan mereka juga terjamin. Dengan ini saya mohon menyokong B.34 dan P.34. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Pasir Mas.

11.27 pagi.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi saya juga mengambil kesempatan sedikit untuk sama-sama berbincang dalam maksud 34 butiran Kementerian Kesihatan dan butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Saya memetik sebuah hadis Rasulullah SAW [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud "*Menjaga pemantauan lebih baik daripada mengubati*" Dan kata Hukama' [*Membaca sepotong hadis*], iaitu "*Kesihatan itu adalah mahkota yang*

*diletakkan di atas kepala orang-orang yang sihat dan ianya tidak dapat dilihat melainkan oleh pesakit sahaja”.*

Dalam erti kata bahawa hadis pertama memberi rangsangan kepada kita supaya seluruh warga negara menjaga dan mengawasi didatangi oleh sakit lebih baik daripada mengubat penyakit itu. Itu adalah pesanan Nabi SAW kepada kita sekalian dan kata Hukama' yang kedua adalah memberi makna bahawa kesihatan itu mahal harganya, ianya tidak boleh dibayar dengan wang ringgit dengan harta punya, ia adalah nikmat Allah SWT yang semestinya kita syukuri di waktu kita sihat dan di waktu kita sakit.

Oleh yang demikian saya melihat saya sebagai anak kampung saya melihat bahawa hospital-hospital, klinik-klinik hanya tertumpu di bandar-bandar besar dan di ibu-ibu kota tetapi ianya kurang diambil perhatian di kawasan-kawasan pedalaman ataupun di desa-desa ataupun di kampung-kampung. Kampung saya misalnya dikelilingi oleh beberapa buah kampung lain yang sudah tentu bahawa kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat setempat bila mana mereka menghadapi sakit dan sebagainya perkara-perkara yang berkaitan dengan sakit apa lagi di waktu-waktu dilanda oleh banjir dan sebagainya itu memerlukan kepada rawatan segera.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang bercakap sebentar tadi bahawa dengan mengharapkan bahawa pihak kementerian tidak mengabaikan tanggungjawab supaya diperbanyakkan klinik-klinik di peringkat desa bagi memudahkan masyarakat kita mengunjungi klinik-klinik ini, maklumlah kita orang kampung. Orang kampung hendak pergi ke bandar itu memerlukan wang. Apa lagi dalam keadaan kelapanya harga turun, getahnya RM0.90 sahaja satu kilo. Dengan harga sebotol budu pun mahal budu lagi. Jadi hendak pergi ke bandar terpaksa menaiki motokar, 'kereta prebet' ini RM1.00 pergi RM1.00 balik, RM2.00. Kemudian bawa anak pula, RM3.00, RM4.00 dan sebagainya. Jadi wangnya habis begitu.

Demikianlah saya menggesa supaya pihak kerajaan melihat ataupun membuat satu bancia yang terperinci. Kalau ada di sana ada lima, enam buah kampung yang terpencil jauh jaraknya maka berkewajipanlah kepada kerajaan mengadakan klinik-klinik desa dan rumah-rumah bidan ini.

Pengalaman sayalah pernah satu ketika oleh kerana jauh dengan bandar seorang perempuan ini hendak melahirkan anak terpaksa memanggil kereta ambulans jauh daripada tempatnya kemudian sudah sekian lama baru kereta ambulans itu datang. Kemudian dibawa sampai ke separuh jalan beranak dia, beranak di atas kereta ambulans. Jadi payahlah juga hendak tulis dalam surat beranak di mana beranak di rumahkah, beranak di hospitalkah atau beranak di tengah jalankah.

**Seorang Ahli:** Beranak dalam van.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Beranak dalam van.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Van ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Ketawa] Jadi benda-benda beginilah saya katakan tadi bahawa seharusnya kerajaan mengambil daya usaha yang bersungguh-sungguh bukan hanya sekadar untuk memberi satu jawapan yang mudah. Sekadar bagi jawapan di sini selesai tetapi yang paling pentingnya iaitu buat suatu pemantauan melihat kampung-kampung yang terpencil dan kampung-kampung yang persekitaran dengannya itu terdiri daripada beberapa buah kampung dan penduduk-penduduknya yang begitu padat untuk memberi kemudahan kepada pesakit-pesakit kita. Selain daripada itu oleh kerana hospital-hospital bandar ini didatangi oleh pesakit-pesakit dalam bentuk kecemasan dan sebagainya maka pesakit-pesakit lain dibiarkan. Pengalaman saya pergi ke hospital dan tengok di tempat-tempat kecemasan yang begitu banyak sekali luka dan sebagainya yang menjadikan yang lain terbiar sampai kepada satu dua jam tiga jam. Apa lagi orang kampung dia tidak berani membantah, hendak bercakap tidak berani, hendak kata doktor tidak berani, hendak panggil doktor pun tidak berani, akhirnya terbiar dia dalam keadaan begitu boleh membawa kepada

penyakit-penyakit sampingan hasil atau natijah daripada keadaan-keadaan yang berlaku yang tidak diselesaikan dengan seberapa segera. Kerana itulah saya menekankan supaya pihak kementerian mengambil berat dengan apa yang kita kemukakan ini moga-moga rakyat kita merasai bukan orang bandar sahaja yang merasai nikmat hospital, nikmat rawatan kedokteran dan sebagainya. Biarlah orang-orang kampung yang berada di kampung-kampung jauh pedalaman sama kerana mereka juga membayar bayaran cukai dan sebagainya maka biarlah mereka merasakan nikmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada negara kita yang begini kayanya. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Batang Lupar.

11.34 pagi

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh 02000 di bawah kesihatan awam. Kalau kita lihat Tuan Pengerusi pada masa sekarang banyak masalah meruncing, dalam Dewan ini pun Ahli Parlimen mengamuk, di luar pun orang mengamuk dan banyak lagi guru-guru menunjukkan kegarangan mereka kepada murid-murid dan bermacam-macam lagi menunjukkan tekanan yang tertentu berhubung dengan rakyat Malaysia. Jadi saya meminta penjelasan daripada pihak kementerian sama ada kerajaan membuat satu penyelidikan kenapakah rakyat Malaysia sekarang nampaknya banyak yang marah.

Kemarahan ini kita lihat dalam insiden-insiden amukan, insiden-insiden rusuhan, insiden-insiden marah dalam Dewan dan juga di sekolah-sekolah dan di mana-mana tempat lagi. Jadi, saya berpendapat mungkin kita boleh mencari kenapakah perkara-perkara ini boleh berlaku dan kalau kita mengetahui apa sebab-sebabnya, bolehlah kita mengatasi masalahnya. Undang-undang kalau dibuat untuk mengatasi masalah-masalah orang gila dan sebagainya mungkin sesetengah *solution*, dengan izin, tetapi mengetahui sebab-sebab yang tertentu mungkin boleh mengatasi atau membuat rangka tindakan yang lebih komprehensif.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh soal peralatan pesakit luar bandar. Di Sarawak, kita sekarang menggunakan *flying doctor service*. *Flying doctor service* ini datang sebulan sekali. Saya selalu menekankan bahawa penyakit tidak datang sebulan sekali. Penyakit datang bila-bila masa. Jadi, membina klinik desa adalah berlandaskan 800 penduduk di satu-satu tempat yang tertentu.

Saya pernah mencadangkan supaya kementerian memikirkan untuk luar bandar terutama sekali di Sarawak dan Sabah. Di Sarawak, umpamanya ada rumah panjang yang hanya ada 10 atau 20 pintu yang mungkin mempunyai penduduk yang 100 atau 200 orang. Ini tidak membolehkan pihak kerajaan membina klinik. Tetapi kalau kita lihat di kawasan yang berkelilingan dengan tempat yang tertentu, mempunyai 10 ataupun 20 perkampungan ataupun rumah panjang yang mungkin dikenal pasti satu tempat yang strategik untuk klinik dibinakan yang melebihi masyarakat ataupun penduduk yang lebih daripada 400 orang.

Jadi, dengan itu, bukan secara "*light-hearted*" dan sebagainya, saya menyarankan dengan secara serius permohonan saya ini supaya kerajaan menyelidik di seluruh kawasan luar bandar Sarawak supaya pembinaan klinik luar bandar ini diselaraskan mengikut tempat-tempat yang tertentu. Berhubunglah dengan Ahli Parlimen dan wakil-wakil rakyat tempatan untuk mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai dari segi penduduknya, dari segi politiknya, dari segi kesihatannya dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada Butiran 004000 – Hospital Baru. Saya percaya kerajaan banyak memberi peruntukan untuk membina hospital baru dan di Sarawak, saya juga diberitahu bahawa empat hospital baru akan dibuat. Khabar-khabar angin yang kita dengar daripada tiga tahun dahulu lagi, mengatakan bahawa sebelas hospital akan dibuat di daerah-daerah yang besar termasuk bandar-bandar yang besar di seluruh Sarawak. Tetapi sekarang sudah dikurangkan kepada empat hospital.

Jadi, saya hendak bertanya dengan pihak kementerian, sejauh manakah perundingan ataupun proses untuk membina hospital ini, sudahkah wang diagihkan? Sudahkah proses tender dibuat ataupun perundingan dengan pihak kontraktor dibuat? Jikalau ya, apakah peringkatnya?

Tuan Pengerusi, sebagai kawan saya dari Kinabatangan, saya juga ingin menyentuh persoalan-persoalan pegawai-pegawai dan ahli-ahli dalam hospital-hospital yang kita hendak binakan. Mungkin banyak hospital yang akan kita bina di seluruh Malaysia pada tahun ini ataupun Rancangan Malaysia Kelapan, tetapi persoalan yang perlu ditanya ialah pakar-pakar, doktor-doktor dan jururawat-jururawat untuk menganggotai hospital-hospital ini nanti. Kerana pada masa sekarang, adakah universiti-universiti kita boleh mengeluarkan doktor-doktor dan pakar-pakar untuk diambil bekerja dalam hospital yang bakal kita binakan ini dan apakah kedudukan rancangan kerajaan untuk mengambil pakar-pakar dan doktor daripada luar negara, terutama doktor-doktor dari Indonesia berkhidmat di negara kita.

Bagaimanakah proses ini dan apakah masalahnya? Kalau ada masalah berlaku untuk menyerapkan mereka ini masuk ke dalam Kementerian Kesihatan untuk berkhidmat di hospital-hospital, bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar. Adakah kita berkemampuan melatih jururawat-jururawat sepenuhnya untuk memenuhi kehendak negara pada masa sekarang. Kerana kita lihat, kalau tidak salah saya, pada masa ini kita telah mencapai tahap iaitu negara kita, bagi tiap-tiap seorang doktor ialah 1,500 orang pesakit. Walaupun ini dianggap sebagai satu tahap yang baik, tetapi belum mencukupi kerana orang bandar dengan orang luar bandar dikumpul bersama, dibahagi dengan berapa banyak doktor, kita mendapat nisbah yang sedemikian.

Jadi, kita sepatutnya mencapai nisbah yang lebih tinggi lagi dan berapa lamakah kita boleh mencapainya nisbah yang lebih tinggi. Saya berbincang dengan Ahli Parlimen dari Cuba. Dia mengatakan bahawa di Cuba, 150 orang rakyat Cuba bagi seorang doktor. Jadi, kita juga perlu belajar daripada negara-negara seperti Cuba. Walaupun terpencil, tetapi berhasil mendatangkan nisbah yang begitu baik dan tinggi untuk menjamin kesihatan walaupun negeri mereka tertekan oleh pihak Amerika tetapi boleh mewujudkan sistem kesihatan yang tinggi di negara mereka dan untuk rakyat mereka.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bandau.

11.41 pagi.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di bawah Perbekalan 34.

Tuan Pengerusi, saya ingin tumpukan sekadar beberapa perkara yang dibangkitkan di bawah Kepala Pengurusan Hospital, 030200 di mana peruntukan bagi tahun hadapan adalah sejumlah RM428.6 juta. Di bawah kepala ini, Tuan Pengerusi, saya ingin pihak kementerian mengambil perhatian dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan soal pengurusan hospital. Antaranya perkara-perkara khusus, masalah teater pembedahan (operating theatre) di Kota Kinabalu yang telah pun dibangkit dalam media massa mengenai masalah-masalah tertentu pada bulan yang lalu, tiga minggu dari sekarang itu, sepertimana yang dilaporkan sekadar daripada lima *operating theatre* yang sedia ada, hanya satu yang berfungsi.

Sebenarnya masalah ini telah berterusan begitu lama sekali dan nampaknya tidak ada tindakan yang berkekalan untuk mengatasi masalah ini. Saya ingin minta pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, apa sebenarnya masalah di dalam perkara ini? Apa yang kami dengar ialah kontraktor punya masalah yang telah mendapat kontrak untuk membina teater pembedahan itu dan tidak sesuai ataupun tidak mengikut rangka pelan, sepertimana yang dipersetujui dalam kontrak tersebut. Saya ingin mengetahui kerana kami dimaklumkan pada setakat ini, walaupun

usaha untuk memperbaikinya, hanya dua daripada lima *operating theatre* yang berfungsi. Jadi, adakah ini masih berkeadaan sepertimana yang telah pun dilaporkan kira-kira dua minggu yang lalu.

Tuan Pengerusi, di bawah kepala yang sama ialah soal pengurusan hospital-hospital di luar bandar, yang mana tidak mempunyai alat-alat ataupun bekalan-bekalan perkhidmatan yang mencukupi. Misalnya, soal ambulans. Bagi satu-satu rumah sakit ataupun hospital di luar bandar. Misalnya, Kota Murudu, Pitas ataupun Bukit Garam. Ini bila disebut, adalah di luar bandar. Masalahnya ialah masalah ambulans-ambulans yang tidak mencukupi. Kalau ia tidak ada, saya difahamkan bahawa rumah sakit atau hospital yang boleh dikatakan ambulans mereka mencukupi. Bagi keadaan di Sabah dan Sarawak ini, khususnya hospital-hospital di luar bandar, van yang digunakan sebagai ambulans ini tidak sesuai sekali kerana jalan yang teruk berlubang-lubang dan dengan itu sentiasa dalam keadaan kerosakan.

Maka dengan itu, pihak kementerian haruslah membekal kereta-kereta yang sesuai seperti pacuan empat roda dan barangkali modelnya yang kuat dan tahan seperti Toyota, misalnya. Walaupun kita juga menggunakan Toyota sekarang ini, Toyota pun, dengan izin, *assemble* di negara kita di mana *under carriagenya* itu boleh dianggap cukup kuat. Ini masalahnya Tuan Pengerusi. Misalnya, Daerah Kota Murudu, satu atau dua ambulans sahaja yang ada di situ. Dan memandangkan Kota Murudu ini dua jam dari Kota Kinabalu, amat tidak mencukupi.

Nombor satu, kalau orang meninggal. Pesakit itu dihantar daripada Hospital Kota Murudu dihantar ke Kota Kinabalu dan apabila meninggal dan oleh kerana ini adalah hospital luar bandar, maka si pesakit dan keluarganya itu memang orang yang tidak berkemampuan untuk mengambil mayat tersebut kembali ke kawasan Kota Murudu. Kadang-kadang empat hari ke satu minggu, baru boleh diangkat dengan pujukan dan rayuan kepada pihak hospital dan seringkali dikatakan bahawa ambulans kita tidak mencukupi dan mahu tunggu kalau ada kekosongan.

Kadang-kadang keluarga itu menunggu di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu selama empat hari hingga satu minggu untuk ada kekosongan dalam satu-satu ambulans untuk membawa mayat itu kembali ke kawasan Kota Murudu. Selepas itu, kalau van-van sahaja mana boleh hantar lima atau tiga batu daripada pekan Kota Murudu. Van itu sudah tidak boleh masuk. Malah, memerlukan ambulans pacuan *four by four vehicle*, dengan izin. Saya percaya ini adalah keperluan hampir semua hospital daerah di kawasan Sabah dan Sarawak. Saya berharap pihak kementerian akan mengambil perhatian bagi peruntukan tahun hadapan, memandangkan pula peruntukan kesihatan untuk luar bandar ini dikurangkan pula bagi tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara di bawah pengurusan hospital ialah kekurangan tempat tidur. Saya terkejut di dalam Hospital Kota Kinabalu yang boleh dikatakan kalau ada star ini, empat star punya hospital di bandar raya Kota Kinabalu, kerusi itu amat tidak mencukupi. Saya terkejut apabila tiga bulan yang lalu, saya melawat seorang Penolong Pegawai Daerah, status A, tidur di lantai kerana tidak ada tempat duduk. Dia *entitle* untuk Kelas A tetapi tempatnya penuh dan orang tidur sahaja di lantai, ada katil dan satu lagi katil di bawahnya. Jadi, saya rasa sebagai satu hospital yang harusnya dalam satu bandar raya, begitu keadaannya amat teruk sekali. Dengan izin, *something is drastically wrong if basic facility in the city hospital* begitu wujud dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kenapa ini terjadi. Adakah betul terlampau banyak orang sakit di Kota Kinabalu ataupun kita punya facility itu tidak mencukupi sama sekali dan *poor planning*, dengan izin, untuk membiayai ataupun memberi perkhidmatan kepada mereka yang sakit.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, soal helicopter service di bawah kepala perkhidmatan rawatan di luar bandar ini. Saya ingin merayu sekali lagi sepertimana pada masa lampau, kami telah menyuarakan ini bahawa perkhidmatan helikopter ataupun doktor udara ini sangat diperlukan di kawasan-kawasan, negeri-negeri yang terpencil seperti Negeri Sabah dan Sarawak di mana jalan raya itu teruk, tidak dapat dihubungi dan khususnya pada saat-saat masa hujan di sebelah timur, maka kalau

diharapkan *surgeon ambulance* bergerak ataupun perkhidmatan kesihatan bergerak, tidak ada peluanglah masuk ke kawasan-kawasan tertentu.

Masalah perkhidmatan ini, Tuan Pengerusi, sama sekali tidak mencukupi. Pada dahulunya, setiap kampung itu dilawat tidak kurang daripada satu kali satu bulan, tempat-tempat perkampungan yang tidak dapat dihubungi dengan jalan raya. Tetapi dalam keadaan ini, pun seringkali dia tidak hadir. Rakyat sudah berkumpul di sana dan helikopter tidak datang kerana ada masalah-masalah tertentu. Antara masalahnya, memanglah cuaca tidak bagus ataupun ada masalah pembekalan helikopter, dengan izin, *mechanical fault* begitu. Tetapi, dia yang tidak atur tarikh pengganti. Dia terus tinggalkan untuk bulan itu, dua bulan kemudian, ertinya miss bulan ini dan bulan depan baru dia ada. Ertinya, baru satu kali dalam dua bulan. Walhal kesihatan rakyat terjejas dan masalah-masalah pokok kesihatan berterusan.

Jadi, saya merayu bagi pihak masyarakat kita keseluruhan di Dewan yang mulia ini, supaya ini sebagai satu perkhidmatan yang strategik untuk membekal perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan kepada pesakit-pesakit kita di luar bandar. Sebenarnya, rawatan pesakit masih ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, saya tamatkan di sini, Tuan Pengerusi. Misalnya, pendidikan kesihatan dan pembangunan kesihatan keluarga boleh dikumpul bersama untuk luar bandar melalui perkhidmatan doktor udara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Tebrau.

1150 pagi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bulan Ramadan ini saya juga tidak hendak cakap banyak-banyak, dua, tiga perkara sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itupun banyak Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang pertama saya ingin mengambil bahagian Maksud Bekalan B.34 Kementerian Kesihatan di bawah Butiran 030200 Pengurusan Hospital, Butiran 050700 – Pewujudan Jawatan Baru dan Pengisian Jawatan, Butiran 040200 Farmasi dan juga Butiran 010200 - Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan yang pertama, saya hendak menyentuh masalah menyelesaikan kes-kes mayat yang berlaku kemalangan di jalan raya dan sebagainya yang menjadikan masalah pada hari ini, penyelesaian untuk mengeluarkan mayat itu memakan masa yang agak lama terutama mayat orang Islam kita, kalau boleh kita hendak segerakan. Masalahnya Tuan Pengerusi, doktor yang mengendalikan pemeriksaan pada ketika mayat itu dihantar lepas itu tidak boleh dibawa waktu petang atau malam, kena tunggu besok. Jadi doktor lain ini tidak boleh hendak menyelesaikan kes mayat ini, dia cari doktor yang satu itu. Doktor satu itu kasihan, malam pun dia kerja, *call* lebih. Pagi itu dia pun hendak rehat dia terpaksa panggil keluarga simayat menunggu di Rumah Mayat, Rumah Mayat tidak dapat kerana doktor itu hendak memanggil yang tersebut yang doktor lain tidak boleh hendak memeriksa.

Jadi saya ingat, dalam kes ini kementerian kena cari jalan supaya kes-kes mayat orang Islam ini disegerakan. Bila kes polis sudah selesai, biasanya ianya melibatkan polislah. Tetapi polis kita dapat selesaikan segera tetapi doktor yang hendak menandatangani mesti doktor yang membuat pembedahan tidak boleh doktor lain walaupun doktor lain itu pakar dalam bidang itu. Dia cari doktor yang pertama memeriksa mayat itu, diletakkan di tempat mayat untuk buat pembedahan. Jadi banyak orang Islam jumpa wakil rakyat kompelin lama sangat hendak mengeluarkan

mayat dan sebagainya. Boleh atau tidak diadakan satu doktor khas dalam perkara ini, jadi dia mengendalikan mayat supaya mayat orang Islam dapat dikebumikan seberapa segera. Itu harapan saya Tuan Pengerusi.

Yang kedua, kekurangan doktor pakar. Ialah kita tidak menafikan kekurangan doktor pakar kerana sebahagian daripada doktor pakar ini berhenti, hantar notis atau bayar dan sebagainya daripada kerajaan untuk masuk ke hospital swasta atau buka klinik sendiri. Jadi saya mintalah supaya kalau berlaku sedemikian, tempoh pengambilan doktor baru dan juga pekerja-pekerja hospital yang lain, boleh tidak disegerakan. Kadang-kadang masalah kepada JPA lagi hendak menyelesaikan kes-kes seperti ini, hendak meluluskan pengambilan doktor baru. Jadi ini akan menyusahkan orang ramai kerana tidak banyak doktor pakar dan juga kekurangan doktor sebagaimana kita sedia maklum. Jadi dalam hal ini saya mencadangkan supaya kalau dapat dirunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam supaya dalam hospital yang kekurangan doktor ini dapat diambil segera, diberi kelulusan segera sekiranya sudah ada peruntukan yang telah diadakan itu tadi. Jadi ini dapat menyelesaikan kekurangan doktor.

Yang kedua, doktor-doktor yang melanjutkan pelajaran dan juga yang dapat biasiswa Kerajaan Negeri. Dia lebih seronok kerja di luar kerana pendapatan lebih begitu juga doktor pakar. Jadi masa dia berkhidmat doktor ini tidak lama dengan kerajaan, masa dia tidak lama, lima tahun dan ada pula doktor yang melanjutkan pelajaran, mengambil Ph.D dan sebagainya balik pun tidak berapa lama, dia mampu dia boleh bayar dia bayar, dia masuk hospital swasta. Jadi ini merugikan kepada kerajaan dan orang ramai yang tidak berkemampuan tidak boleh hendak pergi ke hospital swasta kerana bayarannya tinggi. Harga satu hari pun dekat RM200, RM150 macam hotel. Jadi boleh tidak disyaratkan lebih masa yang lama sedikit selepas dia dapat biasiswa terutama doktor pakar sebab yang banyak pergi ke hospital kerajaan ini orang yang berpendapatan rendah, yang pendapatan tinggi tidak kisahlah tetapi dia sudah dapat daripada biasiswa yang kerajaan tanggung, kita lanjutkan khidmat dia kepada kerajaan itu, masa itu ditambah lagi, itu cadangan saya.

Yang ketiganya, berhubung dengan perubatan farmasi ini di hospital kerajaan ini adalah difahamkan ubatnya bermutu tinggi, baik tetapi saya pun tidak tahulah, harganya murah sama ada kerajaan subsidi atau macam mana. Jadi banyak orang bertanya saya dia kata ubat luar ini adalah lebih mujarab. Saya tidak tahulah, saya pun pergi hospital kerajaan, Alhamdulillah juga tetapi ini orang yang periksa di klinik luar ini, di klinik pesakit luar. Jadi saya cuma ingin tahu dari segi mutu perubatan yang kerajaan buat ini, adakah lebih baik daripada klinik luar. Jadi ini untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai yang berubat, menjalankan rawatan di hospital kerajaan.

Jadi itu saja yang saya sentuhkan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kuala Pilah.

**11.54 pagi.**

**Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]:** *[Pembesar suara tidak berfungsi]* Saya membangkit berkenaan dengan dasar baru iaitu 050200 - Meningkatkan Perkhidmatan Kesihatan Awam. Pertamanya saya ingin menyatakan di sini ialah saya Tuan Pengerusi memang sudah lama tidak pergi ke hospital terutamanya wad bersalin ini. Tetapi saya difahamkan oleh sahabat saya yang pergi melihat cucunya dan dia ada mengisi borang. Jadi saya mintalah kementerian ini tolong semak sikit borang ini, katanya ada borang sementara untuk mendaftar bayi yang baru dilahirkan. Satu perkara yang saya dapati amat rasa saya *offensive*, dengan izin ialah berkenaan dengan jantina. Saya difahamkan dalam satu bahagian berkenaan dengan jantina ini, diletakkan di situ jantina lelaki, perempuan dan ragu (*Doubts*) dalam Bahasa Inggeris. Jadi saya minta kalau boleh, ini sangat menghinakan kepada bayi ini tadi. Kalau dia sudah besar, ini menjadi satu stigma dengan izin, kalau boleh tolong *check* balik. Saya bertanya dengan kawan-kawan saya dalam bidang perubatan dan

mereka kata yang ragu ini hanya satu dalam sejuta bayi sahaja. Jadi tolonglah dikaji kalau borang ini ada, tolong hapuskan, jangan adakan kerana ini satu stigma kepada bayi yang baru dilahirkan itu, satunya.

Yang keduanya, ingin saya menyatakan di sini bahawa dalam negara kita ini boleh dikatakan *the number one killer* dengan izin ialah sakit-sakit jantung. Yang keduanya mati daripada kemalangan jalan raya dan yang ketiganya kanser. Saya hendak menyebut tentang perkara kanser ini kerana yang banyak kena kanser ini ialah kaum jenis saya, wanita terutamanya kanser payu dara dan ini nampaknya meningkat. Saya difahamkan 1:34 dapat dikesan penyakit payu dara ini dan kalau boleh saya ingin mencadangkan, maklum sahajalah wanita ini merupakan Tuan Pengerusi 53% pengundi di negara kita ini iaitu satu kumpulan yang rasa saya amat penting dan kalau begitu penting juga saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan satu *mobile van*, satu van yang bergerak dan dilengkapi dengan mesin-mesin untuk mengesan penyakit kanser terutamanya kanser payu dara ini supaya mereka boleh mengadakan *mammogram* di seluruh negara kita.

Saya ingat masa dulu tentu Tuan Pengerusi pun ingat, bila kita hendak menghapuskan penyakit TB dulu, kita ada satu *mobile van* yang pergi seluruh negara untuk mengambil x-ray. Jadi kalau boleh Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya kita mengadakan satu *mobile van* yang pergi di seluruh negara kita untuk mengesan penyakit payu dara ini kerana kalau kanser ini dapat dikesan dari awal, rasa saya banyak kita boleh selamatkan nyawa wanita-wanita yang menjadi ibu. Selalunya mereka ini meninggal dunia dalam umur 30-an dan bila ini berlaku, anak-anak yang ditinggalkan itu selalunya terbiar dan rasa saya ini akan menghalang usaha-usaha kita untuk mewujudkan keluarga bahagia dan keluarga sejahtera.

Jadi Tuan Pengerusi itu dua perkara sahaja yang saya ingin bangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Mambong pasal ada yang lambat bangun, saya serba salah. Ya, silakan.

12.00 tgh.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Maksud B.34 saya ingin menyentuh butiran-butiran 020300 - Kawalan Penyakit dan Butiran 040300 di bawah tajuk Penyelidikan.

Di bawah butiran-butiran ini, saya ingin membangkitkan tentang pengawalan penyakit Malaria di negara kita. Mengikut statistik Jabatan Kesihatan Awam, insiden-insiden Malaria amat tinggi di negeri Sabah iaitu 83.4% daripada keseluruhan insiden. Negeri Sarawak - 2.6% dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia 14%. Di Semenanjung, 74.5% kejadian penyakit Malaria adalah di kalangan kaum Orang Asli. Ini bermakna bahawa penyakit Malaria adalah penyakit luar bandar.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Daripada statistik ini nampaknya penyakit Malaria tidak mudah dikawal di negara kita. Walaupun demikian, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah strategi dan *target* bagi pengawalan kes-kes penyakit ini di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Sejauh manakah kemajuan penyelidikan diperolehi dan bagaimanakah hasil-hasil kajian berkaitan dengan pembasmian penyakit Malaria. Menurut WHO setakat ini tidak ada vaksin yang berkesan bagi melawan parasit seperti parasit Malaria yang dikenal pasti sebagai '*Plasmodium Falsiparum*'. Walaupun dahulunya pada tahun 50-an penggunaan semburan racun DDT dan ubatan *Chloroquine* agak berkesan tetapi Malaria timbul lagi di merata-rata tempat di dunia.

*Pharmaceutical companies* dengan izin yang kepunyaan negara-negara maju tidak berminat mengkaji dan membuat ubat-ubatan bagi menyembuhkan penyakit Malaria kerana mereka menganggapkan penyakit ini adalah *epidemic* di Third World Countries, dengan izin di mana negara-negara tersebut tidak mampu membiayai

perbelanjaan yang besar bagi memperoleh ubat-ubatan. Setiap tahun 1.1 juta orang meninggal dunia disebabkan kes-kes penyakit Malaria. Oleh itu saya menyarankan agar kementerian mempertingkatkan lagi tahap pendidikan di atas penyakit ini terutama sekali *developing vaccine* bagi membanteras penyakit Malaria.

Di Sarawak, Tuan Pengerusi, kaum Penan menggunakan daun dan kulit kayu Hujan Panas bagi mengawal penyakit Malaria.

Merujuk kepada butiran-butiran yang sama iaitu Butiran 020300 dan 040300, saya ingin menyentuh kawalan dan penyelidikan penyakit HIV dan AIDS. Nampaknya daripada statistik Jabatan Kesihatan Awam, kes-kes HIV dan AIDS meningkat setiap tahun. Sejak tahun 1986 hingga bulan Jun 2000 terdapat jumlah 35,547 kes-kes HIV, 4122 kes-kes AIDS dan 3,111 kematian disebabkan AIDS. Saya ingin bertanya pihak kementerian, apakah langkah-langkah pengawalan yang dijalankan dan sejauh manakah langkah-langkah ini berkesan. Daripada statistik yang saya sebutkan tadi, golongan masyarakat manakah yang *most vulnerable*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan peruntukan yang banyak di bawah Maksud P.34, Butiran 00201 berkaitan dengan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Oleh yang demikian, saya memohon agar pihak kementerian membina dua buah klinik desa di kawasan saya iaitu di Kampung Kemug dan di Kampung Sait agar penduduk-penduduk di 12 kampung yang berdekatan ini dapat juga perkhidmatan perubatan dengan lebih mudah lagi kerana setakat ini mereka terpaksa berjalan sekurang-kurangnya tiga jam untuk sampai ke klinik desa yang terdekat.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 00400 di bawah Hospital Baru. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk mendirikan sebuah hospital di pekan Tiang Bekap di kawasan Mambong memandangkan bahawa pekan ini adalah pusat pentadbiran kerajaan bagi daerah kecil Pedawan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Setiu.

12.06 tgh.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut bersama membincangkan di bawah tajuk 0200..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ingin saya maklumkan selepas Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 020000 iaitu Kesihatan Awam, 050000 Dasar Baru, 032200 Farmasi dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, memandangkan suasana kesihatan ataupun perkembangan kesihatan di Malaysia ini sudah menjadi satu keperluan asasi yang diperlukan oleh semua rakyat, kita dapati bahawa dengan perkembangan hospital swasta sekarang ini dibimbangi kalau di dalam kes IT kita dapati berlakunya 'digital divide'. Maka dalam kes kesihatan ini dibimbangi akan berlaku juga adalah soal 'health divide' ataupun pemisahan darjat kesihatan. Ini kerana kita dapati bahawa apabila wujudnya hospital swasta, maka kita dapati bukan sahaja orang-orang yang kaya yang pergi ke hospital swasta tetapi mereka yang miskin dan berpendapatan sederhana juga terpaksa ke sana kerana mutu kesihatannya dan mutu perubatannya diyakini lebih baik.

Kita dapati juga di hospital swasta ini tertumpunya doktor-doktor pakar, staf-staf ataupun kakitangan yang terbaik dan kebanyakan daripada hospital swasta ini tertumpu di kawasan Lembah Kelang dan di bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Johor Bahru dan seumpamanya. Di sinilah kita dapati bahawa doktor-doktor pakar ini kita tidak boleh salahkan kepada mereka kerana mereka akan mendapat pendapatan yang jauh lebih lumayan daripada hospital kerajaan. Sebagai contoh, di hospital kerajaan yang graduate ataupun hospital kerajaan yang menawarkan gaji kepada doktor pakar yang mempunyai kelulusan selepas 8 tahun perkhidmatan

mereka, mereka dibayar gaji hanya sekitar RM4,500 sebulan sedangkan di hospital swasta mereka akan memperolehi pendapatan sehingga antara RM20,000 hingga RM80,000 sebulan. Jadi tentunya penghijrahan besar-besaran akan berlaku daripada hospital kerajaan kepada hospital swasta. Sebab itulah kita dapati bahawa berlakunya kekurangan doktor pakar dan kakitangan yang mahir di hospital-hospital kerajaan.

Yang keduanya ialah berhubung dengan penswastan stor ubat kerajaan. Kita dapati bahawa apabila berlakunya penswastan farmasi ataupun bekalan ubat ini, ianya berlaku pertambahan yang terlalu besar kepada kerajaan, iaitu beban kepada kewangan kerajaan. Saya difahamkan bahawa pihak hospital terpaksa membeli ubat daripada syarikat yang mendapat penswastan ini iaitu di antaranya syarikat Remedy yang merupakan anak syarikat kepada Renong. Kajian menunjukkan bahawa pertambahan kos kerajaan lebih daripada 200%. Begitu juga perkhidmatan sokongan hospital yang telah diserahkan kepada sebahagiannya kepada Ready Care dan kepada Tongkah Medivest menyebabkan beban kewangan kerajaan bertambah kepada 300%.

Saya ingin mendapat sedikit penjelasan berhubung dengan satu lagi agensi yang akan diswastakan iaitu SIHAT. Saya difahamkan bahawa SIHAT merupakan badan yang mengawasi perkhidmatan sokongan hospital kerajaan dan bagaimana mungkin iaitu satu badan yang bersifat regulatory body ini akan diswastakan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagaimanakah bentuk kontrak di antara Ministry of Health dengan SIHAT ini. Apakah tanggungjawab SIHAT dalam kes penswastan ini dan berapakah bayaran yang dikenakan kepada SIHAT ini supaya perkhidmatan kesihatan kita yang selama ini kita dapati bahawa Malaysia memang mempunyai sistem kesihatan awam yang terbaik dan termurah dari segi kecekapan belanjanya di dunia.

Ini telah dicapai dengan peruntukan belanjawan yang cukup sedikit pada purata sebanyak 7% daripada perbelanjaan mengurus dan 4% daripada perbelanjaan pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh setakat ini. Jadi kita dapati tiada sebab mengapa sistem ini perlu diswastakan pada ketika ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin melihat bahawa beberapa aspek yang saya fikir perlu diambil kira oleh kementerian ini iaitu kita diberi maklum bahawa setiap pesakit hanya diberi masa oleh pihak doktor di jabatan pesakit luar selama tiga minit sahaja untuk observation ataupun pemerhatian dan untuk describe penyakitnya dan bagaimana kita mengharapkan pesakit-pesakit terutamanya orang kampung biasa yang hanya dirawat ataupun diperhatikan oleh doktor selama tiga minit seperti mana laporan sebuah akhbar. Ini perlu kepada pemerhatian yang serius daripada pihak kementerian.

Saya juga difahamkan bahawa terdapat 46% kekosongan jawatan doktor di klinik-klinik di luar bandar dan ini menyebabkan taraf kesihatan di luar bandar akan jauh berbeza dengan mereka yang tinggal di bandar-bandar. Kita dapati bahawa kebanyakan mereka di luar bandar ini terdiri daripada masyarakat bumiputera yang ketinggalan dalam semua segi. Jadi saya mengharapkan supaya pihak kementerian dapat memberi perhatian serius dalam soal ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

12.12 tgh.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyokong peruntukan di bawah Mengurus dan Pembangunan Kementerian Kesihatan terutama Yang Berhormat bagi Teluk Intan, Yang Berhormat bagi Sandakan, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Gelang Patah, Kepong, Wangsa Maju, Kinabatangan, Pasir Mas, Batang Lupar, Bandau, Tebrau, Kuala Pilah, Mambong dan Setiu.

Segala pandangan dan teguran amatlah dihargai dan tertumpu kepada keinginan untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan yang terbaik di negara ini. Hampir semua telah menyentuh soal kekurangan doktor pakar dan hasrat agar kerajaan meningkatkan perkhidmatan kesihatan di luar bandar yang harus menjadi priority bagi mereka yang kurang berupaya dari segi mendapat rawatan perubatan oleh kerana infrastruktur yang tidak sama dengan bandar. Saya ingin memberi keyakinan walaupun pada masa ini di bawah peruntukan ini hampir RM5.7 bilion ini, kurang sedikit daripada dahulu untuk kawasan luar bandar tetapi saya hendak memberi keyakinan bahawa tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang kawasan luar bandar akan menjadi tempat tumpuan. Oleh kerana perkhidmatan kesihatan di dalam bandar telah menjangkau pada tahap yang memuaskan dan oleh sebab itulah kita akan menumpukan perhatian untuk memberi segala kemudahan termasuk dari segi mengurus dan pembangunan, khususnya infrastructure termasuk pembinaan klinik-klinik kesihatan, di kawasan-kawasan yang sangat memerlukan di seluruh luar bandar.

Tuan Pengerusi, masalah kekurangan doktor juga telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Saya hendak menyatakan bahawa kerajaan pada dasarnya telah bersetuju supaya kita dapat membawa perkhidmatan doktor-doktor daripada luar negara termasuk Indonesia, Bangladesh dan Myanmar. Satu kertas Kabinet sedang dibuat dengan penuh detail untuk dibawa agar Kabinet dapat meluluskan, sebab kerajaan telah bersetuju supaya 700 lebih, hampir 800 termasuk di dalamnya 200 lebih doktor pakar daripada luar negara untuk berkhidmat di negara ini. Dengan endorsement Kabinet terhadap kertas Kabinet itu nanti kita akan meminta Kementerian Luar Negeri untuk berbincang dengan negara-negara tersebut termasuk Indonesia supaya dapat berbincang tidak secara intake G to G tetapi direct intake menerusi Kementerian Kesihatan. Insya-Allah, kalau itu berlaku banyak kawasan luar bandar yang kekurangan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Datuk Timbalan Menteri. Adakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang untuk mengiktiraf beberapa universiti swasta di Indonesia yang mengeluarkan ramai graduan dalam bidang perubatan, khususnya Universiti Tri Sakti di mana terdapat ramai pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di sana tetapi sehingga pada hari ini pelajar-pelajar ataupun graduan di sana belum mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Barangkali juga Jabatan Perkhidmatan Awam akan melihat perkara tersebut. Tri Sakti sebuah universiti swasta tetapi kerajaan juga mengirim setiap tahun ramai kepada universiti kerajaan termasuk Universiti Indonesia, Universiti Padjadjaran dan Gajah Mada. Mungkin penilaian terhadap ini akan dapat membantu supaya mereka diiktiraf dan dapat berkhidmat kepada kerajaan.

Saya hendak.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua orang Ahli Yang Berhormat berdiri, Sri Gading dan Kepong.

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Kepong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Memang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi adalah satu langkah yang munasabah. Tetapi saya hendak mencadangkan dan mengharapkan Yang Berhormat dapat mempertimbangkan. Kita menghantar pakar kita kepada negara-negara seperti United

Kingdom, United State of America dan Australia yang mengalami masalah yang sama. Misalnya United Kingdom mereka mengalami masalah ini untuk bertahun-tahun dan doktor-doktor daripada India, Sri Lanka, Pakistan dan termasuk daripada Malaysia bekerja di situ, untuk mengisi kekosongan beberapa doktor di bidang kepakaran dan juga di setengah-setengah kekosongan untuk doktor-doktor bawahan. Sampai sekarang sudah berapa dekad mereka tidak dapat mengatasi masalah kekurangan ini.

Saya percaya dengan perkembangan di dalam Malaysia ini, kita pun akan terus menghadapi masalah yang sama. Kalau kita boleh menghantar rombongan pakar untuk mengkaji semula negara-negara ini macam mana mereka dapat mengendalikan masalah kekurangan doktor, bukan sahaja doktor, malah jururawat, kakitangan hospital yang lain. Memang kita akan menghadapi kesusahan pada masa hadapan terutamanya dengan wawasan kita untuk mencapai tahap negara yang maju. Bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan hal ini kerana saya percaya Ahli-ahli Parlimen akan datang ke Dewan yang mulia ini pada masa akan datang bertahun-tahun untuk membangkitkan masalah yang sama.

**Datuk Seri Dr. Suleiman bin Mohamed:** Saya akui apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong bahawa isu ini dibangkitkan setiap tahun dan masalah jawatan kritikal ini adalah satu fenomena yang sinambungan, memang berterusan. Di mana-mana negara menuntut supaya pengisian dibuat khususnya doktor-doktor pakar dari masa ke semasa, memang tidak pernah kering sentiasa menuntut supaya diisi. Oleh sebab itulah galakan dibuat oleh kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan supaya peningkatan terhadap doktor termasuk doktor pakar dibuat dari semasa ke semasa. Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita lihat kerajaan membelanjakan hampir RM1 juta untuk seorang pelajar daripada tahun satu mungkin hingga ke tahun lima atau tahun enam untuk tamat di dalam bidang kedoktoran. Bahkan kerajaan juga mungkin membelanja lebih daripada itu, sudah semestinya lebih daripada RM1 juta untuk seorang pakar itu tamat pengajian pakarnya. Jadi, apakah kerajaan tidak memikirkan ini satu kerugian besar kepada peruntukan kerajaan untuk melahirkan anak-anak negara di dalam bidang kedoktoran dan juga di dalam bidang pakar.

Jadi, apakah kerajaan tidak cuba menggunakan dari sudut *deterrent factor*, umpamanya di antara *deterrent factor* dia ialah kita membuat perjanjian dengan anak-anak Malaysia sama ada menuntut di bidang Ijazah Pertama Kedoktoran ataupun doktor pakar, kita mengetatkan syarat-syarat pengajian di mana sekiranya kalau mereka tidak mematuhi perjanjian tersebut, maka dendanya satu denda yang kita kira agak luar biasa untuk mereka mampu bayar. Ini merupakan satu *deterrent factor* dan satu lagi kemungkinan saya fikir kerajaan tidakkah bersedia untuk memikirkan supaya doktor-doktor ini diberikan *flexy time* dengan izin, makna *carrot system*.

Tadi, *stick system*, ini *carrot system*. Maknanya *flexy time* di mana doktor-doktor ini dibenarkan secara rasmi untuk berkhidmat di hospital-hospital pakar dan juga klinik-klinik pakar. Saya kira kalau ini dapat dijalankan mungkin saban tahun kita mengambil pakar-pakar dan juga doktor-doktor daripada luar yang mana bahasa komunikasinya banyak tidak sampai kepada pesakit. Jadi, saya ingat kerajaan bolehkah timbang *carrot system* dan juga *stick system* seperti mana yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan itu baik dan Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa sistem kontrak memang terdapat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam antara apa juga mahasiswa yang mendapat biasiswa. Namun demikian, khususnya ini dalam bidang perubatan ini ada kontrak tetapi selepas kontrak kita tidak boleh menghalang *the grass is greener on*

*the other side*, jadi, tentulah kita tidak boleh menghalang mereka untuk berkhidmat dengan swasta atau membuka klinik sendiri.

Tetapi, ada cadangan dibuat sekarang ini yang difikirkan oleh kementerian, sesiapa doktor atau pegawai perubatan yang hendak berkhidmat di luar, untuk membuka klinik, kita mencadangkan supaya mereka ambil dahulu Master Degree dan sesudah itu barulah dia boleh membuka klinik atau *private clinic* mereka dan ini mungkin boleh menyekat sedikitlah supaya dia lebih *nationalistic* dan berkhidmat kepada kerajaan. Namun, untuk kita menyekat sama sekali, ini agak sukar sebab kita tidak boleh membuat demikian. Ini melibatkan masalah karier seseorang. Hanya kita minta supaya dia lebih berkhidmat kepada negara menerusi hospital kerajaan.

Saya hendak pergi kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah berkaitan dengan kesihatan *preventive* yang ditegur terutama malaria, typhoid yang penyakit berjangkit ini. Bahagian Kesihatan Awam telah membentuk satu unit surveillance atau pemantau penyakit berjangkit dan unit ini berkonsepkan kepada CDC Atlanta U.S.A. Beberapa pegawai saya hendak beritahu di Dewan yang mulia ini telah dikenal pasti untuk menjalani latihan kepakaran bagi menangani masalah ini.

Yang Berhormat bagi Sandakan telah menyentuh soal.....

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Gelang Patah dan Tuan bangun. Hendak bagi yang mana satu? Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tentang rancangan pembasmian malaria iaitu, *Malaria Eradication Programme* yang telah dilaksanakan di negara kita ini sejak tahun 1960 dengan bantuan daripada World Health Organization (WHO) dan rancangan itu memang kerajaan kita berhasrat supaya jika rancangan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna, kita akan dapat membasmi malaria di negara kita ini.

Mengapa hingga sekarang sudah 40 tahun, kita masih menghadapi masalah yang serius tentang malaria. Apakah rancangan terkini pihak Kementerian Kesihatan supaya kita benar-benar boleh membasmi malaria di negara kita. Saya harap dapat penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ingin saya memaklumkan kerana Yang Berhormat perlu menghabiskan jawapan dalam pukul 1.00, kerana selepas jawapan Yang Berhormat, kita perlu menyelesaikan satu usul. Saya suka mengingatkan Yang Berhormatlah. Yang Berhormat perlu selesaikan jawapan sebelum pukul 1.00.

**Datuk Seri Dr. Suleiman bin Mohamed:** Sebelum pukul 1.00, okay. Saya gembira berbuat demikian. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Seri Dr. Suleiman bin Mohamed:** Kita mempunyai target, Yang Berhormat. Ini boleh juga saya jawab kepada Ahli Yang Berhormat bagi Mambong bahawa target kita adalah untuk mengurangkan kadar kejadian 2 bagi 10,000 penduduk. This is our target. Ini harapan kitalah. Oleh sebab itu, strategi yang hendak kita lakukan strategi yang juga dibuat oleh WHO secara global iaitu mengadakan pengesanan awal dan rawatan yang cepat kepada pesakit, kemudian kawalan vektor melalui racun serangga dan urusan awal iaitu perubatan. Walaupun, kita mempunyai target yang demikian agak berjaya, namun demikian, penyakit malaria ini di merata tempat di seluruh dunia menjadi satu masalah yang besar.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi ...

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuan bangun sekali lagi.

**Datuk Seri Dr. Suleiman bin Mohamed:** Saya diberi tempoh sedikit sahaja Yang Berhormat, jadi saya ingat hanya tiga minit untuk saya menghabiskan. Tidak apa, okay.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Datuk Timbalan Menteri. Sebentar tadi Yang Berhormat bagi Mambong menyatakan bahawa Sabah mempunyai kes malaria yang paling tinggi dan penjelasan Yang Berhormat Datuk tentang langkah-langkah *preventive* yang diambil, terima kasih di atas penjelasan itu. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa barangkali di negeri Sabah ini agak tinggi kes malaria dia sebab ada *trend* baru yang dibawa oleh pendatang tanpa izin ke negeri Sabah.

Selain daripada itu, dalam kes typhoid misalnya, adakah pihak kementerian mengambil langkah-langkah untuk memastikan supaya pendatang tanpa izin negeri Sabah ini akan diberi *vaccination* sebab jika sekiranya kita membuat *preventive* dari segi pengawalan vektor dan sebagainya, sedangkan pendatang tanpa izin tidak dibendung, berkeliaran dan tidak mempunyai *vaccination*.

Mereka ini berpotensi bukan sahaja berpotensi tetapi sudah terbukti akan menyebarkan penyakit-penyakit berjangkit ini. Saya boleh bagi contoh di kampung saya sendiri di mana pendatang tanpa izin ini telah diambil bekerja oleh seorang kontraktor dan daripada itu, penyakit typhoid telah merebak dan dua tiga orang di kampung saya yang sebelum ini tidak pernah dijangkiti dengan typhoid dan mereka meninggal.

Saya ingin bertanya adakah pihak kementerian akan meminta pihak Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil langkah-langkah bagaimanakah kita memastikan supaya pendatang-pendatang tanpa izin ini tidak menjadi vektor yang besar untuk membawa penyakit-penyakit yang berjangkit. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya akui memang benarlah banyak penyakit yang pada satu ketika dahulu sudah terhapus, sifar, tetapi kembali. Ini dibawa oleh pendatang tanpa izin, misal kata hepatitis B, typhoid dan lain-lain penyakit berjangkit. Masalah kita hari ini adalah banyak penyakit ini dibawa oleh pendatang tanpa izin, itu saya akui, tetapi kerajaan juga telah menjalankan langkah supaya kita dapat membendung.

Bagi mereka yang datang melalui permit bekerja di Malaysia, itu kita dapat jalankan saringan dalam pemeriksaan perubatan, ini dapat kita kawal. Yang tidak dapat kita berjaya sepenuhnya adalah *illegal immigrant*. Kementerian akan berusaha sedaya upaya supaya kita dapat berjaya sekurang-kurangnya mengurangkanlah.

Tuan Pengerusi, hampir tiga suku yang sudah saya jawab dan saya rasa yang belum saya jawab ada dua, tiga termasuk *beta agonist* daripada Yang Berhormat yang menyebut. Lain-lain saya akan menjawab secara bertulis tetapi soal beta agonist ada pertikaian tadi, soal telur dan ayam daripada Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan.

Saya hendak beritahu bahawa apa yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan hal ini kebanyakannya tertumpu kepada kuasa yang terdapat daripada Kementerian Pertanian. Jadi, lain-lain nanti saya akan jawab secara bertulis mengenai soal daging yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana waktu terbatas, saya akhiri dengan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,545,440 .....[disampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada masa sampai pukul 1.00 tengah hari. Salah fahamlah tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Salah faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kepada sebahagian yang tidak dapat akan dijawab secara bertulis. Jadi itu....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kalau tidak boleh sekejap lagi.

**Puan Fong Po Kuan:** ....jawablah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, keputusan telah dibuat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,545,40,400 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,545,40,400 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,220,146,010 untuk Maksud P.34 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,220,146,010 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40 dan B.41 [Jadual] -  
Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bekalan B.35 sehingga B.41 dan Kepala Pembangunan P.35 sehingga P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

#### **USUL MEMINDA JADUAL DALAM RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9)**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tempoh masa tidak lebih daripada 15 minit.

**12.37 tgh.**

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]:** Tuan Pengerusi, selepas dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri kemudian dilantik menjadi Menteri Dalam Negeri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang terkenal dengan seorang yang mudah bernesra dan mudah ditemui dan sikapnya itu pula diterjemahkan dalam kenyataan beliau bahawa selepas berlaku peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan terutama sekali tuduhan-tuduhan terhadap kelakuan beberapa anggota polis dalam kes reformasi maka Timbalan Perdana Menteri menjanjikan untuk melahirkan satu pasukan polis yang bersikap mesra rakyat. Kemudian Ketua Polis Negara pula mengeluarkan kenyataan berkali-kali untuk melahirkan pasukan polis yang meningkatkan profesion mereka secara profesional dan Ketua Polis Negara sendiri mengakui bahawa bersetuju supaya ketua-ketua polis dan pihak polis dikursuskan oleh pihak SUHAKAM untuk meningkatkan kerja mereka secara profesional. Tetapi apa yang berlaku mutakhir ini terutama kejadian 5 November 2000 amat menyedihkan kita. Janji yang hendak melahirkan polis yang lebih mesra sudah hampir hancur berkecai apabila melihat kejadian yang berlaku pada 5 November 2000 cara pihak keselamatan menyuraikan satu himpunan yang aman bukan himpunan hendak menuju kepada satu himpunan yang aman.

Kita lihat laporan yang dikeluarkan oleh pihak Bar Council Aid Centre laporan itu sungguh mengerikan seolah-olah rakyat telah bertempur dengan pasukan keselamatan. Ini satu perkara yang tidak baik membawa imej yang agak tidak baik kepada pasukan keselamatan dan kepada Menteri Dalam Negeri itu sendiri. 125 orang ditangkap dan dalam laporan daripada Bar Council Aid Centre itu juga memberitahu bahawa bagaimana dilayan orang-orang yang ditangkap itu. Ini sudah bertentangan dengan undang-undang dan cara mengendalikan orang-orang yang ditangkap. Contohnya Nor Azimah bt. Mahmood, telah ditelanjangkan dalam lokap oleh Inspektor Dayang dan disuruh ketuk ketampi, berdiri dan duduk secara mencangkung.

Saya sendiri yang pernah ditahan dua kali di bawah *ISA*, 120 hari lebih kurang dalam lokap polis tidak pernah sekali pun ditelanjangkan. Bagaimana keadaan sekarang ini adakah ada peraturan baru sehingga seorang wanita Nor Azimah bt. Mahmood boleh ditelanjangkan dan disuruh ketuk ketampi. Yang cedera pula dihantar ke hospital lewat lebih daripada enam jam. Kemudian mereka yang ditangkap yang berada di dalam trak polis disembur dengan satu jenis semburan kimia sebanyak tiga kali semasa mereka berada di dalam lokap itu. Semua kejadian-kejadian ini adalah perkara-perkara yang agak baru cara pihak polis kita menjalankan operasi walaupun kita telah mengalami berkali-kali tunjuk perasaan dan penangkapan dan sebagainya saya tidak pernah melihat dan mengetahui perkara-perkara seperti ini berlaku seperti yang dilaporkan oleh pihak Bar Council.

Saya bacakan senarai mereka yang cedera itu supaya tercatat dalam *Hansard* Parlimen ini dan pihak kerajaan boleh menyasiat selepas ini.

1. Hamzah bin Ahmad - beliau cedera di kepala dan peha dan ia dibawa ke hospital.
2. Mohamad Nasir Abdul Rahman - cedera di dahi, ibu jari kanan dan belakang tangan.
3. Abu Bakar Ismail - bengkak kaki, siku cedera dan pinggangnya bengkak.
4. Edi Shukri Ramli - cedera di rusuk, kepala dan tangan, jari dan peha bengkak.
5. Haji Md. Salim - kepala bengkak disepak di pinggang.
6. Fadhil Haji Abdullah - cedera di tangan, diletak di dalam trak di tempat yang panas lebih dua jam dan trak dalam keadaan berkunci.
7. Sharisa Md.Amin - luka di kepala, kesan rotan yang begitu ketara.
8. Taufik Shahadi Jaafar - dua tulang rusuk retak, pendarahan di telinga, kena spray dalam trak.
9. Rahmat Mohamad - cedera di hidung, pinggang, bahu dan kening.
10. Mohamad Adnan - cedera di peha kiri, tangan, dada, perut, disepak di perut dan pinggang.
11. Mohamad Afzal Ismail - bengkak di muka, pendarahan hidung dan dirotan di belakang, kesan lebam begitu ketara.

12. Pospan Linguam - luka di bibir, muka, kesan disepak. Dua setengah jam diletak di dalam trak.
13. Ismail Hashim - cedera di kepala.
14. Azmi bin Shuib - cedera di kepala, tangan, bahu, belakang - tidak dibawa ke hospital.
15. Shaari bin Harun - cedera di kepala, pinggang dan belakang.
16. Marhaban Mufan - bengkak di kepala, telinga dan belakang tidak dibawa ke hospital
17. Ismail bin Isa Che' Amir - kesan rotan di belakang tidak dibawa ke hospital
18. Mohamad Rizal Abdullah - ditumbuk di hidung dan berdarah.
19. Mohamad Faisal Abu Bakar - luka di pinggang dan tangan.
20. Ahmad Jamil Inek - cedera di mata dan kepala.
21. Awang Bakar Razali - cedera di jari, telinga dan belakang, tidak mendapat rawatan.
22. Abdullah Haji Mahdi - luka di pipi dan belakang.
23. Yusri bin Md. Isa - luka di dahi
24. Mohamad Aziman bin Ali, bukan Azmin Ali ya - cedera di mata, kepala dan bahu, tidak mendapat rawatan
25. Abdul Rahman Abdul Aziz - diletakkan dalam trak dari pukul 4.30 petang sehingga 9.30 malam, tiga kali mengalami spray daripada sejenis bahan kimia.
26. Ahmad Faisal bin Chik - cedera di kepala, mulut dan dahi.

Ini kalau kita lihat apa yang dilaporkan oleh Bar Council Aid Center ini, seolah-olah berlaku pertempuran, sedangkan apa yang berlaku rakyat dalam keadaan tidak melawan dan berlaku kecederaan yang begitu dahsyat.

Tuan Pengerusi, kalau pihak polis tidak bersifat agresif ataupun melakukan kekerasan, ia berlaku dengan aman. Tahniah kepada pasukan polis kerana mengawal satu pasukan rakyat menghantar memorandum membantah penarikan royalti minyak Terengganu di Kementerian Kewangan pada 25 November, tidak berlaku apa-apa provokasi, pihak polis tidak bersikap keras, berlaku perundingan dan ianya berjalan dengan lancar, peristiwa menghantar memorandum itu berakhir, bersurai se jam setengah kemudian dengan orang ramai saling berjabat tangan dengan pihak pasukan keselamatan.

Itulah yang kita lihat begitu mesra sekali, tetapi bila ada tindakan kekerasan, maka yang kita lihat ialah kecederaan yang begitu banyak menimpa rakyat jelata.

Jadi, kita lihat di sini bahawa Menteri Dalam Negeri yang berjanji untuk melahirkan polis yang bersifat mesra rakyat tetapi yang kita lihat di sini, bukan mesra tetapi yang bersikap membelasah rakyat dalam peristiwa 5 November yang lalu.

Tuan Pengerusi, begitulah juga sikap Menteri Dalam Negeri kebelakangan ini tidak menjawab apa-apa permohonan. Setuju atau tidak bersetuju, lulus atau tak lulus, misalnya bila kita hantar permohonan untuk menerbitkan akhbar *Purnama*, sampai hari ini tidak ada jawapan sama ada lulus atau tidak lulus. Begitulah juga pengharaman-pengharaman majalah *Detik*, *Eksklusif*, majalah remaja, *Wasilah* dan sebagainya, kita lihat cara yang dibuatnya tidak diberi penjelasan kepada mereka yang memiliki lesen itu.

Oleh itu, saya melihat keadaan ini bahawa dan juga keluhan yang dibuat oleh SUHAKAM sendiri yang melihat peristiwa 5 November itu, peristiwa yang begitu drastik, yang begitu kasar dan SUHAKAM juga akan membuat siasatan dan siasatan daripada SUHAKAM nanti akan dikeluarkan, kita boleh lihat bagaimana pihak Menteri Dalam Negeri gagal untuk melahirkan pasukan polis yang profesional khususnya dalam peristiwa 5 November.

Sekian, Tuan Pengerusi, dan minta potong gaji RM10.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi terbuka untuk dibahas. Sri Gading.

12.48 tgh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya bangun untuk menolak Usul tersebut. Saya tidak bersetuju dengan Usul yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi. Polis ialah pahlawan negara yang sangat besar jasanya.

Setia Berkhidmat, cogan kata polis yang telah dapat membuktikan bahawa selama ini polis telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat, yang menjamin keamanan rakyat negara ini hasil usaha pengorbanan dan segala susah payah pasukan polis kita dapat melangsungkan kehidupan kita dalam keadaan aman, tenteram dan penuh dengan kebahagiaan.

Tidak ada kata secantik bahawa yang boleh kita curahkan bagi menilai pengorbanan anggota polis kepada rakyat dan negara. Apa yang diceritakan ialah cerita sebelah pihak. Cerita soal polis kena pukul tidak diceritakan. Soal polis juga luka di kepala, di telinga, masuk hospital tidak pula diceritakan. Ini kita hendak bercakap tentang, konon hendak menuduh tetapi cerita yang sebenarnya tidak dijelaskan, yang ada ialah pengeliruan. Saya ambil contoh, sebelum berlaku perkara-perkara yang didakwa itu, sebelum perkara 5 November itu berlaku, cerita polis dimaki, polis diprovoke, polis dicaci, dimaki hamun, dikata anjing dan sebagainya tidak diceritakan. Ini cerita sebelum ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak ada masa. Tidak ada masa. Kita tidak ganggu tadi Yang Berhormat yang membawa usul, dengarlah pula saya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soal perhimpunan haram. Tak ada permit. Itu soal pelanggaran undang-undang. Itu sebabnya kita menolak usul potong gaji menteri ini kerana menteri ini penuh dengan tanggungjawabnya dan polis penuh dengan tanggungjawabnya. Ini semua adalah perkara-perkara yang sengaja dibuat oleh pembangkang. Hendak mengambil contoh reformasi Indonesia. Soal di Indonesia, kalau ini dibiarkan akhirnya nanti negara kita ini ialah kuasa rakyat. Kuasa rakyat akan berlaku dalam negara ini seperti yang dibuat di Indonesia, kuasa rakyat di mana kalau ada orang yang salah di kampung mereka, mereka hukum sendiri, kalau polis datang pun mereka lawan kerana mereka hendak jatuhkan hukum mengikut hukuman dan perasaan mereka, diseret. Ada orang yang melakukan kesalahan, dipotong

kepalanya diseret dengan motosikal, itu kuasa rakyat. Apakah kita rakyat Malaysia reda di negara ini kuasa rakyat yang mengetepikan undang-undang hendak kita laksanakan dan kalau reformasi yang dibuat di Indonesia, hendak ditiru oleh parti pembangkang di sini, reformasi hingga kuasa rakyat akan berlaku, akhirnya negara ini akan hancur lebur.

Jadi saya menolak usul ini dan cerita yang dinyatakan oleh pembawa usul ialah cerita yang berat sebelah, yang tidak menceritakan bagaimana asal usul cerita ini boleh berlaku hasil daripada tindakan perhimpunan yang mengutuk, memaki, mencaci polis. Polis juga manusia. Saya ada rakan seorang inspektor. Dia kata, kalau saya tidak hormat saya punya uniform, saya pun sudah lama tampar orang ini. Tetapi kerana saya hormat saya punya uniform, saya terpaksa mendiamkan diri, saya terpaksa urut dada saya kerana saya sebagai manusia dihina, saya juga ada perasaan.

Jadi, kita kena timbang perasaan manusia, hasil perbuatan *provoke* yang dilakukan oleh pihak-pihak yang sengaja hendak mencetuskan keadaan yang tidak baik di kalangan masyarakat, yang sengaja melakukan perkara-perkara pelanggaran undang-undang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

12.54 tgh.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, tadi saya dengar Yang Berhormat Sri Gading yang tidak pernah 'digadingkan' di dalam rumah Yang di-Pertuan Agong, sebab itulah dia cakupnya begitu lantang mengenai kekerasan dan apa yang disebutkan sebagai kekejaman rakyat.

Saya berharap dia boleh berfikir dengan baik-baik kerana kalau tidak silap saya mungkin satu hari kelak dia akan 'cokoh' di dalam rumah Yang di-Pertuan Agong juga.

Tuan Pengerusi, Kementerian Dalam Negeri telah diperuntukkan untuk tahun depan RM3.877 bilion. Dan tugasnya untuk mengawal keselamatan dan ketenteraman rakyat, untuk memelihara dan mengekalkan ketenteraman awam, kesejahteraan dan keselamatan negara daripada sebarang ancaman dalam negara.

Tuan Pengerusi, kalau itulah tugasnya saya memang sokong, kita hendak memelihara ketenteraman. Tetapi satu perkara dari pengalaman saya dan juga Kuala Kedah dan ada lagi Pokok Sena yang pernah dipelawa untuk 'universiti' yang kedua di Kamunting, dan saya tidak pernah keras kepada polis dan apa sahaja. Tidak itu perkara tidak timbul dan saya kalau sesiapa sahaja yang ada kekejaman dan kekerasan ke atas polis, saya bantah, saya tidak bersetuju. Kalau itulah yang dilakukan, memang polis betul-betul untuk menangkap dan ditahan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Parit Sulong, hendak masuk ke 'universiti' kedua?  
[Ketawa]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, dia kata Yang Berhormat bagi Kepong tidak bersetuju mana-mana pihak mengasari polis. Jadi, kalau di Jalan Kebun baru-baru ini, ada sesetengah pihak polis dikerasi oleh pihak penunjuk perasaan, adakah Yang Berhormat bagi Kepong bersetuju dengan perbuatan seperti itu. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, kita mesti siasat, kalau sesiapa sahaja sengaja mencederakan polis, mereka mesti dihukum. [Tepuk] Mesti dihukum. Kita tidak boleh melayan, kita tidak akan mirip ataupun mencontohi apa yang berlaku kekerasan dan kekejaman oleh sesetengah golongan di Indonesia pun kita tidak bersetuju dan kita tidak mahu mengulangi di negara ini, sama sekali. Tetapi adakah Yang Berhormat dan kementerian bersetuju, kita adakan siasatan yang menyeluruh untuk mengetahui siapa yang memulakan dengan kekerasan [Tepuk]. Itu memang

mesti dibuat. Dan walaupun SUHAKAM sudah bersetuju, 'parit yang bongsu' sekarang ...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Kepong rasional sedikit hari ini. Jadi, saya hendak bertanya, tidakkah peristiwa di Jalan Kebun itu tidak akan berlaku sekiranya pihak pembangkang tidak mengambil tindakan di luar undang-undang. Saya katakan tindakan di luar undang-undang oleh kerana tidak ada permit daripada polis untuk melakukan perhimpunan itu. Jadi, kalau perkara ini tidak melanggar undang-undang, perkara yang dibahaskan dalam Dewan ini menjadi *irrelevant*. Tidakkah begitu keadaannya? Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Parit yang Sulong sekarang menjadi bongsu, beliau tidak tahu, permohonan demi permohonan kepada polis tetapi permit itu ditolak sama sekali. Kalau tidak dibenarkan di kawasan lapang Jalan Kebun itu, maka boleh dibenarkan di Stadium Bukit Jalil, Stadium Merdeka, di Stadium Shah Alam yang boleh dikawal oleh polis, tetapi tidak dibenarkan.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Yang Berhormat, saya mohon penjelasan sedikit. Boleh atau tidak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kangar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi di Perlis itu tidak adalah perhimpunan, adakah?

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, sama ada beliau bersetuju bahawa kalau pun wujud tindak tanduk polis seperti yang diceritakan ianya merupakan satu isu dengan izin, *enforcement of the rule of law*. Sementara itu, demonstrasi tersebut atau perhimpunan tersebut merupakan *the challenge to the rule of law*. [Tepuk] Di antara *enforcement of the rule of law* dengan *the challenge to the rule of law* adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa *it is the challenge to the rule of law, that is more serious?* Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi menyebutkan kedaulatan undang-undang. Memang kita mendaulatkan undang-undang, tetapi kedaulatan undang-undang tidak semestinya kita tidak keluarkan polis permit langsung, tidak membenarkan orang bersuara langsung. Kalau itulah kedaulatan undang-undang ini memang perlu dikaji semula dan saya bercadang supaya Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula dasar untuk menguruskan semua ini supaya kita dapat wujudkan satu rang undang-undang yang betul-betul adil dan saksama, termasuk rang undang-undang untuk memberi permit kepada rakyat untuk bersuara. Bagaimana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak banyak dah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Empat minit lagi, Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Empat minit lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Untuk Yang Berhormat ada empat minit lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya boleh sambung. Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Mesyuarat dalam Jawatankuasa. Ya, Kepong sila sambung. Yang Berhormat ada empat minit.

2.31 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Empat minit sahaja ya.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, pagi ini saya ada di situ di ambang – lain kali saya akan ....[Ketawa]

Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya sebutkan tadi walaupun lambat sedikit untuk mengambil tindakan SUHAKAM mestilah menunjukkan profesionalisme dengan benar-benar mengadakan keadilan tanpa berat sebelah dan menunjukkan SUHAKAM itu benar-benar boleh menyiasat secara menyeluruh terhadap perhimpunan 5 November yang lepas.

Seterusnya pihak kementerian mestilah menggubalkan rang undang-undang untuk membolehkan rakyat berhimpun secara aman damai. Ini bermakna kerajaan mestilah mengkaji semula semua undang-undang yang menyekat perhimpunan secara aman.

Saya sebutkan hal ini kerana, Tuan Pengerusi, perlulah kita memandangkan ke hadapan semua aktiviti. Saya di sini dan Ketua Pembangkang, semua parti mestilah mengakui kita tidak boleh membenarkan kekerasan terhadap sesiapa pun bahkan kepada polis dan sebaliknya kita mengharapkan polis juga ataupun sesiapa sahaja jangan melakukan kekerasan ke atas sesiapa pun. Ini memang satu prinsip kerana kita tidak mahu porak-peranda yang berlaku di negara ini. Kita di Malaysia lebih matang di dalam bidang politik daripada negara-negara yang lain tetapi, Tuan Pengerusi, kita mesti mengangap undang-undang yang ada sekarang ketinggalan zaman kerana kita melangkah ke alaf baru, millenium baru dan dengan perkembangan globalisasi dan sebagainya. Kita perlu mengkaji semula semua yang menyekat perhimpunan secara aman.

Ketiganya, Tuan Pengerusi, walaupun pihak kerajaan sudah menyalahkan pihak pembangkang yang mengapi-apikan, menyebarkan berita yang tidak baik terhadap kerajaan di luar negara tetapi kalau kerajaan benar-benar hendak mengetahui perbuatan kerajaan itu sendiri yang menyebarkan imej yang buruk termasuk, Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di luar negara kadangkala disambut baik juga kerana ada pendirian yang betul. Tetapi kadangkala misalnya di perhimpunan, di hadapan pelajar-pelajar Universiti Cambridge baru-baru ini kerana pendirian pendapat Yang Amat Berhormat tidak cocok dengan fikiran para pelajar, maka sambutan kurang baik juga termasuklah keadaan perhimpunan secara aman juga sebab, Tuan Pengerusi, kalau kerajaan parti-parti siasah kerajaan UMNO dapat mengadakan rapat umum raksasa di Bukit Jalil, mengapa pihak pembangkang tidak dibenarkan berbuat demikian? Inilah soalan yang pokok yang dihadapi oleh rakyat Malaysia hari ini.

Saya berharap pihak kerajaan, pihak pembangkang, semua rakyat mesti berhati-hati, sentiasa berwaspada untuk mengelakkan porak-peranda, sementara itu kita mestilah merayu kepada kerajaan yang memerintah hari ini supaya mengkaji semula cara-cara untuk mengendali, untuk menghadapi rakyat dengan perhimpunan yang diadakan secara aman. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Shah Alam.

2.38 ptg.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang dibawa oleh Kuala Kedah di mana usul tadi yang telah pun disebut untuk potong gaji RM10 kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Saya rasa bahawa usul yang dibawa ini langsung tidak ada mencerminkan semangat kita menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak ini kerana tugas memotong gaji Menteri ini orang kata, mengurangkan dan memendekkan rezeki orang.

Keduanya, segala maklumat yang disampaikan, gambaran yang disampaikan adalah satu gambaran yang tidak tepat dan diputarbelitkan segala fakta yang dikemukakan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawasanya perhimpunan 5 November baru-baru itu adalah satu perhimpunan yang tidak mempunyai kebenaran dan kelulusan.

Kita sedia maklum bahawa gambaran yang diberikan kepada Menteri Dalam Negeri seolah-olah pasukan polis ini di bawah genggaman dan kawalan Menteri Dalam Negeri itu satu fakta yang tidak betul kerana kita sedar bahawa daripada segi institusi polis, dengan izin, Tuan Pengerusi, the principle of the accountability kepada Menteri yang bertanggungjawab tetapi responsibility kepada Ketua Polis Negara dan saya ingat responsibility terhadap Ketua Polis Negara telah pun memberi amaran yang awal kepada rakyat supaya jangan melibatkan diri dalam perhimpunan politik haram. Bukan perhimpunan rakyat haram yang dinamakan perhimpunan 100,000 dengan mobilization of supporter ini terutama dari parti pembangkang yang dihadiri oleh semua pengikut Banting, bukan dari kawasan Lembah Klang, daripada seluruh negara yang digerakkan secara tersusun rapi dan perhimpunan itu adalah satu perhimpunan haram.

Pada hakikatnya pihak pembangkang pun mengaku ini merupakan satu perhimpunan haram dan kalau ianya merupakan satu perhimpunan haram siapa pun yang melibatkan diri dalam perhimpunan ini adalah merupakan mereka yang melanggar undang-undang. Kita Ahli Parlimen pun bila kita mengambil ikrar di hadapan itu mempertahankan Perlembagaan dan daripada segi institusi polis pun dia pun bertanggungjawab kepada Perlembagaan.

Selalu Yang Berhormat bagi Kepong sebut hak asasi manusia, saya sudah cakap kalau Fasal 10, jangan baca yang setengah sahaja, baca habis sekali, baru ada peruntukan-peruntukan supaya ada sekatan-sekatan supaya perhimpunan yang dianjurkan secara haram itu jangan ianya menjadi satu perhimpunan yang akhirnya akan memudaratkan keamanan, kestabilan dan ini adalah satu perkara yang harus kita pertahankan.

Jikalau pihak polis, saya pun hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kenapa pihak polis sampai hampir lima jam menyebabkan sesaknya lalu lintas di Kesyahjatan Highway tidak ambil tindakan yang orang menyertai itu tidak hendak beredar, tidak hendak ikut arahan, akhirnya seluruh Jalan Kesyahjatan Highway itu menjadi begitu dalam bahasa apa 'macat', jadi jem. Ini menyusahkan orang ramai, menyusahkan orang keliling dan jikalau pihak polis mengambil tindakan untuk menyuraikan ini, saya tidak fikir bahawa kalau polis sudah pun empat jam bersabar, suruh bersuarai, boleh angkat peluk dia orang bawa masuk dalam van polis. Tentulah ada usaha yang dijalankan mengikut tatacara polis bagaimana untuk menyuraikan satu perhimpunan yang dinamakan perhimpunan haram. Tentulah berlaku sedikit kekecohan, sedikit kecederaan terhadap peserta-peserta tersebut, Tuan Pengerusi.

Saya hendak sebutkan ini kerana saya lihat bahawa ini adalah merupakan satu usaha yang dijalankan oleh pihak pembangkang secara tersusun rapi. Sebelum itu pun di kawasan Jalan Kebun ini tiap-tiap minggu ada ceramah, 1,000 orang, 500 orang, 2,000 orang walaupun tanpa permit. Tidak pun kita dengar bahawa polis menggunakan gas pemedih mata, gunakan FRU untuk menyuraikan mereka ini.

Soalnya, betulkah tidak ada kebebasan bersuara dan melahirkan pandangan ideologi politik perjuangan mereka terhadap rakyat. Kalau tidak ada tentulah apa yang berlaku di Lunas tidak akan berlaku pada hari ini. Kita lihat apa yang berlaku di Lunas tidak ada sekatan pun, kebebasan bersuara, cakaplah apa hendak pun cakap. Al-maki, al-fitnah, al-hamun pun berjalan juga di Lunas. Masuk ke Lunas rakyat hakim negara, rakyat hakim negara apa benda? Kita baru selesai menganjurkan pilihan raya yang ke-10.

Seluruh rakyat telah pun membuat keputusan bahawa Kerajaan Barisan Nasional hari ini yang memerintah, kita yang bertanggungjawab untuk mempertahankan Perlembagaan, hendak apa balik kepada rakyat hakim negara? Kalau zaman rakyat hakim negara, saya rasa balikkah zaman komunis, semuanya mahkamah rakyat menentukan dan rakyat semua kenal balik jadi belajar undang-undang supaya kita ada pertimbangan untuk menggunakan undang-undang dalam membuat keputusan yang betul.

Jadi, kalau kita mengajar kepada rakyat supaya tidak mahu menerima tentang sistem Perlembagaan yang kita dukung, kita angkat sumpah, kita mempertahankan, kita kata jangan terlibat dengan perhimpunan haram, mengajar anak kita supaya melihat polis itu sebagai satu badan yang akan menjaga keselamatan kita tetapi kita juga mengajar mereka untuk mencaci, menghina, memaki institusi ini terhadap kuasa yang Parlimen perturunkan dan saya rasa ini satu perbuatan yang tidak sihat kepada bangsa, agama dan negara kita.

Justeru kerana itu, usul yang dibawa potong gaji ini adalah satu usul yang mesti kita tolak, yang langsung sepatutnya tidak boleh dibawa dalam Dewan yang mulia ini terutama dalam kita menjalankan ibadah puasa kerana niat untuk mengemukakan usul potong gaji ini semata-mata untuk memberikan gambaran bahawasanya seolah-olah kerajaan dan juga melalui Menteri yang bertanggungjawab ini Kerajaan Barisan Nasional ini, polis ini di bawah genggaman dan kawalan kita.

Itu satu penyalahan maklumat dan fakta yang langsung tidak tepat dalam masalah ini kerana kita tahu polis juga melalui Akta Polis mempunyai peraturan-peraturan yang diluluskan oleh Parlimen untuk mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk menjagakan keselamatan dan kesejahteraan semua rakyat dalam negara ini di mana kita diberi jaminan untuk melaksanakan hak asasi kebebasan kita sebagai seorang warganegara. Dan tentulah hak kebebasan ini bukan merupakan satu hak yang kita bebas untuk melakukan segala apa yang kita rasa tersurat dan tersirat di dalam hati, tentulah ada peraturan yang kita harus patuhi. Sebagaimana dalam Perlembagaan, Perkara 10, Hak Kebebasan Manusia dan Parlimen juga mempunyai sekatan-sekatan melalui perundangan yang dibuat, yang diluluskan oleh Parlimen ini untuk menjaga kepentingan dan kestabilan orang awam dan jikalau inilah yang digambarkan bahawasanya polis ini merupakan sebagai satu badan penganas berlesen yang melakukan keganasan dengan tidak mengikut undang-undang, ini adalah satu pembongkaran yang amat dahsyat kepada Dewan yang mulia ini.

Justeru kerana itu, saya fikir bahawa usul yang dibawa oleh Kuala Kedah ini mestilah ditolak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu.**

**2.45 ptg.**

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk memberikan sokongan penuh saya kepada usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah untuk memotong gaji Menteri Dalam Negeri, dalam konteks perkembangan yang berlaku di negara kita sekarang ini. Kita perlu melihat dalam perspektif yang lebih luas.

Salah satu sebab yang berlaku di negara kita sekarang ini dari sudut krisis keyakinan yang dihadapi oleh pemerintah khususnya UMNO dan Barisan Nasional adalah akibat daripada penolakan orang-orang Melayu terhadap UMNO dalam pilihan

raya yang lepas. Sebab itulah apa yang sedang berlaku, rentetan-rentetan isu yang sedang berlaku khususnya menyalahgunakan kuasa-kuasa yang ada pada kerajaan adalah akibat daripada hilangnya rasional pemimpin-pemimpin UMNO dalam melihat sokongan yang diberikan oleh rakyat terhadap PAS dan Barisan Alternatif. Inilah yang berlaku.

Kalau kita melihat kepada perkara yang berlaku di Lebuhraya Kesas menunjukkan salah satu daripada beberapa babak-babak peristiwa yang berlaku di mana hak-hak yang perlu diberikan kepada rakyat. Kita bukan bercakap di Dewan ini seolah-olah kita berada di dalam tahun 60-an, tahun 50-an tetapi kita bercakap di era alaf baru, di era IT, di mana rakyat sudah tidak boleh lagi ditipu, rakyat tidak boleh lagi diperbodohkan, rakyat sudah tidak boleh lagi diperkotak-katikkan dengan perkara-perkara ataupun dengan alasan-alasan yang begitu dangkal dan begitu sempit.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Kuala Terengganu. Cakap tentang hak kebebasan, hak untuk bersuara dan melahirkan pandangan dan pendapat ideologi perjuangan politik dalam iklim dan suasana yang sesuai. Saya hendak tanya, adakah sekatan ini dibuat terhadap pilihan raya Lunas yang berlaku pada hari ini. Ada sekatan atau tidak? Ada tidak kebebasan untuk bercakap, walaupun ianya berunsur maki, fitnah dan hamun? Adakah tidak? Kalau ada, itulah kebebasan, kebebasan ini mestilah dibuat dalam iklim dan suasana yang sihat. Bukan dalam suasana yang tidak sihat kerana kalau dalam suasana yang tidak sihat akhirnya ia akan memudaratkan rakyat. Ha! Bincanglah itu. Jawab.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang ada sebagaimana yang saya sebutkan, kita perlu melihat secara meluas, dalam suasana yang ada sekarang ini, dari sudut hak asasi manusia sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan juga Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sendiri. Kita tidak boleh berdolak-dalik dalam suasana perkembangan yang ada sekarang ini.

Sebagaimana yang saya ulang-ulangkan dalam suasana masyarakat, perubahan yang berlaku dalam minda masyarakat, perubahan yang begitu cepat berlaku dalam konteks IT dan sebagainya, pemerintah ataupun UMNO dan Barisan Nasional kena menerima realiti yang ada sekarang ini, khususnya Menteri Dalam Negeri sendiri perlu menerima hakikat bahawa perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh rakyat, kebebasan-kebebasan yang dikehendaki oleh rakyat adalah suatu kebebasan yang *legitimate*, yang sah, yang perlu diberikan dalam sebuah sistem demokrasi yang diterima dan dituntut oleh rakyat di negara kita.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Saya bagi satu lagi.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah hak asasi manusia itu hanya hak asasi untuk berdemonstrasi dan menyuarakan suara-suara dan pandangan-pandangan ataupun juga rakyat mempunyai hak untuk menerima pendidikan, menerima pembangunan, menerima kesejahteraan, mempunyai keamanan dan juga kesejahteraan hidup tanpa diganggu dan sebagainya. Itu juga sebahagian daripada hak asasi. Kalau kita hendak menumpukan hak asasi hanya kepada kebebasan politik semata-mata, itu tidak mungkin wujud. Itu hanya tafsiran kepada hak asasi oleh pihak Amerika untuk menafikan negara-negara ketiga terhadap hak asasi rakyat menerima air yang bersih, menerima kesihatan yang sewajarnya, menerima pembangunan yang sebaik-baiknya dan sebagainya.

Adakah saudara hanya menumpukan dan melihat hanya sebahagian dari sudut kecil hak asasi, iaitu hanya kebebasan berpolitik dan bersuara? Terima kasih.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, di negeri Terengganu royalti pun tidak dapat sampai sekarang, selepas pilihan raya rakyat menolak UMNO dan Barisan Nasional. [Disampuk] Politik balas dendam yang dilakukan ini juga menunjukkan sebagai ketidakrasionalan pimpinan UMNO dan Barisan Nasional.

Saya ingin berbalik kepada Kementerian Dalam Negeri yang ada sekarang ini, yang sedang kita perbincangkan ini, persoalan yang perlu dilihat oleh Menteri Dalam Negeri sendiri dari sudut apa yang undang-undang yang ada di negara kita - ISAny, OSAny, Akta Mesin Cetak yang ada di negara kita. Sebagai contohnya, Akta Mesin Cetak dengan sewenang-wenangnya dipergunakan untuk menyekat kebebasan akhbar di negara kita.

Akhbar *Harakah*, kalau dahulu dua kali seminggu, sekarang ini sebulan dua kali, hanya dibenarkan dalam had-had yang tertentu untuk ahli sahaja. Begitu juga akhbar-akhbar lain, akhbar *Detik*, yang tidak dibenarkan perमितnya, akhbar-akhbar lain *Eksklusif* yang tidak dibenarkan penyambungan perमितnya.

Menteri Dalam Negeri perlu ingat bahawa telah ada dua kali memorandum lebih daripada 500 *journalists* ataupun wartawan di negara kita, bukan sahaja wartawan-wartawan, akhbar-akhbar pembangkang tetapi wartawan-wartawan akhbar-akhbar perdana di negara kita telah menghantar satu memorandum agar Menteri Dalam Negeri sendiri melihat, mengkaji, menilai semula akan akta-akta yang menyekat kebebasan berita-berita yang ada di negara kita.

Dan, saya harap inilah yang perlu kita berikan perhatian. Bukan kita melihat dalam suasana yang sempit, kalau pembangkang bangun dilihat sebagai hanya tahu membangkang tetapi pemerintah Barisan Nasional khususnya Menteri Dalam Negeri perlu melihat dalam suasana yang ada sekarang ini, realiti yang ada sekarang ini, kenapa berlakunya krisis keyakinan di negara kita. Mengapa setiap kali pemimpin-pemimpin UMNO bercakap, rakyat kebanyakannya sudah tidak yakin dengan apa yang mereka perkatakan sebab, seperti apa yang disebut oleh Dr Gobels. Dr Gobels menyatakan "*Tell a lie often.....*"

**Tuan Madius bin Tangau:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuan bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tidak ada, habis sudah, cukup, masa tidak ada. Dr Gobels menyatakan, "*Tell a lie often enough and people will start to believe it but telling a lie fifty times doesn't make it a true.*" Inilah realiti yang ada, yang perlu disedari oleh pemimpin-pemimpin khususnya Menteri Dalam Negeri sendiri, janganlah kita hendak menutup realiti yang ada, hak-hak yang ada kepada rakyat ini dengan kita memberikan ruang-ruang ataupun kita menyatakan inilah demokrasi yang ada di negara kita, inilah acuan demokrasi yang ada di negara kita, sedangkan realiti yang ada dalam masyarakat kita sekarang ini, perubahan-perubahan, minda yang ada dalam masyarakat kita sekarang ini sedang melihat, sudah boleh membuat kajian, sudah boleh membuat penelitian bahawa apa yang berlaku selepas pilihan raya seolah-olah lebih menyempitkan keadaan.

Pembangkang sendiri berkali-kali meminta permit untuk mengadakan perhimpunan di Stadium Bukit Jalil, dua tiga kali setelah memberi deposit dua, tiga kali, kenapa pemerintah tidak boleh memberikan, Menteri Dalam Negeri tidak boleh membenarkan perhimpunan 100,000 orang di Bukit Jalil itu sendiri sedangkan sebagaimana yang disebut oleh Kuala Kedah, perhimpunan lebih daripada 10,000 orang, rakyat hantar memorandum di Kementerian Kewangan beberapa hari yang lepas berjalan dalam keadaan yang aman.

Pihak polis memberi kerjasama, pemimpin-pemimpin parti pembangkang juga memberi kerjasama kepada polis, tidak berlaku sebarang kekacauan, tidak ada orang

yang kena pukul, tidak ada orang yang cedera, pecah kepala dan sebagainya kalaulah pihak polis, pihak Kementerian Dalam Negeri memberikan kerjasama yang baik.

Malahan kita pergi, saya sendiri bersama dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah naik ke Kementerian Kewangan, kita mendapat dari semua kakitangan kerajaan daripada Tingkat 1 sampai Tingkat 15 melambai-lambaikan sokongan [*Tepuk*] reformasi untuk melakukan perubahan agar UMNO dan Barisan Nasional [*Disampuk*] tidak dapat meneruskan kepimpinan yang ada sekarang. Inilah realiti yang ada, yang tidak boleh diterima oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Ya, saya rasa itulah yang dapat saya berikan, saya harap sekali lagi dan memberikan sokongan yang penuh kepada Kuala Kedah agar Menteri Dalam Negeri dipotong gaji.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Saya ingat benda ini telahpun dibahaskan dalam usul 18(1) oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan banyak sudah diucapkan. Sekarang biarlah kita putuskan ya. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

2.56 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana minat Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya dari Kuala Kedah, Kuala Terengganu, Kepong yang berhasrat untuk hendak potong RM10 ini. Sebenarnya RM10 ini tidak banyak. Kalau pun berhajat sangat hendak RM10 ini, kita dalam bentuk lain pun kita boleh bagi. Tetapi hendak potong ini, dia akan menjejaskan satu peruntukan yang sedang kita bahaskan dalam Dewan ini.

Tujuan pemotongan ini adalah untuk memalukan dan menghinakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri kerana masalah yang dilakukan oleh rakyat yang tidak suka kepada kerajaan, bukan rakyat yang suka kepada kerajaan. Masalah yang dikelolakan oleh pemimpin yang benci kepada kerajaan, bukan pemimpin yang suka kepada kerajaan. Masalah yang tidak merasa puas hati oleh sebahagian daripada kalangan rakyat dan dengan hasrat hendak menggunakan sistem demokrasi yang ada dalam negara ini, perhimpunan-perhimpunan yang halal dan yang tidak halal terus mereka hendak lakukan dalam negara ini.

Usul tentang masalah Jalan Kebun ini telah kita bahaskan dan tidak mendapat sokongan sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Tetapi Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang menyokong usul ini yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena berasa tidak puas hati, mereka ada mempunyai sikap kalau tidak dapat tanduk, telinga hendak dipulas. Ini sikap yang ada, dendam kesumat yang tidak habis-habis, rasa cemburu dalam hati kerana Barisan Nasional berjaya dalam pilihan raya yang lepas menubuh kerajaan. [*Tepuk*]

Mereka boleh mengatakan bahawa kita kerajaan pada hari ini hilang kepercayaan daripada rakyat. Mereka boleh mengatakan bahawa rakyat tidak menyokong kita maka dengan itu mereka memanggil pemimpin-pemimpin daripada luar negara, Al-Gore, Madeline Albright, untuk datang membantu mereka dalam perjuangan mereka di tanah air ini. Mereka meminta pemimpin-pemimpin dari Indonesia untuk membantu mereka dalam perjuangan menegakkan demokrasi yang mereka cinta tetapi apa berlaku di kedua-dua buah negara. Apa berlaku kepada pemimpin Al-Gore di Amerika pada hari ini? [*Tepuk*] Mereka tidak ingat apa yang telah mereka lakukan, mereka tidak sedar bahawa perjuangan mereka ini hendak menjual maruah, keturunan, bangsa mereka sendiri dalam negara ini. [*Tepuk*]

Kita semua mengakui bahawa demokrasi ada undang-undang, kita semua mengakui bahawa pembentukan demokrasi dalam negara ini melalui proses pemilihan rakyat. Maka dengan sendirinya mereka menolak pemilihan ini sebagai satu yang benar, yang suci, yang ikhlas yang dibuat oleh rakyat. Perhimpunan haram memang

tidak dibenarkan dan perhimpunan yang dibenarkan apabila pihak pengawal keselamatan kita menganggapkan bahawa perhimpunan itu boleh dikawal dan selamat. Tiga perhimpunan yang tidak diganggu oleh polis dan yang akhir sekali seperti yang telah diterangkan ialah penyerahan memorandum mengenai wang ihsan di Kementerian Kewangan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Yang Berhormat Kuala Kedah, saya tidak nyampuk tadi. Banyak saya hendak nyampuk. *[Disampuk]* Ha! Ini demokrasi ya. Demokrasi beri kebenaran kepada orang lain untuk bebas. Sila *[Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, nampak Timbalan Menteri bersemangat, bulan puasa ni *slow down*lah sikit. *[Ketawa]* Saya boleh deras dari itu lagi. Saya tadi berkata perkataan yang lembut kepada pihak kerajaan, keselamatan tetapi masa Presiden Parti Semangat 46 dahulu, dia pernah mengeluarkan kenyataan bahawa Malaysia ditadbir secara mafia, itu Presiden Parti 46, masa dia jadi pembangkang. *[Disorak]* Jadi, bolehkah kita tidak menggunakan perkataan-perkataan yang begitu kepada kerajaan kita, macam tadi saya ucap tahniah kepada pasukan polis, hanya saya tuju tindakan 5 November, jadi Yang Berhormat hendak rumuskan kesemua, jadi bila jadi pembangkang kita cakap bahasa yang lain, bila jadi pemerintah lain pula. Jadi, orang nampak ini pemerintah yang tidak berwibawa. *[Tepuk][Ketawa]* Itu minta komen sikitlah.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Waktu kita jadi pembangkang pun ada tahap gila dia tahu! *[Ketawa]* Kita tidak gila macam pembangkang yang ada hari ini. *[Ketawa]* Jadi, dia makan siang malam, lepas pada itu dia tidak berapa syukur dan berterima kasih atas nikmat yang kita berikan pada dia. *[Tepuk]* Jadi, ini yang saya katakan bahawa penilaian terhadap kemudahan demokrasi ini mestilah kita melihat keseluruhannya. Masa kita dapat faedah, kita mesti akur dengan faedah yang kita dapat. *[Disampuk]* Masa kita tidak dapat faedah, kita mesti bilang nikmat yang telah kita terima, jangan nila setitik kita hendak rosakkan seluruh susu sebelangga. Bunuh semua kerbau. Ini tidak boleh.

Menjawab soalan Yang Berhormat, saya bukan tinggi suara ini kerana marah, kerana saya tak makan ini. *[Ketawa]* Jadi, kerana masalah ini saya terpaksa ada kerja lain yang kita kena buat, kena tunggu menjawab cadangan Yang Berhormat ini. Cadangan untuk mengadakan perhimpunan ini adalah cadangan untuk hendak tunjuk kekuatan, hendak tunjuk perhimpunan, hendak tunjuk kuasa. Tujuannya ialah hendak menentang kerja-kerja yang telah dibuat oleh kerajaan dan salah satu lagi menentang keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah. Perkara seperti ini saya dalam membahaskan usul dahulu saya telah mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu telah menyiratkan dalam Dewan ini kita mesti menghormati keputusan rakyat. Rakyat telah buat keputusan di Kelantan, Terengganu, kerajaan negeri mereka pilih PAS, Kerajaan Pusat, Barisan. Jadi, kita kena hormat keputusan ini.

Bahagian keselamatan dikawal oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat mengawal keselamatan bukan kerajaan negeri yang dikuasai oleh pembangkang. Kita juga mengawal keselamatan di Kelantan, kita mengawal keselamatan di Terengganu. Kita mengawal seluruh rakyat, kita mengawal seluruh pemimpin. Polis kita ada 82,000 orang. Tunjuk perasaan dan perhimpunan haram yang diadakan, kita terpaksa menggunakan 800 orang polis. Cuba Kuala Kedah fikir bayaran gaji kepada 800 orang polis untuk mengawal satu kerja yang tak halal. Cuba fikir kegunaan tenaga polis ini untuk membuat kerja sia-sia, sedangkan kita sudah beritahu jangan buat tetapi dia hendak buat juga.

Yang kita paling takut rakyat tempatan telah membuat bantahan kepada pihak polis, dan oleh sebab itu supaya tidak berlaku kekacauan kita mengawal supaya perhimpunan seperti ini tidak dijalankan. Yang kedua, kalau perhimpunan ini berlaku,

kawasan lapang sudah tentu tidak cukup untuk memuatkan lebih daripada 100,000 orang, maka sudah tentu di mana kereta diletak akan mengganggu lalu-lalang di lebuh raya kawasan yang berkenaan. Bagi mengelak kekacauan dan haru-biru ini polis mengawal dan tidak membenarkan keadaan.

Kita tidak boleh kata tindakan polis begini bahawa polis tidak profesional. Polis tangkap orang, gari orang - profesional, kalau sampai keadaan semasa tunjuk perasaan dan terpaksa polis merentap tangan ataupun sebat dengan rotan - profesional [*Ketawa*] walaupun kepada sesiapa tunjuk perasaan. Dalam Kementerian Dalam Negeri ada lagi profesional yang hebat, gantung orang pun ada, itu profesional. Adakah gantung orang ini tidak adil dan tidak demokratik. Ini profesionalisme yang kita jalankan mengikut kuasa-kuasa yang diberi oleh rakyat melalui Dewan ini. Mengapa Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah menghina polis seperti ini, mengapa Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tidak menghormati pengorbanan yang telah polis buat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tak payahlah masa sudah tak cukup.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada 15 minit.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** 15 minit saya hendak jawab. Boleh.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ini masalah tindakan polis dengan secara profesional tadi. Saya hendak tanya sikit, sampai peringkat telanjang perempuan dalam tahanan itu pun profesional jugakah? Laporan Bar Council, bukan saya cakap.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, saya sudah bertanya dahulu, kemungkinan saya tersilap saya tanya Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, saya hairan maknanya saya tidak tahu. Kalau saya tahu saya tak hairan. Saya hairan macam mana Yang Berhormat bagi Kuala Kedah boleh tengok orang telanjang dalam balai polis. Yang Berhormat kata dia tak kata, betul. Dia kata Pokok Sena kata. Saya tanya Pokok Sena. Saya hairan macam mana Pokok Sena boleh tengok perempuan telanjang dalam balai polis. Pokok Sena pun kata dia tak kata, dia dengar orang kata. [*Menyampuk*] Cerita ini dengar orang kata. Polis menjawab ini, 'Pihak polis tidak mendera Norazimah binti Mahmud semasa dalam tahanan. Apatah lagi memaksanya telanjang dan buat ketuk-ketampi.' Ini jawab *Hansard*. Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang boleh mengambil ini sebagai bukti. Ini jawapan daripada pihak polis. Tetapi kalau dengar kata orang, orang boleh kata macam-macam, seperti pernah orang kata kepada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Tetapi yang menentukan baik buruknya apabila keadaan sampai kepada peringkat penentuan yang terakhir. Kalau tidak benar, itu tidak benar, kalau benar itu benar. Tetapi polis mengatakan polis tidak melakukan ini.

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan lagi kepada dia?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Boleh.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Dalam bulan puasa nada suara perlahan baguslah. Sekarang pihak SUHAKAM akan buat siasatan. Kalau pihak SUHAKAM mendapati bahawa ada kejadian bahawa orang yang ditelanjangkan oleh Inspektor Mayang, apakah pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan kepada pihak yang melakukan bila pihak SUHAKAM buat siasatan nanti.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Yang Berhormat jangan menyesal ya. Kalau pihak SUHAKAM ada bukti, pihak SUHAKAM boleh mengambil tindakan. Tetapi kalau pihak SUHAKAM dan Norazimah juga tidak ada bukti menceritakan, kerajaan akan mengambil tindakan kepada mereka ini. Kita tidak tolak ansur dalam masalah ini bagi menentukan kebenaran. Jangan besok bila kerajaan mengambil tindakan, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang mengatakan kerajaan salah mengguna kuasa, memeras, mengugut dan sebagainya. Kita sentiasa terbuka kepada mana-mana

tindakan yang akan diambil oleh rakyat kepada kita dengan menggunakan kuasa yang diberikan oleh rakyat kepada kita, kita akan mengambil tindakan terhadap rakyat yang melakukan kesalahan.

Tuan Pengerusi, dalam masalah hendak tunjuk perasaan yang lebih daripada 100,000 hendak ambil kuasa keseluruhan sebagai hasrat reformasi, kalau tidak berjaya mungkin mereka akan tingkatkan kepada 200,000 kepada 500,000 kepada 1 juta orang. Apabila perhimpunan sampai kepada peringkat 1 juta kerana tuntutan 100,000 ini tidak berjaya, kita tak ada lagi tenaga polis untuk kita buat kawalan ini. Kerana 1 juta orang boleh menggugat keseluruhan ketenangan rakyat di kawasan yang berkenaan, sudah tentu pada ketika itu kita terpaksa meminta kekuatan daripada tentera laut, darat dan udara. Maka mereka akan menuduh bahawa kita akan menggunakan kuasa askar bagi memerintah negara pada masa itu.

Untuk mengelak daripada tuduhan-tuduhan yang sumbang ini kita mengambil tindakan yang lebih awal. Janganlah terdapat 22 orang yang luka dan sebagainya mereka mengatakan polis mengambil tindakan. Tetapi Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tidak menerangkan kepada umum bahawa terdapat seorang pegawai polis yang telah diketuk dengan topi keleder dan terpaksa jahit lima jahitan di kepalanya. Polis yang hendak menjalankan kawalan keselamatan diseksa, dimaki, dilempar dengan pelbagai tuduhan. Sepatutnya mengikut seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong supaya kita mengambil tindakan. Sehingga hari ini polis sedang menyiasat keseluruhannya.

Keadaan kita adalah terbuka dan kita sangat suka di mana kesenangan kepada rakyat, ketenangan kepada seluruh negara ini pihak polis akan sentiasa memberi kerjasama. Tetapi mana-mana yang akan menggugat keamanan rakyat keseluruhannya kita akan mengawal dengan sempurna.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila, Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya begitu bimbang dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita jawab secara umum sahaja, satu hari kita boleh kata polis terpaksa tembak oleh kerana ketenteraman. Jangan kita cakap secara umum. Ini hal spesifik. Apa yang telah dibawa oleh Kuala Kedah, kecuali Yang Berhormat Timbalan Menteri sanggup menafikan wujudnya semua itu, kalau tidak saya faham ialah wujudnya, dengan izin, *unprovoked, unnecessary and excessive violence*. Inilah perkara pokok. Apakah jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap tuduhan bahawa wujudnya berlaku *unprovoked, unnecessary and excessive violence*.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, saya terima kasih atas soalan ini. Shah Alam telah menerangkan tadi bahawa apalah lecehnya polis ini, terpaksa menunggu lima jam untuk mengambil tindakan menyuraikan mereka. Tidakkah lima jam ini merupakan satu kesabaran yang telah ditunjukkan oleh polis. Satu profesionalisme yang ditunjuk oleh polis. Paling tinggi lima jam untuk menyuraikan ini, dan akhirnya terpaksa menyeru supaya menyurai kerana keadaan lalu-lalang telah tergugat, lalu lintas tergugat, orang ramai tergugat, maka polis terpaksa memberitahu supaya puak ini bersurai. Oleh sebab mereka enggan, mereka menentang seruan polis ini, maka barulah polis mengambil tindakan-tindakan mengikut kuasa yang ada kepada mereka.

**Tuan Pengerusi:** Sila Pendang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin menjelaskan bahawa sewaktu polis membelasah dan bertindak keras itu ialah ketika orang ramai telah mula hendak bersurai. Orang ramai tidak bantah.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Hangpa diamlah hangpa tak tengok.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat. Sila Pandang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Peristiwa kekerasan itu dilakukan di sekitar jam selepas 6.00 petang, iaitu ketika orang ramai telah mulai hendak bersurai. Kenapa kalau polis boleh bersabar lima jam, kenapa tidak boleh bersabar lagi kurang setengah jam untuk orang ramai bersurai. *[Menyampuk]* Saya ingin mendapat penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung Yang Berhormat ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya gulung sudah banyak, hendak gulung lagi sahaja. Bagi Ketua Pembangkang, bukan polis tidak boleh sabar sebab malam sudah dekat, Maghrib sudah hendak tiba, Asar sudah hendak habis. Polis yang duduk di situ pun bukan tak hendak sembahyang. Tetapi kalau keadaan ini dibiarkan polis terpaksa menjaga, Asar ke mana, Maghrib ke mana. Keadaan perhimpunan tidak menentu. Yang berhimpun ini tak memikirkah perkara ini. Oleh sebab itu, dia menunggu supaya jangan sampai kepada peringkat malam dan sampai kepada peringkat Maghrib. Yang berhimpun tak sembahyang Maghrib, yang menjaga tak sembahyang Maghrib. Jadi, oleh sebab itu, tindakan ini terpaksa diambil supaya menentukan penyuraian ini berjalan sebelum keadaan masa menjadi gelap

Tidak semua yang tidak mengikut, ada yang mengikut, tetapi sebahagian kecil yang tidak mengikut. Di antara yang tidak mengikut 22 orang sahaja yang terlibat sangat yang tunjukkan keangkuhannya. Oleh sebab itu, kalau kita melihat bahawa perkara ini tidak sepatutnya cadangan untuk memotong gaji Menteri Dalam Negeri sebanyak RM10.00 pada hal dalam masa yang sama Kepong dan lain-lain sangat menghormati kehendak dan tujuan polis ini. Maka saya adalah berfikir usul yang telah dibawa pada hari ini bukanlah hendak menunjukkan sayang kepada demokrasi dan keamanan, tetapi sebenarnya benci kepada demokrasi dan keamanan yang ada. *[Tepuk]*

Usul yang telah dibawa ini bukan hendak menunjuk sayang dan kasih di atas pengorbanan kepada polis, tetapi adalah semangat benci dan meluat kepada polis yang menjalankan tugas. Oleh sebab itu, kita mesti mengambil keputusan siapa-siapa yang menentang kepada usul ini adalah orang-orang yang sayang kepada demokrasi dan mengawal keamanan dalam negara ini dengan kuasa yang ada pada polis dan orang-orang yang menyokong kepada usul ini adalah orang-orang yang benci kepada polis yang ada dalam negara kita. Kita tolak usul ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat ..

**Tuan Mohamad bin Sabu:** ....*[bercakap tanpa mikrofon]*

**Tuan Pengerusi:** Cukup, cukuplah, cukuplah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Menyampuk] [mikrofon dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kuala Kedah ....

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Langgar etika bulan puasa ini. *[Disampuk]* Siapa anti polis? Depa hendak tinggal kes begitu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kuala Kedah

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kuala Kedah cukuplah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Hendak jelaskan ini satu konspirasi jahat. Saya guna bahasa yang cukup berhati-hati tadi semasa bentang usul....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tetapi Timbalan Menteri kutuk...*[Dewan riuh]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ya, tarik balik.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Cakap macam ini tidak baik. *[Menyampuk][mikrofon dimatikan]* Kita bukan anti polis saya kawan baik semua dengan polis.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, cukuplah.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang memohon supaya dikurangkan gaji Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sebanyak RM10.00 seperti yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu yang diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tuan Pengerusi** Ahli-ahli Yang Berhormat cukuplah kot ya. *[Ketawa]* Saya rasa itulah demokrasi. *[Ketawa]* Kawan ini boleh kata kawan itu kawan, itu boleh kata kepada kawan ini sekadarnya jangan terlanggar menjadi sebagai *liable* atau *defamation* itu pun ada dia punya *limitnya* ataupun batasnya. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan B.35 sehingga B.41 dan Kepala Pembangunan P.35 sehingga P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri dibuka semula untuk dibahas. Ya, Batang Lupar.

3.18 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** *[Membuka beg sambil mencari-cari sesuatu]*

**Tuan Pengerusi:** Dia baru bawa keluar ucapan daripada beg dia ya. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin cakap sedikit di bawah Kementerian ..., buku pun tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia tidak..

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Di bawah pentadbiran keselamatan, Butiran 010000.

Tuan Pengerusi jadi oleh kerana saya membincangkan berhubung dengan keselamatan ini ingin menyentuh sedikit berhubung apa yang telah kita sebutkan tadi dalam Dewan ini. Tuan Pengerusi, negara kita Malaysia telah meluluskan satu perlembagaan yang digubal oleh pihak pemikir Barat yang kita terima pada tahun 1957. Perlembagaan kita adalah dianggap secara keseluruhannya Perlembagaan Tanah Melayu pada ketika itu adalah selaras dan secocok dengan pendapat dan pemikiran perundangan bijak pandai undang-undang yang unggul pada zaman itu. Dan perlembagaan ini juga ada *embodiment* dengan izin, *of the rules of law*.

Di bawah perlembagaan inilah letaknya kebebasan semua warganegara Malaysia telah diberi. Dan perlembagaan ini telah kita gunakan juga sebagai Perlembagaan Malaysia apabila Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963. Dalam artikel 10 Tuan Pengerusi, ingin saya sebutkan warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran, berhak berhimpun secara aman dengan tidak bersenjata, berhak menubuh pertubuhan. Dan semua hak ini bukanlah mutlak ataupun *absolute* kerana Perlembagaan Malaysia lebih menghargai keselamatan negara, ketenteraman awam dan masyarakat keseluruhannya daripada kepentingan individu atau sekumpulan individu terutamanya yang mempunyai niat jahat atau berfikiran yang boleh mengganggu ketenteraman awam atau mewujudkan huru-hara di negara ini. Batasan yang disemadikan dalam perlembagaan ini bukan sahaja sejajar dengan pandangan-pandangan pemimpin dan bijak pandai yang merangka perlembagaan pada tahun 1957

yang diterima pakai pada 1963, juga sejajar dengan pemikiran manusia yang waras dan siuman bahkan oleh pemegang tidak boleh dicapai dalam sekelip mata. Lagipun negara manakah cara pentadbiran ataupun amalan yang boleh dikatakan idealisme ataupun *utopia*.

Lihatlah negara Amerika. Saya ingin menyentuh apa yang Yang Berhormat bagi Kepong sebutkan tadi. Kalau kita lihat negara Amerika sekarang, Perlembagaan Amerika Syarikat dengan *all man are created equal* yang dilaungkan oleh Jefferson 300 tahun dahulu, hampir 300 tahun selepas itu barulah undang-undang Civil Right Acts 1964 Amerika diluluskan. Memberi kebebasan individu dalam erti kata sebenar kita lihat sekarang ini. Presiden Lyndon Johnson menggubalkan satu dasar "*the great society*" yang hingga sekarang belum tercapai maksudnya. Pada hematnya dasar ini telah terkubur apabila Johnson meninggalkan White House pada tahun 1968. Orang kulit warna masih dipandang rendah dan didiskriminasikan di merata peringkat dalam kerajaan dan agensi-agensinya. Orang Kulit Hitam sekarang menjadi tersisih dan terbiar di pusat bandar.

Sejarah England lebih lama lagi Tuan Pengerusi. Pada tahun 1215 Magna Charta telah diluluskan tetapi lihatlah apa yang berlaku sekarang. Saya mempunyai buku di hadapan saya ini menunjukkan demokrasi dan *human right* di England. Mengatakan, apakah rintangan-rintangan *human right* di England. Kalau saya hendak baca 10 minit tentu tidak cukup Tuan Pengerusi. Agama, kalau kita lihat di England ke pertengahan 1980-an selain daripada agama Kristian adalah dianggap sebagai budaya, bukan agama. Ekoran daripada itu berbangkitlah persoalan pengecualian *tax rebate* kepada kedua-dua penderma dan penerima. Undang-undang yang dianggap adil adalah fakta yang mencetus ketiadaan keadilan di negara tersebut. Masih ada murid-murid Islam disingkir daripada sekolah kerana agama dan memakai tudung.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat baca di bawah butiran apa itu?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini keselamatan Tuan Pengerusi oleh kerana semua berhubung dengan keselamatan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat itu layak di bawah dasar Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Erti pengiktirafan kepada kebebasan adalah berbeza-beza. Barat adalah baratnya, Timur ala timurnya. Masyarakat Islam ala keislamannya. Tetapi keseluruhannya Tuan Pengerusi tiada siapa pun boleh memastikan, apakah idealisme itu boleh diikut dalam masyarakat kita sekarang. Di dalam masyarakat majmuk undang-undang mestilah diwujudkan untuk menyelaraskan kehendak pelbagai kaum. Ini adalah amat penting kerana dalam konsep demokrasi tidak siapa orang dianggap tahu batasan, parameter dan bidang lingkup kebebasan. Tetapi di dalam masyarakat kita masih ada pemain politik hasut-menghasut yang tidak kenal atau tidak mahu kenal batasan parameter dan bidang lingkup ini. Kemenangan politik adalah segala-galanya. Secara peribadi mereka telah menolak batasan parameter secara terus terang. Fitnah-memfitnah, maki-memaki hamun seperti demonstrasi kononnya atas nama kebebasan dan demokrasi. Lord Danning pernah berkata, *if there is right, there is remedy*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *One must know when one right and begins and end when the others begins.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat minta Yang Berhormat pastikan yang butiran ...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya berharap Tuan Pengerusi dalam persoalan pemberian lesen kepada pihak yang memohon di bawah tujuan permintaan lesen untuk mereka berhimpun adalah haram iaitu untuk mengubah keputusan mahkamah yang telah dibuat oleh mahkamah negara ini.

Jadi, pertama, keputusan polis adalah yang betul kerana tidak memberi lesen untuk perhimpunan haram. Selepas itu, perhimpunan haram yang diadakan adalah kedua kali. Apabila polis meminta mereka bersurai, ketiga kali mereka telah mengadakan perhimpunan haram. Jadi, lesen dibagi berlandaskan yang betul tetapi mereka hendak mengadakan perhimpunan adalah berlandaskan tujuan yang haram.

Jadi, dengan keadaan sedemikian, saya memang tidak bersetuju betul dengan permintaan pihak pembangkang mengadakan perhimpunan sedemikian di bawah pentadbiran keselamatan, 010010 ini.

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya akan menggulung. Walau bagaimanapun, saya memuji pihak polis boleh bertahan selama lima jam, tidak mengambil tindakan apa-apa. Walaupun mereka juga manusia biasa, dimaki, dihamun, tahu juga merasa sedih dan pilu. Polis juga tahu, Tuan Pengerusi. Saya mempunyai buku di sini yang menunjukkan apa masalah polis apabila dimaki hamun dan berhadapan dengan orang yang garang dan ganas. Kalau perangai Yang Berhormat di sini yang mengangkat sumpah mempertahankan Perlembagaan tetapi tidak mempertahankan Perlembagaan sebenarnya, bahkan sumpah yang diangkat oleh Yang Berhormat di Dewan ini pun tidak menjadi apa-apa makna kepada semua masyarakat.

Dengan keadaan sedemikian, Tuan Pengerusi, saya mohonlah kepada Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, janganlah bersumpah di Dewan dan menyumpah Dewan apabila keluar dari Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka.

3.27 ptg.

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Bekalan B.35, Butiran 020000 – Pengurusan Keselamatan dan berkenaan dengan Kawalan Penerbitan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada satu berita yang telah dilaporkan oleh *Malaysia Kini* yang bertarikh 17 November tahun ini di mana *Malaysia Kini* melaporkan Kementerian Dalam Negeri telah memberi amaran kepada dua akhbar Cina. Dengan izin, saya baca di sini, "*A Chinese language daily newspaper, The China Press, has been issued a show cause letter and two warning letters by the Home Affairs Ministry in the last three weeks for reporting on controversial issues specifically the Vision School and the long dormat education fund.*"

Saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab, berikan apakah sebabnya, adakah benar sama ada kerajaan telah mengeluarkan *show cause letter* dan surat amaran dan apakah sebabnya isu Vision School tidak boleh dilaporkan oleh akhbar dan juga apakah sebabnya educational fund iaitu Tabung Chang Ming Thien yang telah begitu memalukan MCA yang tidak menjadikan satu isu perkauman, bukan satu isu yang sensitif dan bukan satu isu keselamatan, tidak boleh dilaporkan oleh akhbar Cina.

Dalam perenggan yang lain, saya baca dengan izin, "*Another Chinese language daily newspaper, the Nanyang Siang Pau has received an oral warning from the official in the Home Affairs Ministry Publication Control Unit.*" The *Nanyang Siang Pau* juga telah diberikan amaran dan mengikut laporan, "*In the case of Nanyang Siang Pau, a telephone call from the Secretary of Deputy Home Affairs Minister, Chor Chee Heung was received advising not to highlight the Chang Ming Thien Education Fund.*"

Ini adalah satu perkara mustahak yang saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan. Apabila, kalau benar, Setiausaha Yang Berhormat Timbalan Menteri memanggil editor-editor surat khabar Cina, adakah ini dengan restu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri? Saya pernah minta penjelasan

daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri apabila saya ada di luar lobi dan beliau kata beliau akan siasat. Ini adalah satu perkara yang tidak harus berlaku di Malaysia dan kita tahu semenjak Yang Berhormat bagi Pontian menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, beliau sentiasa mempelawa editor-editor akhbar Cina untuk minum kopi dan beliau memberikan nasihat.

Apa yang saya tahu ialah bahawa apabila pengarah-pengarah akhbar Cina dipanggil, mereka tidak tahu sama ada adakah ini arahan rasmi atau bukan daripada Kerajaan Barisan Nasional dan ia adalah satu perkara yang saya harap kerajaan sendiri hendaklah membetulkan. Kalau betul daripada kerajaan, surat rasmi hendaklah dikeluarkan dan sebab yang kukuh hendaklah diberikan. Kita tidak boleh membiarkan dan membenarkan perkara sedemikian di mana, kalau benar, seorang Setiausaha kepada Timbalan Menteri iaitu yang ada di sini, Chor Chee Heung, menelefon surat khabar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya tahu sejak saya mendedahkan masalah JE Fund yang begitu memalukan MCA sendiri walaupun MCA tahu orang-orang yang minta bantuan daripada saya ialah majoritinya ahli-ahli MCA, tiba-tiba selepas tiga empat hari *Kwang Ming [sambil menunjukkan senaskhah akhbar Cina]* melaporkan dengan besarnya berita ini, tiba-tiba langsung satu berita tidak boleh dijumpai lagi. Rakyat semua tahu memang ada satu benda yang telah berlaku.

Walaupun di Malaysia tidak ada orang yang berani tampil ke hadapan, tetapi rakyat akan tahu. Kalau satu isu atau topik begitu panas telah dilaporkan dengan begitu luasnya berturut-turut empat hari dan kemudian tiba-tiba ia hilang, maka rakyat tahu ada satu yang tidak betul telah berlaku.

Itu satu perkara di mana kredibiliti kerajaan telah jatuh. Itu juga adalah salah satu sebabnya yang mustahak mengapa sentimen *skepticism* atau *cynicism* telah wujud dalam Malaysia. Tetapi yang mustahak sekali, Tuan Pengerusi, ialah di mana bolehnya sebuah parti kalau untuk menjaga kepentingan sendiri, menyalahgunakan kuasanya untuk menghalang akhbar membuat laporan yang mereka harus laporkan. Tadi ada orang mengatakan bahawa di Malaysia kebebasan memang wujud dan *there is freedom of speech in this country*. Itu cuma ayat bahagian pertama. Ayat yang kedua ialah *there is no freedom after speech*. Cuma masa belum sampai. Itu semua orang tahu.

Saya tidak akan berucap banyak tetapi ini adalah satu perkara yang mustahak dan saya minta supaya hari ini, kerajaan bagi satu jawapan yang jelas sekali, ada atau tidak mereka telah diberikan amaran? Kalau tidak, kita harus nampak, akhbar Cina esok bebas melaporkan isu Tabung Pendidikan Chang Ming Thien yang telah tidak berfungsi 20 tahun. Ini satu perkara yang begitu memalukan MCA tetapi ia pun tidak boleh dijadikan sebab apakah kerajaan hendak menutup perkara ini dengan melalui amaran kepada pengarang? Dan sekiranya kerajaan tidak boleh memberikan satu jawapan yang baik, mengapa *Kwang Ming* tidak boleh melaporkan lagi isu Tabung JE yang telah saya dedahkan, maka saya akan mendapat satu kesimpulan memang wujudnya tekanan yang tidak rasmi atau rasmi.

Jadi, saya harap bahawa hari ini, kita akan dapat satu kebenaran supaya apabila panggilan rasmi atau tidak rasmi itu sampai kepada editor-editor akhbar Cina, mereka akan tahu sama ada ini adalah dengan restu atau ini adalah amaran yang rasmi daripada kerajaan. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Parit Sulong.

**3.34 ptg.**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.38, 010200 – Penyelarasan Pendaftaran di bawah Jabatan Pendaftaran Negara.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, khususnya kepada Dato' Timbalan Menteri, mengenai penubuhan apa yang dipanggil sebagai BA atau Barisan Alternatif yang dikatakan terdiri daripada PAS, KeADILan, DAP dan Parti Rakyat Malaysia.

Sudahkah pakatan politik yang dipanggil BA atau Barisan Alternatif ini didaftarkan dengan Kementerian Dalam Negeri? Kalau sudah, bilakah pakatan ini didaftarkan? Siapa Presidennya? Siapa Timbalan, siapa Bendahari dan siapa ahli-ahli jawatankuasanya? Adakah pakatan ini telah memiliki satu simbol bersama untuk diketengahkan dalam mana-mana pilihan raya?

Kalau tidak, apakah pihak kementerian akan mengambil tindakan ke atas pakatan yang selama ini rakyat ditipu kerana pihak BA mendakwa mereka adalah satu barisan sah.

Di Lunas, mana kita nampak simbol Barisan Alternatif? Malahan hendak meletakkan satu calon pun, kita tahu perbalahannya telah pun diketahui oleh umum. Perkara yang berlaku hendak ditutup pun sudah tidak boleh. Parti Yang Berhormat bagi Seputeh, sekejap *in*, sekejap *out*, sekejap *in* balik. Mereka mahu bersama dengan Barisan Alternatif, selepas itu keluar.

Jadi, Datuk Timbalan Menteri berilah penjelasan. Ketua Pembangkang bangun mempertahankan tindakan haram, tetapi bila saya tanya dua tiga kali, Ketua Pembangkang dia tidak berani jawab. Langsung dia elak soalan saya. Jadi saya hendak minta kepastian mengenai BA. Kalau sudah, beritahu bila. Kalau belum, apa yang hendak dibuat. Kalau sudah, apa lambangnya. Kalau belum bermakna adakah rakyat sekarang ini mahu ditipu oleh BA ataupun kita mahu mendesak BA mendaftarkan diri dan sebagainya.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, yang ingin saya tanya dan dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kinabatangan.

**3.38 ptg.**

**Tuan Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta untuk membahaskan dalam P.35 dan P.40 dan B.35 iaitu 00300 Rawatan dan Pemulihan Dadah, 020500 Agensi Dadah Kebangsaan dan 050000 Pencegahan Dadah.

Tuan Pengerusi, masalah dadah seperti yang telah kita maklum dalam masalah yang berlarutan yang memerlukan program membanteras yang malar. Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) berjaya mengesan sebanyak 35,359 penagih dadah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 17,919 adalah penagih dadah baru. 17,444 penagih berulang iaitu dipulihkan tetapi dia menagih balik. Apa yang lebih membimbangkan saya adalah secara purata, 2,947 dilaporkan setiap bulan. Pantai Timur Negeri Sabah juga tidak ketinggalan menghadapi masalah dadah yang pada hemat saya menuntut kekangan yang segera oleh kerajaan.

Mengikut statistik Agensi Dadah Kebangsaan, negeri Sabah mencatatkan peratusan peningkatan penagih paling tinggi iaitu 45.2% daripada 1,225 pada tahun 1998 kepada 1,779 sehingga pada awal tahun 2000 ini. Ini adalah satu angka yang amat tinggi dan amat membimbangkan. Mungkin masih belum ramai yang mengetahui bahawa Sabah merupakan laluan utama kemasukan dadah jenis Syabu dan secara tidak langsung penagih dadah Syabu menjadi berleluasa dan tidak terkawal. Menurut Agensi Dadah Kebangsaan, dari jumlah penagih yang dilaporkan sejumlah 3.91% menagih dadah jenis Syabu dan saya percaya Sabah mempunyai jumlah yang tertinggi

penagihan dadah jenis Syabu ini. Yang mendukacitakan, penagih-penagih ini bukan sahaja dari golongan anak-anak sekolah dan rakyat yang terdiri daripada peringkat umur dan terdapat juga daripada kakitangan kerajaan itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, saya berharap pihak berwajib memberi penumpuan yang serius terhadap masalah dadah Syabu ini kerana ianya telah mula menular di kalangan pelajar-pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah.

Tuan Pengerusi, memandangkan Sabah menjadi laluan utama kemasukan dadah jenis ini yang dipercayai dari negara jiran, Filipina, pengawalan persekitaran perlu ditambah dan diperhebatkan. Saya tidak menafikan bahawa pihak kerajaan telah pun mengambil tindakan dan langkah-langkah yang wajar dalam memerangi gejala dadah termasuklah menguatkuasakan undang-undang, motivasi masyarakat dan sebagainya. Tetapi memandangkan gejala ini masih berkembang, aktiviti pembanterasannya perlu diperhebat dan diperluaskan. Dalam menangani masalah penyeludupan, pengedaran dan penagihan dadah Syabu di Sabah ini, saya mencadangkan supaya pihak berkuasa memperketatkan kawalan dengan mengenal pasti laluan kemasukan dadah ini. Saya percaya, pesisiran pantai Sabah terlalu luas dan terdedah kepada penyeludupan.

Selain itu, ketelusan para pegawai yang diamanahkan perlu diwujudkan kerana sering berlaku apabila tangkapan dibuat. Jumlah sebenar yang diperolehi tidak direkodkan dengan betul dan diselewengkan. Akhirnya, dadah yang ditangkap tadi masih berada di pasaran. Sehubungan dengan itu, saya berharap pihak pegawai yang bertanggungjawab berkhidmat dengan ikhlas dan jujur dan ini memerlukan gerakan memantapkan rohani para pegawai yang diamanahkan kerana kalau ini tidak kita berhentikan, maka sia-sialah usaha-usaha yang diterapkan oleh kerajaan sekiranya pegawai-pegawai yang diamanahkan untuk mengurus dadah-dadah ini masih terus berleluasa dan dadah itu terus tersebar di pasaran-pasaran terbuka.

Tuan Pengerusi, selain itu saya berharap mengawal penjualan pelbagai jenis ubat yang memudaratkan seperti ubat batuk dilaksanakan. Ini kerana di Sabah, penjualan ubat batuk secara terbuka berlaku. Kebanyakan pasar raya, ubat-ubat ini dipamerkan di rak tanpa dikawal oleh pegawai farmasi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini di bawah Kementerian Dalam Negerikah, Yang Berhormat? Ubat batuk ini rasa saya....

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Pengawalan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kesihatan, kalau tidak silap saya.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Saya rumus sekalilah. Siapa sahaja boleh membeli ubat batuk tanpa konsultan dari pegawai farmasi. Ini menyebabkan gejala penyalahgunaan ubat batuk berleluasa. Masalah pemulihan dadah di Sabah menjadi bertambah kritikal kerana walaupun peningkatan terhadap penagihan berlaku, negeri Sabah tidak mempunyai pusat pemulihan yang mencukupi untuk menampung para penagih yang diberkas. Buat masa ini cuma ada sebuah pusat pemulihan dadah iaitu di Kota Kinabalu dan di seluruh negara, 27 buah. Bayangkanlah jumlah pusat serenti seumpama ini untuk menampung dengan peningkatan penagih-penagih dadah dari bulan ke bulan dan tahun ke tahun, maka ini memerlukan komitmen daripada kementerian dan kerajaan, kalau boleh untuk mewujudkan pusat-pusat serenti untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini agar dapat kembali ke jalan yang sebenarnya.

Adalah mustahil pusat ini mampu melaksanakan tugasnya. Apa yang lebih mendukacitakan ialah kegagalan pusat ini menampung jumlah penagih menyebabkan penagih yang baru ditangkap hanya dimasukkan dalam lokap dan penjara. Ini menggagalkan matlamat pemulihan kerana lokap dan penjara tidak menyediakan program pemulihan dadah. Sehubungan dengan itu, saya memohon supaya lebih

banyak pemuliharaan dibina di Sabah dalam usaha menangani masalah ketagihan dadah. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Tumpat.

3.44 ptg.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut menyertai perbahasan mengenai Kementerian Dalam Negeri khususnya merujuk secara ringkas kepada tiga perkara Maksud B.35, B.36 dan B.38.

Pertamanya berkaitan dengan B.35 saya ingin menyentuh Butiran 020300 Kawalan Penerbitan. Sekali lagi saya ingin mengulangi apa yang saya sebut beberapa kali menyeru kepada pihak Kementerian Dalam Negeri supaya mempunyai sikap yang terbuka dan sikap yang menggalakkan pewujudan demokrasi yang terbaik untuk negara kita yang mana satu daripada tugas kementerian ini ialah seboleh-bolehnya meluluskan penerbitan oleh penerbit-penerbit dalam negara ini.

Satu janji yang khusus yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri apabila menghalang akhbar *Harakah* yang diterbitkan dua kali se minggu dijadikan hanya dua kali sebulan. Satu janji yang dibuat oleh Yang Berhormat menteri ketika itu ialah dengan mengatakan semua parti-parti politik akan dibenarkan mengeluarkan akhbar hanya terbitannya dua kali sebulan kerana itulah yang dibuat oleh parti UMNO. Tetapi yang menyedihkan saya, walaupun akhbar *Harakah* disekat kekerapan penerbitannya dan walaupun janji dibuat untuk membenarkan parti-parti politik menerbitkan akhbar dan majalah mereka masing-masing tetapi sehingga ke hari ini janji tersebut tidak ditunaikan.

Saya merujuk khusus kepada permohonan oleh Parti KeADILan Nasional dan juga Parti Rakyat Malaysia yang memohon untuk menerbitkan akhbar mereka masing-masing, sehingga ke hari ini kebenaran daripada pihak Kementerian Dalam Negeri belum lagi dikeluarkan. Saya ada membawa bersama saya jawapan kepada soalan saya berkaitan dengan penerbitan dan kebenaran. Jawapannya ialah bahawa permohonan daripada parti KeADILan Nasional untuk mendapatkan permit penerbitan bagi menerbitkan Berita KeADILan masih di dalam pertimbangan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian ini memerlukan beberapa maklumat tambahan daripada parti KeADILan Nasional sebelum permohonan tersebut dapat dipertimbangkan. Saya tidak tahu apa yang diperlukan tetapi saya fikir amat ganjil bahawa maklumat-maklumat yang diperlukan ini tidak dapat diperolehi, sama ada dalam kes Parti KeADILan Nasional ataupun juga dalam kes Parti Rakyat Malaysia.

Jadi saya ingin menyeru sekali lagi kepada pihak kementerian supaya melaksanakan apa yang dijanjikan oleh Yang Berhormat menteri, walaupun tidak memenuhi apa yang kita pohon, supaya kekerapan akhbar ini adalah tertakluk kepada kehendak parti masing-masing dan juga kehendak pembeli, pembaca tetapi pada dalam keadaan yang terhad itu pun nampaknya kementerian masih belum dapat menunaikannya.

Keduanya berkaitan dengan Maksud B.36 Polis Diraja Malaysia. Saya ingin menyentuh secara khusus kepada P.36, Butiran 02600 - Alat Bantuan Teknik.

Kita dengar tadi bahawa pihak polis seperti manusia walaupun profesional tetapi kadang kala apabila mendapat teguran ataupun hasutan daripada orang-orang yang berhimpun atau penunjuk-penunjuk perasaan, mungkin polis akan bertindak ganas terhadap orang-orang ini. Saya ingin menegaskan bahawa jika polis benar-benar profesional, saya yakin mereka tidak akan tertakluk ataupun terpengaruh dengan sesiapa sekali pun yang berhimpun. Salah satu alat yang digunakan oleh pihak polis untuk mengawal rakyat ataupun perhimpunan dengan izin *crowd control equipment* ialah menggunakan kuda. Kuda ini saya lihat dalam satu berita dan laporan dilatih sedemikian rupa dengan berbagai-bagai bunyi bising, laungan dan sebagainya dalam latihan untuk kuda ini, sehinggakan kuda itu akan sentiasa berjalan dan bergerak secara tenang walau apa yang berlaku. Walau bunyi senapang, bunyi

bom meletup di sebelah, kalau kuda polis dapat dilatih sedemikian rupa, saya yakin manusia yang menjadi anggota polis boleh dilatih untuk menjadi begitu. Jadi jika ada kekerasan di pihak polis ianya mesti datang daripada arahan pemimpin-pemimpin politik.

Jadi pemimpin-pemimpin politik tidak boleh melepaskan tanggungjawab kita ini dan memang tidak tepat sekali apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam bahawa polis bertindak mengikut mereka dan menteri tidak bertanggungjawab. Saya ingin mengingatkan beliau bahawa dalam kita berdemokrasi, berparlimen ini ada konsep dengan izin *ministerial responsibility*. Sebab itulah kita membincangkan Kementerian Dalam Negeri termasuk polis.

Dalam pada itu seperti juga sahabat-sahabat saya yang lain, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada polis kerana pada 25 November yang lalu dapat menunjukkan bahawa jika tidak ada hasutan daripada pihak kerajaan, mereka akan dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan dapat mewujudkan dan membenarkan rakyat bersuara dan berhimpun secara aman tanpa apa-apa kekerasan dan pertumpahan darah.

Ketiganya berkaitan dengan Butiran 02600 – Alat Bantuan Teknik. Saya juga ingin memohon jika pihak polis dapat membantu pihak kesihatan dalam usaha pihak kesihatan kadang kala untuk mengubati mangsa-mangsa polis ini yang terkena gas ataupun air kimia polis. Saya dapati dalam perhimpunan 5 November yang lalu ada mangsa-mangsa keganasan polis ini mata mereka hampir buta dan mereka terpaksa menghadapi beberapa masalah kesihatan, kerana terkena semburan air kimia dan juga gas pemedih mata itu.

Pihak kesihatan saya dimaklumkan, ada meminta kepada pihak polis untuk mengetahui ramuan apa yang ada dalam air gas pemedih mata, air kimia ini dan saya berharap pihak polis akan dapat memaklumkan pihak hospital dan keselamatan, walaupun tidak memberitahu kami supaya pihak kesihatan, doktor akan tahu apa ubat, apa *antidote* nya dengan izin, kepada air semburan dan juga gas pemedih mata daripada pihak polis ini.

Maksud B.38 – Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, khususnya di bawah Butiran 010100 - Pentadbiran Am.

Saya membaca dalam laporan Belanjawan Persekutuan 2001 ini bahawa tugas penting Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ialah untuk mengawasi pertubuhan-pertubuhan supaya bergerak mengikut ciri-ciri moral, ciri-ciri artikel, ciri-ciri demokrasi dalam negara kita ini. Sebagaimana yang kita tahu, saya rasa satu daripada ciri penting pertubuhan NGO dan sebagainya dan parti-parti politik ialah mempunyai pemilihan pimpinannya mengikut masa yang tertentu. Saya dapati bahawa amalan biasa iaitu pemilihan pimpinan dijalankan dalam masa tiga tahun paling lama, adalah sesuatu yang baik. Tetapi akhir-akhir ini nampak kecenderungan untuk melanjutkan tempoh tiga tahun itu kepada lima tahun, enam tahun, dan mungkin sepuluh tahun dan mungkin seumur hidup akhirnya. Jadi saya ingin menyeru dan mengucapkan syabas kepada sahabat-sahabat saya dalam UMNO kerana dapat mengubah cadangan asal daripada pimpinan tertinggi untuk tidak melanjutkan daripada tiga kepada lima tahun ini.

Saya menganggap bahawa satu daripada tugas penting Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ialah untuk mengawasi supaya semua badan politik, NGO dan sebagainya di bawah kawalan mereka ini berjalan mengikut lunas-lunas demokrasi yang sihat dan salah satu daripadanya ialah mengajar pertubuhan-pertubuhan ini termasuk parti-parti politik dan NGO yang lainnya supaya mengehadkan tempoh pimpinan seperti yang ada daripada tiga tahun sebagai satu daripada had tempoh yang terbaik dan tidak cuba di masa-masa yang akan datang, untuk kepentingan sementara melanjutkan lebih daripada itu.

Saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, saya beri Yang Berhormat bagi Sipitang.

3.53 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, di bawah P.35, Butiran 00600 iaitu Pengkomputeran Kementerian Dalam Negeri.

Saya mengalu-alukan pecahan Kepala ini agar disegerakan sistem pengkomputeran Kementerian Dalam Negeri terutama sekali di Jabatan Polis, yang mana sekarang ini kalau kita pergi ke pejabat-pejabat polis daerah, keadaannya begitu menyedihkan di mana segala fail dan juga dokumen-dokumen penting disimpan sebegitu sahaja. Saya mengetahui perkara ini, misalnya daripada segi lesen senjata api. Lesen senjata api yang ada sekarang adalah satu buku kecil yang begitu menyedihkan. Saya ada membawa lesen ini, kalau saya mahu menunjukkannya pun keadaannya begitu perlu diperbaiki. Saya memohon supaya sistem rekod untuk senjata api ini dikemaskinikan. Perkara yang perlu juga ialah pembaharuan, misalnya lesen dan sebagainya.

Saya rasa mungkin perlu diubah, di mana pada masa ini sistem pembaharuan ini pemohon akan diberi borang yang sama seperti tahun sebelumnya dan diisi. Pemohon itu terpaksa mengisi keseluruhan butir-butir yang ada dalam simpanan pejabat polis secara berulang-ulang. Apakah tidak ada cadangan di Jabatan Polis dalam Kementerian Dalam Negeri supaya untuk pembaharuan lesen itu semak sahaja nama pemohon dan terus dicetak ataupun *diprint* dengan izin. Butir-butir yang ada dalam permohonan itu sudah ada dalam simpanan Kementerian Dalam Negeri dan cuma diperbetul kalau ada penambahan data-data baru. Misalnya perubahan alamat ataupun perubahan harta milik tanah ataupun sebagainya yang perlu dijaga untuk memperbaharui lesen tersebut. Jikalau ada butir-butir baharu, bolehlah butir-butir baharu itu di masukkan untuk *diupdate* dengan izin. Jikalau data-data yang lama itu sudah ketinggalan zaman perlulah dipotong dan dikeluarkan.

Saya selalu mendapat borang. Kita ada alumni di luar negara daripada universiti yang saya belajar dahulu, mereka menghantar *computer print*, dengan izin, dan data-data kita ada di situ dan mereka memberitahu sila *update*, dengan izin, butir-butir yang tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang dan kita tandatangan di bawah mengesahkan bahawa butir-butir itu betul. Kalau ini boleh dibuat, akan menjimatkan masa, menjimatkan kertas dan juga menyenangkan mereka yang mempunyai urusan dengan pejabat-pejabat polis ini.

Tuan Pengerusi, di bawah B.37, Jabatan Imigresen, Butiran 020500 iaitu Pekerja Asing. Kita selalu mendapat jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri, bilangan pekerja asing ini tidak menentu. Sekejap naik, sekejap turun. Saya minta penjelasan kalau boleh berapakah sebenarnya pekerja asing ini yang ada di negara kita sekarang ini dan berapa orangkah yang kerajaan ataupun kementerian luluskan setiap tahun jikalau ada permohonan.

Saya masih mendengar dan berjumpa dengan orang-orang di luar ini yang mana dikatakan, saya ada kelulusan 30,000 orang. Orang ini bercakap saya ada kelulusan 20,000 orang dan sebagainya. Apakah ini kita tidak kawal? Apakah sewenang-wenangnya sahaja kita meluluskan 20,000 untuk orang itu membawa masuk, 20,000 untuk orang ini tanpa pada penghujungnya kita tidak mengkaji semula berapakah pekerja asing ini kita luluskan jumlahnya.

Satu perkara lagi Tuan Pengerusi, yang merunsingkan saya ialah apabila pekerja asing ini diambil secara tahunan tidak pula bilangan itu *tally*, dengan izin, ataupun seimbang dengan bilangan yang ada di negara kita pada masa ini. Misalnya, sepatutnya pekerja asing tahun ini di Sabah, pekerja asing yang diluluskan pada masa ini adalah sekitar 200,000, tetapi yang membuat pemeriksaan kesihatan cuma sekitar 70,000 orang sahaja. Yang didaftar dengan imigresen cuma 70,000 orang sahaja. Ke manakah perginya yang 130,000 orang ini?. Apakah mereka ini telah menjadi

pendatang tanpa izin ataupun telah membuat perniagaan atau bekerja di sini tanpa permit yang sah.

Saya minta kementerian mengkaji perkara ini dan saya minta jawapan daripada Timbalan Menteri supaya perkara ini dapat dibuat. Perkara yang merisaukan kita ialah pekerja asing yang kita ambil ini adalah datang daripada negara miskin iaitu daripada Bangladesh, Indonesia dan Selatan Filipina yang mana negara mereka ini tidak ada infrastruktur khususnya infrastruktur kesihatan. Mereka ini juga kebanyakannya adalah tidak bersekolah dan tidak ada pendidikan dan daripada masyarakat yang berpendapatan rendah. Masalahnya ialah dari segi kesihatan mereka.

Tadi saya tidak sempat bercakap di bawah kesihatan, Tuan Pengerusi, yang mana sekarang ini saya dapat tahu beberapa kes HIV yang positif yang dibuat oleh FOMEMA, pemeriksaan kesihatan oleh FOMEMA positif HIV, tetapi masih berkeliaran dua, tiga bulan lagi di tempat bekerja mereka. Mereka ini tidak dihantar pulang. Bayangkan kalau HIV positif ini bekerja di tempat-tempat pusat hiburan yang ada hubungan sulit dan sebagainya. Setiap hari mereka akan memberi seorang HIV positif, kalau tiga bulan mungkin 90 orang akan mendapat HIV positif. Kalau begitu, jikalau bilangan mereka ini tinggi, maka keadaan ini sukar dikawal.

Begitu juga dengan penyakit yang lain yang disebutkan tadi iaitu, malaria. Saya pernah bertugas di Jabatan Kesihatan Sabah, penyakit malaria di Malaysia ini kebanyakannya adalah daripada pendatang asing. Jikalau kita tidak mengawal pekerja asing ini, tentu sekali keadaan kita akan sukar dibendung dan dikawal.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, apabila mereka telah bekerja di negara kita betulkah mereka ini bekerja seperti permit yang mereka telah ada. Saya mendapat maklumat bahawa pekerja-pekerja asing ini apabila bekerja di kilang, didaftarkan sebagai buruh tetapi kilang-kilang ini telah mengambil mereka sebagai *technician* dan sebagai operator yang berkelayakan tinggi dan levi mereka adalah buruh sedangkan levi untuk pekerja-pekerja lain kategori adalah dengan levi yang lain. Yang pertama, kerajaan telah kerugian dari segi levi dan yang kedua, apabila syarikat-syarikat ini meletakkan mereka di tempat yang tidak sepatutnya, ia akan mengambil peluang anak-anak kita yang berkelulusan misalnya IKM ataupun ITM dan sebagainya, institut-institut yang boleh mereka bekerja di situ.

Jadi, inilah yang merisaukan kita bahawa pendatang tanpa izin ini atau pekerja asing ini menjadi pendatang tanpa izin dan berkeliaran di negara kita tanpa ada kawalan.

Tuan Pengerusi, di bawah ketenteraman awam iaitu polis. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana negara kita ini aman. Kita tidak mahu gejala yang ada di negara kita sekarang ini yang mana ada golongan tertentu yang tidak menghormati polis. Polis telah menjalankan tugas dengan baik. Tanggungjawab mereka adalah menjaga keselamatan awam di negara ini, maka, mereka ada piagam sendiri untuk bertugas secara profesional. Mereka yang tahu menganalisa keadaan dan mengetahui kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku seperti jawapan Timbalan Menteri tadi.

Satu keadaan itu tidak boleh dibendung jikalau ia sudah membesar. Ia harus dibendung daripada awal. Misalnya seperti yang dikatakan tadi iaitu peristiwa Jalan Kebun pada 5 November, 2000 adalah satu keadaan yang perlu diambil tindakan awal. Polis telah membuat keputusan yang betul dan orang awam telah memberi sokongan kepada polis. Apakah melanggar undang-undang itu sebagai satu kebebasan yang lebih telus seperti yang dikatakan oleh rakan saya daripada Kuala Terengganu tadi?

Tuan Pengerusi, pihak pembangkang memang tidak tahu berterima kasih kepada negara ini dan kepada polis. Mereka juga tidak menghargai sistem perundangan yang ada di negara kita. Mereka menghina polis. Sedarkah mereka bahawa polis juga manusia biasa. Semasa pilihan raya yang lalu, di Parlimen Sipitang, Tuan Pengerusi, ini masih keselamatan, terdapat beberapa undi pos terdiri daripada anggota polis yang mengundi calon pembangkang. Saya terima dengan hati yang

terbuka kerana saya tahu ini adalah proses demokrasi. Berapa banyakkah keadaan di mana polis telah bertolak ansur dan berpersi kemanusiaan di negara kita ini?

Kalau mereka anjing kerajaan seperti yang dituduh itu, tentu sahaja akan menggigit semua pembangkang. [Ketawa] Tidak ada ruang untuk pembangkang di negara ini. Berapa banyakkah sudah perhimpunan pembangkang tanpa permit. Berapa banyakkah sudah ceramah pembangkang yang melanggar undang-undang? Pihak polis telah banyak bertolak ansur. Ini sepatutnya kita hargai dan kita berterima kasih kepada mereka.

Pembangkang juga memperkecilkan mahkamah, tetapi bila beberapa perkara telah memihak kepada mereka, mereka tidak memberi komen. Tuan Pengerusi, soal keselamatan negara ini perlulah diawasi. Negara kita telah merdeka 43 tahun. Cara kita merdeka pula adalah cara pilihan raya dan perundingan dalam Kerajaan British. Budaya masyarakat kita tidak pernah mengamalkan cara-cara ganas, tidak bermoral dan berdemonstrasi yang akhirnya mengorbankan banyak jiwa, harta dan menyusahkan rakyat seperti yang berlaku di negara jiran kita Indonesia dan juga Filipina. Cara pembangkang ini cara baru ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Ya, saya gulung.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Yang menjurus ke arah kemusnahan. Tuan Pengerusi, kita mestilah ada toleransi dan rakyat mesti faham, pegawai kerajaan dan orang-orang korporat dan rakyat biasa mestilah faham dan sama-sama bekerjasama untuk menjaga ketenteraman negara kita ini. Dengan itu, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Seputeh.

4.02 ptg.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.35 Butiran 020300 - Kawalan Penerbitan.

Saya ingin membangkitkan perhatian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap sebuah akhbar berbahasa Tionghua yang berkisar pada tajuk renungan diri terhadap agama dan kehidupan yang ditulis oleh seorang penganut Kristian iaitu [*menyebut dalam bahasa Cina*] ataupun 'Tanpa Kira Apa Jua Pun' dalam Bahasa Malaysia yang telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Pengharaman buku tersebut kelihatan dicetuskan oleh ketidakpuasan oleh beberapa tokoh daripada belia Persatuan Buddhist Malaysia terhadap beberapa ayat yang terkandung dalam buku itu. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pun mengharamkan buku tersebut ekoran aduan daripada mereka. Penulis buku ini Encik See Yong Cheong terpaksa meminta maaf ekoran tindakan kerajaan dan publisiti yang begitu kuat diberi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Persatuan Buddhist.

Tuan Pengerusi, kesemua isi kandungan buku tersebut telah pun disiarkan dalam Internet dan ramai orang kini berpeluang untuk membaca buku yang diharamkan ini. Saya memang terkejut selepas membaca buku tersebut dalam Internet kerana isi kandungan buku tersebut memang tidak mencapai tahap sehingga ia harus diharamkan. Buku ini hanyalah merupakan satu buku renungan dan fikiran secara mendalam terhadap kehidupan dan kesedaran terhadap tuhan oleh penulis terhadap agamanya. Beliau memang tidak mempunyai niat dan tujuan untuk menghina agama Buddhist seperti yang didakwa oleh beberapa tokoh dalam Persatuan Belia Buddhist.

Ramai penganut Kristian, penulis dan ahli akademik yang berlainan agama merasa kesal terhadap pengharaman buku tersebut selepas mereka membaca buku ini. Perkara ini juga telah menjadi satu isu yang kuat dibidas oleh golongan intelektual dan

masyarakat Cina. Banyak artikel yang mempertahankan hak penulis untuk menyampaikan buah fikiran agamanya telah pun disiarkan akhbar Cina dan juga di dalam perbincangan pertubuhan bukan kerajaan dan juga gereja Kristian. Mereka merasa kecewa kerana Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan secara terburu-buru tanpa membuat kajian yang menyeluruh terhadap semua aspek dalam buku ini sehingga ia dilihat sebagai satu diskriminasi terhadap penulis yang beragama Kristian tersebut.

Saya juga merasa kesal terhadap sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi cara menyelesaikan masalah dan isu ini di mana beliau malah menolak permohonan daripada penulis buku itu, saya dan juga pemimpin Persatuan Belia Kristian untuk berjumpa dengan beliau untuk membincang buku ini. Penulis buku ini hanya tahu tentang pengharaman bukunya melalui akhbar tetapi bukan daripada apa-apa surat yang dikirim oleh Kementerian Dalam Negeri kepada beliau.

Saya ingin menyeru Yang Berhormat Timbalan Menteri menukar sikap dari segi melaksanakan tugasnya dan mengambil sikap yang musyawarah apabila mengendalikan isu yang begitu sensitif ini. Pengharaman terhadap buku ini telah menubuhkan satu precedent yang buruk dalam sejarah Malaysia dan dalam rekod Kementerian Dalam Negeri di mana ruang untuk menyampai buah fikiran seseorang penulis, kebebasan menyuarakan pandangan melalui tulisan telah pun tergugat. Kalau buku seperti ini boleh diharam oleh pihak kerajaan maka lebih banyak forum, buku dan artikel berkenaan dengan renungan dan perbincangan agama termasuk agama Islam dan agama Buddhist pun boleh diharamkan. Justeru itu, lebih perselisihan di antara agama yang berlainan pun akan muncul dan ini akan menggugat keharmonian masyarakat majmuk kita yang mempunyai agama dan kaum yang berlainan.

Kerajaan juga haruslah faham Barisan Nasional memang mendapat banyak undi daripada penganut Kristian dalam pilihan raya umum yang lepas. Oleh itu, sentimen golongan penganut Kristian terhadap perkara ini haruslah diambil berat oleh kerajaan. Oleh itu, saya berharap kerajaan akan mengkaji semula langkah pengharaman buku ini dan mengadakan satu garis panduan dari segi pengharaman segala jenis penerbitan supaya kebebasan menyuarakan pandangan dan buah fikiran agama yang berlainan dan juga penghormatan terhadap agama yang berlainan dalam masyarakat kita dapat dipertahankan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

4.07 ptg.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengikut serta untuk Maksud B.41 di bawah Butiran 010000 - Jabatan Pertahanan Awam. Sedikit sahaja saya ingin menyentuh tentang pentadbiran dan memberi latihan.

Terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah memberikan kenaikan elaun kepada anggota-anggota sukarelawan daripada 45% hingga 81% tetapi peratusannya sahaja yang tinggi, elaun sebenar RM1.80 sen sejam. Jadi, kalau kita melihatkan matlamat jabatan ini ialah untuk memberi latihan kepada 10% penduduk negara kita, sekarang ini 22 juta bermakna 2.2 juta dan daripada itu 1% hendak jadikan mereka menyertai Jabatan Pertahanan Awam ataupun JPA3. Tetapi persoalannya kenapa masih ramai rakyat Malaysia tidak mahu ikut serta dalam JPA3 sedangkan hasrat mereka adalah murni. Inilah persoalan yang hendak saya bangkitkan dan antara lain saya rasa ialah berkaitan dengan kemudahan pentadbiran dan juga latihan, umpamanya dalam pasukan 991. 991 kita ini berbanding dengan yang "mat salleh" punya 911 itu jauh sangat bezanya.

Saya ambil contoh macam baru-baru ini dalam kunjungan JPA3 ke Kuala Langat didapati unit berkenaan sudah ada mempunyai satu pasukan, satu platun tetapi *Rescue 991*, ambulans pun tidak ada, kenderaan langsung tidak ada, jadi daif keadaannya. Di Hulu Langat alhamdulillah, ada satu ambulans tetapi beacon tidak

ada. Beacon ini lampu kelip-kelip di atas. Jadi, macam mana *Rescue 991*, ambulans hendak bergerak, kalau beacon dan siren pun tidak ada. Ini antara kelemahan-kelemahan yang patut diberi perhatian supaya bukan sahaja imej jabatan terbela tetapi juga matlamat kita tercapai.

Saya percaya ramai orang yang berminat untuk masuk tetapi kesungguhan di jabatan sendiri agak kurang. Satu angkatan yang gah bunyinya iaitu, pertahanan awam tetapi dari segi perjawatan baru ada 148 orang. Saya ingat Ketua Pengarah pun segan hendak mentadbir satu jabatan yang kecil, 148 orang sahaja. Kita berhasrat untuk memberi latihan kepada 2.2 juta daripada rakyat Malaysia. Bagaimanakah ini boleh tercapai kalau kita tidak meningkatkan keupayaan kita sendiri sebelum kita melatih orang lain. Saya berharap kemudahan latihan, kemudahan pentadbiran dapat dipertingkatkan dari masa ke masa kerana cukup banyak yang boleh dilakukan oleh Jabatan Pertahanan Awam ini termasuklah dengan memberi perkhidmatan dengan matlamat menyelamatkan nyawa dan harta benda.

Mengenai menyelamatkan harta benda dan nyawa ini, satu lagi yang saya lihat perlu diperbaiki dalam Jabatan Pertahanan Awam ini ialah *medical rescue* ataupun pasukan perubatan yang profesional walaupun sudah ada doktor-doktor dan profesional-profesional lain yang menyertai pasukan ini tetapi pengurusan mereka masih lagi pada tahap yang agak rendah. Baru-baru ini di dalam unit saya di Hulu Langat sudah ada 10 orang doktor yang ikut serta dalam JPA3 dan saya ucapkan terima kasih kepada jabatan kerana memberi mereka pangkat Kapten. Tetapi apabila 10 orang doktor ini masuk mereka dapati mereka tidak tahu ke mana hendak pergi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat pangkat apa Yang Berhormat dalam JPA3?

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Atas sedikit, Leftenan Kolonel.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Leftenan Kolonel, oh!

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tetapi bawah daripada Tuan Pengerusi, dia Kolonel.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih. [Ketawa]

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi tanya saya pasal hendak beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang dia lebih tinggi daripada saya. [Ketawa]. Tetapi itulah dalam yang saya lihat banyak orang yang berminat masuk tetapi dalam kes yang saya lihat pasukan doktor di Hulu Langat ini apabila masuk mereka terkapai-kepai, apa hendak dibuat selepas ini. Rupa-rupanya masih belum ada lagi satu unit profesional perubatan, jadi macam mana kita hendak buat *rescue 991* kalau ada bencana umpamanya kalau berlaku runtuh tanah, bencana alam yang besar-besar ini, yang kita ada cumalah anggota 991 yang angkat stretcher dan bawa ambulans. Kita perlukan lebih daripada itu, kita perlukan doktor-doktor yang pakar umpamanya *communication expert* yang boleh membuat komunikasi elektronik dan sebagainya. Kita sudah ada pegawai-pegawai yang ikut serta tetapi mereka tidak ada forum, tidak saluran di jabatan ini.

Jadi, saya berharap jabatan dapat memberikan perhatian memohon peruntukan yang lebih besar pada tahun-tahun akan datang kerana yang ada peruntukan sekarang ini lebih kurang RM10 juta tentulah kecil sangat berbandingkan dengan hasrat kita yang cukup besar untuk memberi latihan kepada 2.2 juta rakyat Malaysia. Saya berharap dengan pembesaran unit ini termasuklah perubatan tadi, rakyat akan lebih berminat. Dengan itu saya sudahi sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Beluran. Ada Beluran, siapa itu?

**Seorang Ahli:** Belakang itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Beluran ya.

4.15 ptg.

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Butiran 020200 –Kad Pengenalan, di bawah kementerian ini.

Saya tidak akan mengambil masa yang panjang tetapi saya ingin mengucapkan tahniah terlebih dahulu kepada Jabatan Pendaftaran Negara kerana berjaya mengeluarkan sebanyak 1.093 juta kad pengenalan pada tahun 1999 dan dijangkakan akan mengeluarkan 1.3 juta kad pengenalan untuk tahun 2000 ini. Saya melihat ini merupakan satu pencapaian yang besar dalam usaha jabatan untuk memastikan bahawa semua rakyat Malaysia mempunyai kad pengenalan.

Tuan Pengerusi, jika melihatkan angka ini merupakan satu angka yang besar tetapi beberapa persoalan yang menjadi tanda tanya kita sama ada sejumlah yang dikeluarkan ini telah benar-benar sampai kepada pemohon dan saya ingin tahu dalam konteks ini berapa banyak kad pengenalan yang telah dikeluarkan sejak tahun 1999 dan tahun yang sebelumnya, yang masih belum dikutip, masih belum sampai ke tangan pemohon itu sendiri.

Saya kira ini merupakan satu masalah kerana saya melihat satu keterangan dari salah seorang pegawai Jabatan Pendaftaran mengumumkan bahawa lebih 100,000 kad pengenalan yang masih belum dikutip, masih dalam pegangan Jabatan Pendaftaran Negara.

Tuan Pengerusi, saya melihat beberapa sebab mengapa perkara ini berlaku dan sama ada kementerian sedar atau tidak, sebahagian besar daripadanya adalah disebabkan oleh proses menunggu yang terlalu lama oleh pemohon. Saya mengira dalam konteks di mana kita menggunakan komputer dan jabatan telah meng *adopt* kan komputer sebagai satu cara untuk memproses kad pengenalan ini dan masa untuk menunggu seharusnya dapat dipendekkan.

Kita lihat jika seseorang memohon kad pengenalan pada ketika ini, resit sementara itu akan dicatat datang semula setahun selepas tarikh permohonan. Tetapi dalam banyak kes yang berlaku, tarikh satu tahun yang diminta untuk pemohon datang semula ke Jabatan Pendaftaran itu, merupakan satu tarikh yang tidak tepat dan kebanyakan kesnya merupakan satu lagi tempoh menunggu yang agak lama, enam bulan, tujuh bulan dan hingga ke dua tahun. Ini yang berlaku ketika ini, Tuan Pengerusi, dan saya kira jabatan haruslah mengambil langkah yang positif dan tindakan-tindakan yang proaktif untuk menentukan tarikh menunggu oleh setiap pemohon kad pengenalan ini dapat dikurangkan dan juga kesilapan-kesilapan yang berlaku kepada kad pengenalan yang dikeluarkan dapat dikurangkan.

Saya diberitahu satu kes di mana seorang itu namanya sebagai Ahmad 'Kedah', tetapi dalam setelah setahun setengah menunggu kad pengenalannya, kad pengenalan itu ditulis sebagai Awang 'Kedah' dan terpaksa pemohon ini memohon semula dan sekarang ini sudah memakan masa lebih kurang sembilan bulan masanya dan masih belum lagi mendapat kad pengenalannya, setelah mendapat kesilapan dalam ejaan. Ini juga merupakan aspek yang harus diambil kira oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya tidak menafikan bahawa disebabkan tidak dapat menyampaikan kad pengenalan ini kepada pemohon, salah satu aspek ialah aspek *address* ataupun alamat oleh pemohon itu sendiri dan saya kira adalah menjadi tanggungjawab pemohon dan juga Jabatan Pendaftaran Negara untuk menentukan bahawa apabila seseorang pemohon itu datang memohon kad pengenalan, ianya hendaklah mengemukakan *address* ataupun alamat yang tepat untuk mudah dihubungi.

Tuan Pengerusi, saya melihat dalam buku belanjawan ini, objektif Jabatan Pendaftaran Negara terhadap kad pengenalan adalah untuk menentukan kad pengenalan diproses dan dikeluarkan mengikut peraturan dan saya kira adalah menjadi

tanggungjawab kepada jabatan untuk menentukan setiap warganegara kita mendapat kad pengenalan sendiri.

Saya membawa masalah ini kerana saya lihat masih ramai masyarakat luar bandar yang tidak memiliki kad pengenalan. Ini adalah disebabkan oleh komunikasi yang jauh, tempat perhubungan yang jauh, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar di mana perhubungan hanya dapat dilakukan melalui sungai, melalui perahu dan ini amat menyulitkan pemohon-pemohon luar bandar untuk keluar ke pekan-pekan yang berhampiran semata-mata untuk membuat kad pengenalan, memohon kad pengenalan. Saya ingin mencadangkan agar kakitangan-kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara boleh membuat lawatan-lawatan rasmi untuk membuat lawatan dan mendaftar mereka yang di luar bandar ini Langkah ini jika diambil tentu sekali akan memudahkan masyarakat-masyarakat luar bandar untuk mendapatkan kad pengenalan ini.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya beri Jeli, tetapi tolong pendekkan ya, sebanyak mungkin. Saya ingat boleh beri seorang lagi. Sila.

**4.20 ptg.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Dalam menyentuh Bekalan B.35 saya ingin merujuk kepada Butiran 020500 – Agensi Dadah Kebangsaan. Peruntukan lebih kurang RM65.6 juta tetapi kita lihat bilangan kakitangan pada tahun 2000 adalah 2,710 orang tetapi bagi tahun 2001 bilangan kakitangan telah berkurang kepada 2,694. Jadi, seolah-olah digambarkan bila mana bilangan kakitangan menurun, maka masalah dadah juga seolah-olah menurun.

Saya ingin bertanya, apakah halnya begitu kerana kita melihat bahawa walaupun bilangan pusat serenti dalam setahun dua ini tidak bertambah, tetapi bilangan penghuni pusat serenti makin bertambah dan yang menyedihkan kita ialah bilangan penghuni-penghuni pusat serenti ini 80%-85% adalah terdiri daripada orang-orang Melayu.

Jadi, sebab itu kita mohon supaya pihak Agensi Dadah Kebangsaan memainkan peranan yang lebih penting dan lebih menampakkan kesungguhan untuk mengatasi masalah dadah ini kerana dadah ini sudah sebegitu lama kita dengar di kalangan masyarakat kita yang berlaku di negara kita sudah hampir 25 tahun, yang menarik perhatian kita, masyarakat Malaysia baru-baru ini bila mana parti MCA oleh kerana mereka melihat bahawa yang terlibat dalam pil ecstasy kebanyakannya terdiri daripada belia-belia Cina atau belia-belia Tionghoa, mereka telah menggunakan segala jentera-jentera yang ada sama ada di tangan mereka sendiri dan juga jentera-jentera kerajaan untuk membanteras, untuk berperang dengan pil ecstasy itu sendiri di mana anggota-anggota polis telah digerakkan secara besar-besaran dan juga media-media masa digunakan secara optimum sehingga kita lihat hasilnya dalam waktu yang agak singkat hasilnya, dengan izin, *distribution of ecstasy* telah dapat dilihat terbantut.

Di samping itu, kita lihat ekor dari daripada keseriusan pihak MCA sendiri di mana mereka tahu bahawa pil ecstasy ini ada hubung kait dengan pusat-pusat snuker, dengan pusat-pusat video maka mereka menggunakan kekuatan hubungan mereka sehingga menyebabkan kerajaan baru berani untuk menutup pusat-pusat snuker dan pusat-pusat video kerana didapati bahawa pusat-pusat video dan pusat-pusat snuker merupakan salah satu daripada sumber di mana pil ecstasy ditebarkan dan dengan izin, *didistribute*.

Jadi, kalau kita melihat kesungguhan oleh pihak MCA dalam waktu yang singkat dalam membanteras pil ecstasy, maka kita mohon pihak kerajaan juga melihat dadah ini dalam konteks .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta laluan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, hendak minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya cuma hendak bertanya, apa muslihat memuji MCA, apakah sudah rasa jemu dengan DAP? Terima kasih.  
[Ketawa]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Untuk itu, izinkan saya merujuk kepada satu firman Allah S.W.T. yang berbunyi: [Membaca sepotong ayat al-Quran] Berpegang kepada ayat itu, sesiapa adalah kawan selagi mereka tidak lawan. Yakni Allah katakan, "Wahai manusia, Aku jadikan kamu lelaki, perempuan, bersuku-suku, berpuak-puak supaya kamu saling kenal mengenal di antara satu sama lain."

Jadi, insya-Allah bagi kita semua adalah kawan, hatta ayahanda Sri Gading sendiri pun. Jadi, persoalan yang saya ingin bawa di sini ialah ....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya cuma hendak membetulkan sedikit sahaja, fakta sahaja iaitu bahawa *ecstasy pill* tidak didapati di pusat snuker atau di pusat video, ia didapati di disko-disko atau karaoke lounge sahaja. Itu tak sama. Itu cuma membetulkan sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ha, teruskan pembedulan ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih atas pembedulan tersebut. Sememangnya saya belum sampai lagi, hujah saya sudah sampai ke peringkat itu, kerana apa kita ini .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Kota Melaka lebih tahu daripada Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sudah hendak sampai sudah ini. Sudah ada ini, akan sampai. Kerana kita dapati yang mengongsi ataupun yang pergi ke kelab-kelab malam, kelab-kelab disko dan juga kelab karaoke adalah terdiri daripada bangsa-bangsa Cina.

Jadi, kita lihat di dalam disko tersebut, di dalam karaoke tersebut digunakan pil *ecstasy* ini untuk mendapatkan suasana yang lebih mengkhayalkan dan cepat supaya mereka tahan lama semasa berdisko.

Jadi, oleh kerana – supaya tahan lama, saya tidak pernah buatlah perkara ini.  
[Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ini bulan puasa, cakap elok-elok.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi, kita hendak beritahu bahawa persoalannya yang kita bincangkan di sini adalah keseriusan dan kesungguhan. "manjadda, wajada", "Barang siapa bersungguh-sungguh tentu dia akan dapat. Jadi, saya melihat tentang kesan daripada kesungguhan, keseriusan yang dilakukan oleh pihak MCA, kita lihat kesan daripada distribution *ecstasy* adalah rendah akhir-akhir ini. Tetapi yang adapun dadah yang mana yang melibatkan, saya minta maaf saya terpaksa – menyebabkan banyak bangsa Melayu sudah 25 tahun, daripada 25 tahun, lepas satu-satu pusat serenti, lepas satu-satu pusat serenti. Bila bilangan pusat serenti sudah begitu banyak tiba-tiba bilangan penghuni pula semakin bertambah, semakin bertambah.

Sedangkan kita tahu umpamanya kalau dadah ini di mana puncanya, ia tidak dengan izin, it was not originated from Malaysia, it was originated from neighboring countries dengan izin, neighboring countries itu kita sudah kenal pasti yakni negeri Thailand. Jadi, kita sudah kenal pasti outlet-outlet, dengan izin, di mana dadah-dadah

itu boleh dibawa masuk. Cuma sekarang ini kita lihat tentang keseriusan, saya menggunakan istilah 'kesungguhan atau keseriusan' di pihak kerajaan tentang mengatasi dadah ini agar rakyat kita puas hati terutama orang-orang tua di kampung termasuk ayahanda Yang Berhormat bagi Sri Gading sendiri, dia pun tidak puas hati tentang kesungguhan pihak kerajaan dalam segi hendak membasmi dan untuk membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah kerana yang pentingnya adalah sukar .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat. Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** .....adalah sukar untuk kita menangkap, adalah kurang tepat kalau kita menangkap penghisap-penghisap dadah tetapi yang lebih penting ialah kita potong, kita kerat dia punya sumber-sumber dadah.

Satu lagi saya hendak cakap tentang .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....020300 - satu minit lagi, 020300 Kawalan Penerbitan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tidak beri dah kalau degil-degil.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ini satu ayat, Tuan Pengerusi .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tadi terkeluar, bulan puasa sekarang.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...jadi saya mintalah dari segi Kawalan Penerbitan ini kita tengok ramai kawan yang telah memohon, sampai makan masa bertahun-tahun. Bila jumpa pegawai-pegawai di sebelah sana, masing-masing mengatakan dalam pertimbangan, dalam pertimbangan.

Janganlah dalam pertimbangan itu makan masa empat, lima tahun, ini sudah zaman komputer....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....jadi minta tolong kalau boleh percepatkanlah permintaan, kalau hendak tolak - tolak, ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** .....kalau tidak hendak tolak, tidak hendak tolak. Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya memang niat hendak beri ini kepada Wangsa Maju. Jadi, lepas ini Menteri menjawablah. *[Ketawa]* Ha, saya kira itu paling patut tetapi tidak apalah, saya beri kepada Wangsa Maju, selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

4.30 ptg.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Lima minit sahaja. Bismillahir-Rahmanir-Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera .....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah, itu sebab saya beri juga itu. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** Tidak payahlah, buang masa.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Saya ambil lima minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, lima minit. Sila, sila.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih oleh kerana memberi peluang untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2001 mengenai Kementerian Dalam Negeri, Maksud Bekalan dan Pembangunan 36 Polis Diraja Malaysia, Butiran 00200 Balai-balai dan Pondok Polis.

Dalam meningkatkan lagi ketangkasan penyertaan polis dalam mengawal ketenteraman awam negara ini, saya suka mengesyorkan supaya jumlah anggota polis ini dapat ditambah mengikut nisbah kepadatan penduduk, keluasan kawasan, begitu juga kadar kes jenayah yang dilaporkan di sesuatu kawasan juga menjadi faktor memungkinkan keanggotaan polis ini dapat ditambah bilangannya.

Jenayah kolar putih serta jenayah yang melibatkan juvana dan pendatang asing kita kian meningkat. Tidak dapat dinafikan juga bahawa kejayaan polis mengawal dan menurunkan kadar jenayah di sesuatu kawasan adalah hasil kerjasama yang erat dari orang ramai terutama semasa operasi pencegahan dijalankan.

Dalam pada itu saya juga ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri dapat menyediakan lebih banyak lagi balai-balai dan pondok-pondok polis terutama di kawasan-kawasan perumahan yang berisiko tinggi dan kes-kes jenayah yang melibatkan ancaman keselamatan kepada penduduk setempat. Ini termasuk kegiatan membanteraskan gejala VCD haram dan lucah.

Contohnya di Parlimen Wangsa Maju di Taman Setiawangsa, Keramat Wangsa dan AU3 terdapat seramai 55,000 lebih orang penduduk tetapi pondok polis yang kini disewakan di kedai teres ada hanya dua orang polis bertugas pada waktu siang dan satu orang pada waktu malam. Ini bagi saya tidak sesuai dengan jumlah penduduk di situ.

Walau bagaimanapun, di Taman Setiawangsa terdapat tanah seluas setengah ekar, kepunyaan polis yang telah lama disediakan untuk pembinaan sebuah balai polis yang canggih termasuk tempat tinggal anggota-anggotanya. Oleh itu saya bercadangkan pihak kementerian dapat membangunkan tanah ini dengan segera dan memastikan polis dapat memberi perkhidmatan 24 jam dan ini dengan secara tidak langsung akan menurunkan kes jenayah dan kes-kes kolar putih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Khidmat mesra yang menjadi slogan kepada perkhidmatan polis sejak akhir-akhir ini telah menampakkan betapa eratnya hubungan antara masyarakat setempat dengan pihak polis, tidak mahu melihat wujudnya sindrom membenci kepada anggota polis terutamanya di kalangan orang-orang awam. Perkhidmatan polis yang berteraskan 'kemesraan bersama rakyat' hendaklah sentiasa dipupuk dengan mempelbagaikan kegiatan kemasyarakatan yang boleh disertai oleh anggota polis dengan masyarakat tempatan.

Di samping itu juga saya harap supaya pihak kerajaan dapat mewujudkan suasana yang lebih selesa kepada anggota polis terutama dalam aspek perumahan mereka. Kerajaan hendaklah membina lebih banyak lagi projek perumahan yang boleh didiami oleh anggota polis terutamanya dalam bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur ini. Kita tidak mahu melihat mereka ini terus dibiarkan menghuni rumah-rumah setinggan yang berselerak di Kuala Lumpur ini semata-mata kerana mereka tidak bernasib baik untuk tinggal di kuarters polis yang tidak mencukupi itu.

Bebanan anggota polis yang bertugas 24 jam dan begitu cekal dan setia kepada negara adalah faktor penyumbang kepada keamanan dan keselamatan yang lebih tenteram yang sedang kita nikmati sekarang ini. Apa sahaja peruntukan yang berbentuk insentif yang diberikan kepada anggota polis merupakan suatu kewajaran

yang tidak harus kita pertikaikan. Semoga perkhidmatan polis negara ini akan terus cemerlang dan disenangi oleh semua pihak negara ini khususnya.

Maka dengan itu saya juga menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2001 sebagaimana yang terdapat dalam Perkara B.36, P.36 bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab. 4.30 sebagaimana yang dijadualkan Yang Berhormat.

4.35 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Pengerusi, terutama ingin saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua 12 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan untuk mengambil perbahasan dalam Belanjawan bagi Kementerian Dalam Negeri tahun depan di peringkat Jawatankuasa. Mereka adalah terdiri daripada Yang Berhormat bagi kawasan Batang Lupar, Kota Melaka, Parit Sulung, Kinabatangan, Tumpat, Sipitang, Seputeh, Hulu Langat, Beluran, Jeli dan Wangsa Maju.

Tuan Pengerusi, memang saya bersetuju dengan apa yang dikatakan, dalam ucapan Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Yang pertama beliau telah pun memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Perlembagaan kita mempunyai peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan iaitu rakyat berhak untuk mempunyai kebebasan untuk menyuarakan atau mengeluarkan pemikiran yang bebas. Ini kita tahu tetapi semua kebebasan yang diberikan sama ada yang termaktub dalam Perlembagaan atau di sisi undang-undang yang sedia ada di negara kita adalah juga mempunyai batasan supaya kita tidak ingin melihat ganggu-gugat masalah ketenteraman berlaku di negara kita.

Tanggungjawab memelihara keamanan dan kesejahteraan rakyat adalah tanggungjawab diberikan kepada kerajaan supaya kita dapat mengamalkan ketenteraman, ketenangan dalam masyarakat kita. Apa yang kita paling pentingkan ialah bukan tanggungjawab terhadap seorang individu tetapi tanggungjawab ini adalah tanggungjawab kepada masyarakat sejabatnya.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab perkara-perkara dari Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Penerbitan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, kita mempunyai syarat-syarat dari segi pengeluaran permit-permit kepada pihak-pihak yang membuat permohonan. Hari ini kerajaan telah membenarkan banyak surat khabar dalam pelbagai bahasa untuk mengeluarkan surat khabar di negara kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Malaysia adalah merupakan salah sebuah negara di rantau ini yang begitu bebas yang mempunyai sikap terbuka tentang kebebasan hak rakyat. Akan tetapi pada masa kita juga mengambil kira soal sensitiviti kaum dalam sebuah masyarakat yang majmuk di mana rakyat terdiri dari berbilang bangsa, berbilang kaum. Kita semua harus menjaga kepentingan bersama dan juga dengan izin, *sensitivity*, kaum-kaum lain. Dalam perkataan lain, adalah menjadi tanggungjawab dan hasrat kerajaan supaya kita sentiasa memantau semua penerbitan sama ada surat khabar ataupun lain-lain penerbitan di negara kita supaya sensitiviti kaum-kaum lain tidak terjejas. Kita tidak suka melihat masyarakat kita menjadi kucar-kacir, keamanan negara dan kestabilan politik tergugat dan cadangan dari pihak pembangkang jika diikuti akan membawa ke arah tersebut.

Tuan Pengerusi, sebagai satu misalan, pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa berbincang dengan pihak surat khabar, khususnya Ketua Pengarang surat khabar tidak kira sama ada surat khabar bahasa Inggeris, bahasa Melayu ataupun bahasa Cina dan bahasa Tamil. Jika kadang kala terdapat suratkhbar dalam negara telah memuatkan rencana yang akan memudaratkan kesihatan, memudaratkan ketenteraman masyarakat kita, seperti rencana bogel, telanjang, memang kita berhak untuk memberi sedikit sebanyak pandangan dan teguran. Dan, kita sentiasa

menjalankan sistem ini supaya kita, kedua-dua pihak iaitu pihak kerajaan, pihak surat khabar dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan baik.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah pun membangkitkan masalah surat tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh KDN kepada saya suka memberitahu surat khabar Cina bahawa surat-surat teguran, surat-surat tunjuk sebab adalah satu perkara yang cukup biasa. Jika Kementerian Dalam Negeri berpendapat bahawa sepucuk surat bertulis dapat dihantarkan kepada pihak-pihak yang agak tidak menepati syarat-syarat yang diikatkan kepada permit maka surat seumpama ini akan dihantar kepada mereka. Ini adalah selaras dengan *rules of natural justice*, Tuan Pengerusi, di mana pihak-pihak yang menerima surat ini diberikan masa untuk memberi jawapan sama ada perbuatan mereka ini adalah selaras ataupun menepati syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka.

Saya percaya ini bukan satu masalah yang besar dan tindakan mengeluarkan surat akan ditujukan kepada surat khabar bahasa Inggeris juga walaupun pembangkang sentiasa didakwa bahawa suratkhbar-suratkhbar bahasa Inggeris sebagai lidah rasmi kerajaan. Kalau mereka melakukan kesilapan sedikit Kementerian Dalam Negeri akan juga akan hantar surat peringatan kepada mereka.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Persoalannya Yang Berhormat, yang timbul adalah banyak dalam beberapa kes umpamanya bila mana permohonan untuk mendapatkan permit dikemukakan oleh mana-mana pemohon maka bila sampai ke pihak kementerian, pihak kementerian mengambil masa dan tempoh yang begitu lama. Umpamanya bila seringkali dihubungi, diketemui pegawai-pegawai berkenaan, jawapannya adalah jawapan yang paling *popular*, dalam pertimbangan, dalam pertimbangan, masih berhajat kepada maklumat tambahan. Sekarang ini masalah yang timbul adalah tentang definisi. Definisi, mengganggu ketenteraman awam, boleh menyebabkan perpecahan kaum, itu tidak *clear*. Kalau bagi pada budak darjah satu, dia tafsir lain, kalau beri umur 15 tahun, dia tafsir lain.

Yang ini saya minta kerjasama, bagi duduk semua pihak tafsir bagaimana yang dimaksudkan dengan perpecahan kaum, macam mana yang dimaksudkan dengan ancaman kepada agama supaya kalau *clear* yang itu, senang. Okay. Permohonan saudara dibatalkan kerana ini *clausenya*. Kalau asyik-asyik menggunakan *clause* yang *weak*, dengan istilah orang puteh, istilah Inggerisnya *weak*, sampai bila, maknanya pihak kementerian akan sentiasa ada alasan untuk menafikan. Jadi, saya mohon kementerian kalau boleh lepas ini buat *clear*, jangan samar-samar. Boleh dibaca kiri pun boleh, kanan pun boleh. Kita kira *clear*. Kalau *clear*, insya-Allah, tidak ada pergaduhan, tidak ada pertelingkahan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya tahu Yang Berhormat tadi dalam ucapan tidak sabar sebab ada dua permohonan yang telah pun dikemukakan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri masih tidak menerima sebarang jawapan. Dan, ada juga pada awal waktunya semasa permohonan diterima sepucuk surat dihantar oleh pihak Kementerian Dalam Negeri memerlukan maklumat tambahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua permohonan harus menepati syarat-syarat dan barulah pertimbangan akan diberikan. Dan, kita juga mempunyai carta pelanggan, di mana Kementerian Dalam Negeri akan memberi kelulusan jika setiap permohonan menepati kehendak ataupun peruntukan-peruntukan di sisi undang-undang. Jangan lupa Yang Berhormat, KDN juga memberi kelulusan kepada hampir semua parti politik tidak kira sama ada pembangkang ataupun kerajaan supaya mengadakan lidah rasmi mereka. Betul atau tidak? Dan jika terdapat lagi parti-parti politik yang berminat buatlah permohonan, kita akan memberi pertimbangan sewajarnya. Kalau kita dapat memberi pertimbangan, dapat beri kelulusan kepada

*Harakah*, ataupun DAP, sebab apa kita tidak boleh bagi kepada pihak lain? Tidak munasabah. Tetapi yang penting sekali, jangan buat permohonan dan tidak sabar-sabar hendak minta kelulusan dengan serta-merta, ini memang tidak dapat dilayanlah untuk Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong, dia telah pun bertanya dalam ucapan beliau setakat ini....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Dato' Chor Chee Heung:** Kalau saya hendak bagi semua, Tuan Pengerusi, 5.30 petang tidak habis. Okay.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya belum - baru saya berdiri. Soalan yang saya timbulkan begitu spesifik. Jangan lari dengan jawapan yang umum.

**Dato' Chor Chee Heung:** Duduk dahulu. Jangan cakap banyak. *This is my floor, you sit down and shut-up first. Until I say, yes. Shut-up.*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *You are a coward. Your floor. Don't use your floor, that's coward.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya tanya dengan spesifik tetapi Yang Berhormat kata saya tahu.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah bertanya .....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Orang cakap spesifik, dia cakap umum *[Disampuk]* *Its specific.*

**Dato' Chor Chee Heung:** *No, you wait, wait.* Kalau I hendak ...

**Tuan Kerk Kim Hock:** Surat atas *isu vision school, your secretary telephoned.*

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak apalah itu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Jangan lari, jangan lari. Mahu bagi tidak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Yalah. Kalau saya ada masa, saya bagi. Tidak ada masa, macam mana hendak bagi?

**Tuan Kerk Kim Hock:** You takutlah - you punya Setiausaha Chor Chee Heung menelefon. You takut orang ada.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Hey, Yang Berhormat, parti you telah katakan akan ditendang keluar daripada Barisan Alternatif, hendak kacau lagi buat apa?

**Tuan Kerk Kim Hock:** *I want to talk nicely....* jangan cari perlindungan dalam Dewan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka, ada peraturan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong bertanya setakat ini tidak ada permohonan daripada parti yang disebut-sebutkan sama ada Barisan Alternatif tetapi parti-parti yang didapati menganggotai Barisan Nasional memang sudah didaftarkan.....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]* You are a coward! You are a coward, you run a way. Ini apa ini. Orang buat demonstrasi, kata dalam Parlimen .....*[pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya panggil point of order.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Jangan lari, jawab dengan spesifik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan-peraturan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]* Ada atau tidak.....atas vision school.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kota Melaka, sekarang ada peraturan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Itu kacau sahaja. *[Menyampuk]* Jawab dengan spesifik ada atau tidak.....no, no, you don't run away, don't be a coward.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Kerk Kim Hock:** .....ada atau tidak arahkan secretary panggil....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya panggil point of order 36(1). Kota Melaka, duduk!

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tak beranikah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kota Melaka duduk!

**Tuan Kerk Kim Hock:** Jangan cari kawan tolong. Salah guna kuasa hendak lari pula.

**Dato' Chor Chee Heung:** Biar saya jawab dia, Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kita sentiasa melalui telefon ataupun seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat jemput pihak-pihak berkenaan untuk berbincang. Barang kali yang dikatakan oleh Yang Berhormat saya tak ingat sama ada mereka telefon atau kita telefon mereka. Ini adalah satu perkara yang biasa. Kadang-kadang kita tengok setengah surat khabar yang memuatkan rencana yang tidak sihat, kita telefon, ada apa masalah? Ini satu perkara yang biasa. Contohnya eh, you hari ini ada gambar bogel, bolehkah esok you jangan lagi ulangi. Ini satu perkara yang biasa, apa susah sangat.

Kali yang disebutkan oleh Yang Berhormat kita tak tahu sama ada dia telefon atau kita telefon

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Sama juga.

**Tuan Kerk Kim Hock:** JE fund...

**Dato' Chor Chee Heung:** Sama juga. Percakapan telefon satu perkara yang biasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri!

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya hendak tegur sikit. Apabila mesyuarat hendaklah diam bila Pengerusi berucap atau bercakap. Jadi, tolonglah patuhi peraturan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya sudah jawab, cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Mengikut Parit Sulong beliau ingin tahu sama ada parti BA....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya sudah jawab, saya tidak perlu memanjangkan jawapan saya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Adakah ini bermakna bahawa apa yang saya timbulkan itu bukan demokrasi?

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat, setakat ini Parit Sulong...

**Tuan Kerk Kim Hock:** Adakah benar apa yang saya sebutkan itu tidak benar, maka kesimpulan yang saya buat ialah bahawa akhbar Cina boleh bebas melaporkan isu Chang Ming Thien Fund, JE Fund dan juga *vision school*, bolehkah saya buat kesimpulan begini bahawa memang tiada amaran rasmi daripada Kementerian Dalam Negeri dan akhbar Cina bebas melaporkan dengan meluasnya tiga isu, MCA-JE Fund, Chang Ming Thien Education Fund dan *vision school*.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, budi bicara untuk menerbitkan berita-berita diletakkan atas bahu syarikat surat khabar-surat khabar yang berkenaan. Tetapi kadang-kadang kita juga memberi teguran seperti saya memberi penjelasan...

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Menyampuk]

**Dato' Chor Chee Heung:** Dengarlah dahulu. Apa pasal Yang Berhormat biadab sangat. Jangan Yang Berhormat ingat bapa punya rumahkah? Cis! Dengarlah dahulu, duduk! *Shut up and sit down first.* Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *You can warn the editors but not me.*

**Dato' Chor Chee Heung:** *You shut up first. Okay once I have the floor you bloody shut up!*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kota Melaka!

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Menyampuk]

**Dato' Chor Chee Heung:** *Shut up first!*

**Tuan Chang See Ten:** Peraturan Mesyuarat 37(1)

**Puan Fong Po Kuan:** Saya rujuk Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Chang See Ten:** Seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang saya hendak tegur.

**Dato' Chor Chee Heung:** *You shut your bloody mouth! Because you don't know bloody... You shut up and get out! I have answered you already, dengan izin.*

**Puan Chong Eng:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *No everybody here now complaint.*

**Dato' Chor Chee Heung:** *Okay. You want me, I'll talk to you, I answer now.*

**Puan Chong Eng:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *Answer now, specific!*

**Dato' Chor Chee Heung:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya tak mahu cakap banyak, duduk dan *shut up!* Saya percaya Yang Berhormat bukan pekak tahu! Yang Berhormat pekakkah!

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Menyampuk]

**Dato' Chor Chee Heung:** No, no, no.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** *I don't give a damn. As far as I concern we are happy, you shut up!*

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Peraturan Mesyuarat 43.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya bangun dahulu, saya juga hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Pengerusi hendaklah memerintahkan sesiapa Ahli yang berlaku haru-biru keluar, minta keluar dari Dewan ini.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah buat keputusan supaya saya meminta Yang Berhormat bagi Kota Melaka mematuhi Peraturan Mesyuarat, bila ada sesiapa berucap jangan mengganggu. Bila Pengerusi di sini bercakap, sila beri peluang. Jadi, jangan bising, Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tak adillah, jangan lari tidak jawab....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:** You mahu saya jawab.

**Puan Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat. Saya harap Timbalan Menteri duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu Peraturan, Yang Berhormat?

**Dato' Chor Chee Heung:** Kita ikut Peraturan, bukan macam samseng.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *Sit down lah you coward.*

**Puan Fong Po Kuan:** Saya pohon....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tadi saya panggil Peraturan, you tak mahu duduk, sekarang apa macam. *[Ketawa] Just now I call for rule, you don't want to sit.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi sudah beri amaran, you duduklah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tadi saya panggil you tak mahu duduk apa pasal. *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Tadi saya tak duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** *You claim, saya tak boleh bangun. [Ketawa]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Siapa Speaker? Duduk, siapa Speaker. *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat. Saya sangat kesal dengan bahasa yang digunakan oleh seorang Timbalan Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Peraturan Mesyuarat 36(4). Ini Dewan paling mulia, *why you say the word "bloody", "you shut up". [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya pohon maaf kerana terpaksa mengulangi untuk buktikan bahawa seorang Timbalan Menteri mengeluarkan kata-kata ini adalah tidak baik. Saya pohon dia tarik balik. Ini tidak menghormati penduduk bagi Kota Melaka. Saya pohon dia tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, sila duduk. Tadi saya sudah minta Kota Melaka mematuhi Peraturan Mesyuarat, dan sebenarnya beliau enggan mematuhi. Jadi, saya fikir apa yang dilepaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa tidak boleh tahan lagilah. *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Ini *lesson*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebenarnya tidak. Saya hendak menegaskan apa yang dikatakan....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Kota Melaka, sila duduk!

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya tak boleh tahan!....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya belum menghabiskan. Yang Berhormat, apa yang dilepaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak melanggar Peraturan Mesyuarat.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya pohon....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ini tidak adil.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Jangan lari, orang boleh nampak...*[Mikrofon tidak dihidupkan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Ya. Tak payahlah, saya sudah jawab beberapa kali. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Parit Sulong telah pun bertanya dalam ucapannya sama ada pihak Barisan Alternatif adalah sebuah parti yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1996. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa ini parti Barisan Alternatif yang sentiasa digunakan secara berleluasa masih belum didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan. Saya percaya Barisan ini tidak akan berdaftar....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat, saya mohon penjelasan. Kalau tidak didaftarkan di bawah Registrar of Society 1966 maknanya parti ini parti haram dan menipu rakyat, menentang undang-undang. Jadi, apakah mereka yang mengaku diri mereka BA itu satu pengakuan yang boleh membanggakan ataupun mereka mendedahkan diri mereka kepada identiti sebenarnya mereka sebuah parti haram dan apa pula tindakan kerajaan kalau sudah tahu benar-benar perkara ini parti haram. Minta penjelasan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, pihak kerajaan sentiasa bersabar dan jika terdapat pihak berkenaan yang telah pun buat silap dan salah, kita menegur mereka. Selama ini mereka juga enggan mengikut, tetapi pihak rakyat tahu, mereka sentiasa ditipu oleh mereka ini. Tetapi mereka pun tidak apalah, kita biar mereka buat macam ini dahulu, sampai satu masa yang tepat kita akan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka. Tetapi buat masa ini kita sabar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit penjelasan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apakah mereka tidak mahu mendaftarkan ini kerana mereka pun rasa bahawa perhubungan ini perhubungan yang tak berapa ikhlas. Kalau mereka daftarkan mereka takut pecah. Ini akan jadi kemaluan yang besar. *[Ketawa]* Maksud saya malu yang besar. Tuan Pengerusi, saya tersilap

cakaplah. Kadang-kadang lapar ini boleh silap. [Ketawa] Oleh sebab itu, mereka tak yakin maka mereka tak daftarkan. Saya minta penjelasan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasihlah, Yang Berhormat. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat cukup benar sekali. Kita sekarang sudah dapat melihat masalah dalaman mereka ini. Parti yang dikatakan Parti Barisan Alternatif telah pun mula kucar-kacir. Sekarang parti DAP akan memulaukan Barisan Alternatif pula. Saya tidak tahu apa perasaan Yang Berhormat kawan-kawan dari Parti PAS dan parti apa lagi.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sekarang PAS bangun.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sekarang PAS bangun.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak boleh, saya tidak bagi penjelasan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sekarang PAS bangun.  
[Ketawa]

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak boleh cakap lagi. Tuan Pengerusi, saya ingat masa sudah suntuk, saya tidak berhasrat untuk memberi apa ini lagi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik teruskan.

**Dato' Chor Chee Heung:** ..peluang kepada sesiapa lagi sama ada kawan ataupun lawan. Tuan Pengerusi, satu pertanyaan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Tumpat mengenai pemilihan pemimpin-pemimpin di persatuan-persatuan yang telah pun diluluskan oleh kerajaan. Buat masa ini kerajaan memang memegang teguh kepada Akta Pertubuhan 1966 di mana ahli-ahli sesebuah persatuan berhak untuk membuat keputusan sama ada pemilihan pemimpin dilakukan tiga tahun ataupun lima tahun ataupun setahun sekali. Ini saya percaya adalah sikap terbuka yang diamal oleh kerajaan dan kita memberi penuh kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin dan juga ahli-ahli persatuan-persatuan untuk membuat keputusan demi kebaikan organisasi mereka.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah pun menyuarakan mengenai. ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tumpat...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Berkaitan dengan soalan saya.

**Dato' Chor Chee Heung:** Minta maafilah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Berkaitan dengan soalan saya.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak, mungkin tidak sampai lagi. Banyak lagi. Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah pun menyuarakan bahawa masalah berkaitan dengan pusat serenti..

**Puan Fong Po Kuan:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Dato' Chor Chee Heung:** .....beliau mengatakan di Sabah pusat serenti yang ada tidak mencukupi. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat dan sukacita saya ingin memberitahu pihak Agensi Dadah Kebangsaan telah pun bermesyuarat dengan pihak Penjara di mana satu lagi pusat serenti di Papar Sabah akan dibina pada akhir tahun depanlah. Pusat ini bila siap dapat merawat pulih lebih kurang 250 orang penagih dalam satu-satu masa.

Yang Berhormat bagi Sipitang telah pun menyoal tentang pengkomputeran di balai-balai polis dan sistem pembaharuan lesen senjata api. Pada masa ini Polis Diraja Malaysia sedang dalam proses untuk mengemaskinikan sistem komputer mereka. Dan untuk makluman Yang Berhormat, semua IPD iaitu pihak ibu pejabat daerah polis

memang disediakan komputer-komputer yang canggih yang kebanyakan IPD-IPD besar mempunyai *online service* dan proses berkomputer ini ialah dari peringkat ke peringkat dan saya percaya tidak lama lagi semua balai-balai kecil pun akan mempunyai kemudahan komputer *online*, dengan izin.

Saya juga setuju dan masa sudah tiba di mana pembaharuan lesen senjata api harus mengikut peredaran masa. Tidak payah kita guna buku pada setiap tahun, borang yang diterima pada setiap tahun semua sama, maklumat yang sama juga dihantar balik. Saya akan memberi cadangan ini kepada pihak Polis Diraja Malaysia supaya mereka dapat memberi pertimbangan dengan secepat mungkin sama ada kita dapat memudahkan proses untuk pembaharuan lesen senjata api.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga bertanya berkaitan ada masalah dadah *syabu* yang kian meningkat di Sabah. Kerajaan sentiasa memantau keadaan ini dan kerajaan memang sedar bahawa dadah *syabu* ini diimport atau diseludup dari negara-negara jiran masuk ke Sabah dan pihak penguat kuasa sentiasa mempunyai program-program di mana tindakan dan operasi mengejut dapat diadakan di tempat-tempat hiburan. Setakat ini prestasi penguatkuasaan di Sabah dijalankan dengan lancar, dengan baik walaupun kita tahu Sabah ini mempunyai pantai yang begitu panjang dan banyak aktiviti dan kegiatan penyeludupan sentiasa berlaku di situ sebab negara jiran tidak begitu jauh dari Sabah misalnya Filipina dan Indonesia dan cukup mudah untuk dadah *syabu* ini diseludup masuk ke negeri Sabah.

Yang Berhormat bagi Tumpat hendak mengetahui sama ada bahan kimia yang digunakan dalam pancutan air kenderaan *water cannon*, dengan izin, boleh menyebabkan penyakin badan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahan yang dicampur dalam air pancutan yang digunakan oleh penguat kuasa ialah *CS Liquid* dan *Liquid Dye*, dengan izin, dan bahan ini diluluskan bagi penggunaan dan tidak merosakkan anggota badan sesiapa pun. Kemungkinan bahan kimia ini akan menyebabkan seorang merasa sedikit pedih di mata bila kena. Orang-orang yang dikenakan air pancutan ini tidak payah mendapat sebarang rawatan sebab selepas liquid tersebut kering maka kesan pedih mata pun akan hilang.

Tuan Pengerusi, saya percaya ada banyak lagi.....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tumpat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Okay, Yang Berhormat. Tadi saya mungkin tidak jawabkah? Okay. Apa Yang Berhormat hendak tanya?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya khusus kepada yang ini walaupun yang tadi saya agak kecewa Yang Berhormat menggunakan istilah '*bloody House*' dan saya bercadang untuk memaklumkan apabila membaca *Hansard* supaya istilah itu ditarik balik kerana ia jauh di luar daripada apa-apa yang berlaku ketika tadi. Tetapi *CS Liquid* dan *Liquid Dye* yang Yang Berhormat sebut tadi itu, kalau dalam kes Sauk untuk memberi penjelasan dan pengetahuan yang sebaik-baiknya kepada masyarakat diadakan satu ulang tayang atau ulang pameran dan sebagainya, bolehkah untuk maklumat dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini satu ketika Ahli-ahli Yang Berhormat semua dijemput dan ditunjuk bagaimana air itu supaya kita dapat merasa kesannya terutama bagi Yang Berhormat sahabat saya daripada pihak kerajaan yang tidak pernah pergi ke perhimpunan-perhimpunan yang haram ini dan sebagainya mungkin dapat kita merasai bagaimana pedihnya gas pemedih mata itu dan bagaimana menyakitkan *CS Liquid* dan *Liquid Dye* ini. Kalau boleh saya pohon diatarkan ulang tayang ataupun ulang pameran. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memandangkan Yang Berhormat begitu sopan dalam teguran maka apa sahaja perkataan-perkataan yang tidak sopan dihulurkan oleh saya tadi jika terlampau sedikit, saya minta maaf kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bukan Yang Berhormat yang lain tahu. Dan jika Yang Berhormat minta, tidak apalah, dibatalkan dari *Hansard*.

Yang kedua permintaan Yang Berhormat ialah mengenai *CS Liquid* saya boleh memanjangkan permohonan kepada pihak-pihak yang berkenaan, saya percaya tidak ada masalah kalau kita memperkenalkan *CS Liquid* ini kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Sekian, saya percaya Tuan Pengerusi, saya telah pun menjawab semua soalan dan jika terdapat sebarang soalan yang tidak dijawab pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri akan mengambil catitan. Sekian terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Soalan saya tidak jawab lagi itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Soalan saya juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Soalan saya tidak jawab lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Soalan saya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Menyampuk]

**Dato' Chor Chee Heung:** Mungkin silap saya, Yang Berhormat bagi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Seputeh.

**Dato' Chor Chee Heung:** Seputeh ya. Yang Berhormat bagi Seputeh ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Atau mahu lari.

**Dato' Chor Chee Heung:** Oh ya, saya masih belum sentuh soalan Yang Berhormatkah? Bolehkah saya menjawab sekarang? *Puk Fu It Chet* dengan izin, isn't it?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *Puk Fu It Chet*.

**Dato' Chor Chee Heung:** *Puk Fu It Chet*, that's right. Dalam bahasa Malaysia 'Tanpa Kira Apa Pun'. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, apabila penganut Kristian sebagai pengarang buku tersebut – menerbitkan - telah pun membangkitkan satu masalah di kalangan masyarakat Cina yang mempunyai penganut-penganutnya pelbagai jenis agama.

Apabila aduan dibuat kepada saya, saya telah pun berjumpa dengan pengadu dan saya juga berhubung dengan pengarang buku tersebut dan sukacitanya diberitahu bahawa kedua-dua pihak iaitu pihak persatuan *Buddhist* dan pihak pengarang berkenaan termasuk juga gereja di mana pengarang adalah seorang ahli. Telah pun selesai masalah ini dengan cara aman dan damai dan kedua-dua pihak juga meminta maaf atas kekeliruan yang telah bangkit sekali kesilapan itu tidak disengajakan oleh pengarang buku tersebut.

Saya benar-benar percaya bahawa dia buat kesilapan yang tidak sengaja dan jika kedua-dua pihak telah pun selesai dengan cara-cara aman dan damai, sebab apa Yang Berhormat begitu sibuk? [Disampuk] Saya tahu Yang Berhormat adalah seorang Kristian. Saya pun menghormati Yang Berhormat. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedua-dua pihak telah pun selesai dan tidak ada apa-apa tindakan akan diambil terhadap sesiapa pun. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak payah kot.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya bukan sibuk. Saya wakil rakyat. Kalau tidak ada aduan sampai kepada saya, saya tidak akan ambil berat tentang isu ini. Ini adalah kerana saya diberitahu bahawa penulis itu, See Yong Cheong yang pernah ingin membuat temujanji untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi ditolak. Dan saya juga pernah ingin berjumpa bersama-sama dengan beberapa tokoh pemimpin Kristian dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini juga ditolak oleh setiausaha Yang Berhormat. Jadi, saya rasa ini bukan cara menyelesaikan masalah ini

kerana buku ini masih diharamkan dan kalau Yang Berhormat baca surat khabar Cina, Yang Berhormat perlulah tahu yang mana ada banyak kritikan telah timbul kerana ini telah menjadi *precedent* yang buruk dalam rekod Kementerian Dalam Negeri.

Jadi, kalau buku ini tidak begitu serius, memang terdapatnya beberapa ayat yang mungkin kita rasa tidak begitu sesuai, jadi mungkin kerajaan boleh mengkaji semula, mungkin memotong ataupun memadamkan beberapa ayat yang dianggap kurang sesuai itu dan biarkan buku itu diedarkan ataupun dijual. Saya rasa ini adalah satu perkara yang mana kita kedua-dua pihak tidak harus main politik tetapi adalah satu *precedent* yang kita tidak perlu adakan dalam sejarah Malaysia dan juga saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri haruslah mengamalkan sikap yang bermusyawarah seperti menteri-menteri yang lain yang sudi berjumpa dan berbincang dengan wakil rakyat ataupun tokoh-tokoh persatuan untuk menyelesaikan masalah secara aman. Kalau perkara ini telah diselesaikan, saya pun tidak perlu timbulkan di Dewan yang mulia ini.

**Dato' Chor Chee Heung:** Baiklah Yang Berhormat. Terima kasihlah. Sebagai penjelasan lanjut, Tuan Pengerusi, saya sebenarnya tidak menerima sebarang permintaan dari penulis buku tersebut untuk berjumpa saya. Jika ada, saya boleh jumpa beliau sebab jumpa atau tidak jumpa pun, kita telah membuat satu keputusan. Ini bukan keputusan saya sendiri. Ini keputusan dari satu jawatankuasa dalam KDN. Untuk makluman Yang Berhormat juga, masyarakat kita sebuah masyarakat majmuk. Kita harus mengambil kira sensitiviti kaum lain atau penganut agama lain. Kita telah pun menghalusi buku yang ditulis oleh penulis yang berkenaan dan didapati memang buku itu mempunyai perkara-perkara yang agak sensitif, yang tidak baik kalau diterbit dan dijual secara umum.

Kerajaan mempunyai satu tanggungjawab yang begitu berat sekali. Takkan Yang Berhormat suka melihat keadaan kucar-kacir berlaku seperti di Northern Island dan di Labenon, oleh kerana isu agama, mereka mempunyai masalah rusuhan akibat isu agama yang begitu serius.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Duduk, duduk, Yang Berhormat. Jangan ghairah sangat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Peraturan, peraturan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Peraturan 36(4) dan (6). Peraturan 36(4), "*It shall be out of order for Members of the House to use offensive language*". Mengatakan orang sibuk. Itu bukan caranya. Yang kedua, mengatakan orang hendak lihat huru-hara. Itu *improper motive*. Kalau inilah caranya Tuan Pengerusi membiarkan, *we are prepared to turn the House upside down. Don't say we waste time here*. Ada caranya dia bercakap dengan baik, dia kata mengapa Yang Berhormat sibuk. Adakah ini caranya kita hendak terima?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat, kita cubalah menggunakan perkataan yang lebih elok.

**Dato' Chor Chee Heung:** Ya, Yang Berhormat. Perkataan yang saya guna adalah sekadar contoh sahaja. Tetapi kita harus juga berhadapan dengan realiti yang berada di negara kita. Selama 43 tahun ini, Kerajaan Barisan Nasional memerintah negara ini dengan begitu baik, aman damai dan prestasi pun begitu tinggi. So, kita tidak bolehlah, oleh kerana sebuah buku, akan menjejaskan segala-galanya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Menyampuk*]

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat, tidak apalah. Kita tidak payah panjangkan ini tetapi Yang Berhormat, kalau penulis berkenaan ingin berjumpa saya, *no problem*. Boleh tidak minta beliau bagi saya sepucuk surat, saya akan berjumpa dengan beliau di pejabat saya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Surat kedua!

**Dato' Chor Chee Heung:** Tetapi, seperti saya katakan tadi, sepanjang pengetahuan saya Ketua Gereja di Alor Setar ini adalah kawan baik saya, jiran saya. *[Disampuk]* Betul! Mr. Max Ng. Beliau telah mengesahkan bahawa "Tidak apalah, kita dapat selesai ini dengan secara aman". Saya pun jawab, "Bagus, ini adalah semangat perpaduan". Bukan macam setengah orang, kan? Tidak apa, *never mind*. *You tell him, write to me, I will see him. I would like to see him. He is also from Alor Setar.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tetapi macam mana dengan surat saya yang....

**Dato' Chor Chee Heung:** Surat you tidak....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ...ditulis kepada Yang Berhormat untuk mengadakan ....

**Dato' Chor Chee Heung:** Ya, saya tahu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** .....satu perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Kristian.

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya tidak mahu jawab sebab saya tahu perkara ini sudah selesai. Tidak payah *reply*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ini belum selesai. Kalau ada pihak yang tidak berpuas hati.....

**Dato' Chor Chee Heung:** Siapa yang tidak berpuas hati?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ini adalah mencungkil...

**Dato' Chor Chee Heung:** Mungkin Yang Berhormat tidak berpuas hati.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya tidak berpuas hati dan ramai yang tidak berpuas hati sehingga lihatlah Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam internet. Macam mana nama Yang Berhormat Timbalan Menteri ini telah dicaci dalam internet atas perkara ini.

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jadi, saya rasa...

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ...Yang Berhormat Timbalan Menteri memang kurang profesional dari segi isu sensitif ini yang mana saya terpaksa bangkit di dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Chor Chee Heung:** Yang Berhormat, saya tidak kira sama ada nama saya dicaci atau tidak. Asalkan saya menjalankan tugas yang diamanahkan kepada saya. Itu yang penting. *[Tepuk]* Ha, kalau Yang Berhormat ialah macam Yang Berhormat Kota Melaka, hendak marah dan maki-hamun saya, saya tidak hirau. Tidak kisah pun.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Asalkan saya jalankan tugas dengan baik, adil dan saksama. Itu sahaja. Tidak apalah Yang Berhormat. Saya tidak mahu memanjangkan ini. Yang Berhormat, please, kalau boleh menasihati dan beritahu dia hantar surat kepada saya dan saya akan berjumpa dengan beliau. Sama ada di sini ataupun di Alor Setar.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Soalan saya tidak berjawab lagi.

**Dato' Chor Chee Heung:** Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Soalan saya tidak berjawab lagi.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak apalah, ini terlalu banyak. Pegawai kita pun banyak. Ramai pegawai di sini akan ambil catitan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Dua soalan saya tidak berjawab lagi.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih.

**Puan Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Sudah habis.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya bukan main-main.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, sudah habis.

**Puan Fong Po Kuan:** You tidak tahu Peraturan Mesyuarat, you diam-diam!

**Beberapa Ahli:** *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, jika kita lihat ya, ini garis panduan. *[Menunjukkan Buku Peraturan Mesyuarat]* Peruntukan setiap hari berapa Kementerian...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu peraturan?

**Puan Fong Po Kuan:** Saya hendak beritahu Peraturan 66(3), "Menteri-menteri haruslah menjawab setiap perkara yang telah dibangkitkan." Dia kata Menteri. Diperuntukkan dua hari bagi jawapan dari Menteri. Kalau menteri-menteri elak jawapan, lebih baik kita tidak payah bersidang. Bagi jawapan bertulis sahaja. Saya sudah bangkitkan dua kali dalam Kementerian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri pun sudah jawab...

**Puan Fong Po Kuan:** Jawapan tidak diberi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ... di peringkat dasar. Sekarang kita dalam peringkat Jawatankuasa.

**Puan Fong Po Kuan:** Is it? Kalau macam ini, kita balik rumahlah.

**Beberapa Ahli:** Balik, balik! *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Terpulang kepada Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Ini kata, Menteri haruslah beri jawapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, baiklah, saya sudah buat keputusan.

**Puan Fong Po Kuan:** Sudah dua kali. Semalam saya bangkitkan, dia kata jawapan bertulis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Hari ini saya bangkitkan, jawapan bertulis. Ini yang Yang Berhormat Jeli bangkitkan, dia kata.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Kita balik ke rumah, kita rehat.

**Puan Fong Po Kuan:** .....kita akan ambil perhatian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa yang jalankan ini memang mengikut peraturan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, lebih baik kita balik. Ini terpulang kepada Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi...

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini adalah serius. Hari ini kita tidak serius..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Dato' Chor Chee Heung:** *[Menyampuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Dia tidak puasa, dia mahu balik awal buat apa?

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya bukan...

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya tidak mahu gaduh. Saya bagi masa, dia tidak mahu jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang saya hendak tegur sekali lagi.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tegur tidak apa, tetapi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hendak jawab.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hendak jawab. Yang Berhormat....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kita bagi kementerian jawab, tidak mahu jawab baik-baik. Banyak masa lagi, jawab lagi!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah habiskan jawapan?

**Dato' Chor Chee Heung:** Sudah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM163,768,700 untuk Maksud B.35; RM2,276,508,700 untuk Maksud B.36, RM263,833,400 untuk Maksud B.37; RM9,053,500 untuk Maksud B.38, RM109,084,700 untuk Maksud B.39; RM206,240,300 untuk Maksud B.40; dan RM10,730,500 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM163,768,700 untuk Maksud B.35; RM2,276,508,700 untuk Maksud B.36, RM263,833,400 untuk Maksud B.37; RM9,053,500 untuk Maksud B.38; RM109,084,700 untuk Maksud B.39; RM206,240,300 untuk Maksud

B.40; dan RM10,730,500 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM75,491,000 untuk Maksud P.35; RM273,176,000 untuk Maksud P.36; RM95,522,200 untuk Maksud P.37; RM144,838,000 untuk Maksud P.39; dan RM248,970,940 untuk Maksud P.40 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM75,491,000 untuk Maksud P.35; RM273,176,000 untuk Maksud P.36; RM95,522,200 untuk Maksud P.37; RM144,838,000 untuk Maksud P.39; dan RM248,970,940 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

**Maksud B.42 [Jadual] -  
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Ipoh Timur.

5.18 ptg.

**Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Maksud P.42, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyentuh Butiran 00903 – Perkhidmatan Sosial.

Saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini beberapa isu yang mempunyai kesan langsung ke atas warga tua.

Tuan Pengerusi, negara kita sedang pesat membangun dan adalah amat sesuai bagi semua pihak terutamanya kerajaan untuk memastikan kebajikan warga tua terjaga. Saya memohon supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memastikan rumah-rumah dan pusat rawatan orang tua memberi khidmat dan kemudahan seperti yang dijanjikan dalam iklan. Memang ada kes-kes di mana warga tua yang ditempatkan di rumah atau pusat rawatan dilayan dengan tidak sopan dan kemudahan yang dijanjikan pula tidak diberikan. Pelaksanaan peraturan yang sesuai akan dapat memastikan kehidupan yang lebih selesa dan gembira bagi warga-warga tua ini.

Selain itu saya menyeru pihak kementerian, menguatkuasakan peraturan dan pemeriksaan ke atas rumah kebajikan dan pusat rawatan warga tua untuk memastikan kebersihan di pusat-pusat ini adalah terjaga dan di tahap maksimum. Kemudahan asas yang mencukupi, selamat didiami dan tidak bahaya seperti lantai licin atau perabot yang tidak sesuai, rawatan perubatan yang berkualiti.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan supaya kerusi dan tempat duduk di perpustakaan, perhentian bas, pusat membeli belah dan tempat-tempat awam yang lain ada dikhaskan kepada warga tua. Ini kerana banyak tempat awam, kerusi dan tempat duduk yang disediakan oleh pihak pemaju selalu diduduki remaja-remaja. Mereka tidak mahu kosongkan tempat duduk untuk warga tua yang tidak mampu berjalan atau berdiri lama.

Tuan Pengerusi, populasi negara kita dijangka meningkat ke 22 juta orang pada tahun 2000 berbanding dengan 7.38 juta orang pada tahun 1957, 10.44 juta orang pada tahun 1970, 13.75 juta orang pada tahun 1980, 18.38 juta orang pada tahun 1991. Dengan pertambahan penduduk, kita memerlukan satu skim kebajikan atau dengan izin, *welfare scheme* yang sesuai bagi warga tua yang tidak mampu menyara hidup sendiri. Mengikut taraf United Nation dengan izin, sesebuah negara yang lebih 14 populasi di atas umur 60 tahun ke atas, sebuah negara dengan izinnya, *is an aging country*.

Jabatan Statistik melaporkan bahawa 6% daripada penduduk kita sekarang adalah di atas umur 60 tahun dan menjangka jumlah ini akan berganda tiga kali menjelang tahun 2020. Ini adalah kerana kadar pertumbuhan penduduk, dengan izin, *life expectancy* yang meningkat dengan izinya, *life expectancy* penduduk Malaysia akan meningkat kepada 75.4 tahun pada tahun 2020 daripada 69 tahun pada tahun 1999.

Bagi kaum wanita pula, tempoh hayat mereka adalah lima tahun lebih daripada lelaki. Masalah ini bertambah apabila kaum isteri terpaksa melalui masa tua bersendirian, memikul beban kerja-kerja rumah serta pahit manis kehidupan harian. Masalah kewangan dan terpaksa juga menghadapi pelbagai penyakit seperti penyakit jantung, sakit otot dan tulang, kurang daya ingatan dan lain-lain. Oleh kerana itu, kita perlu melatih setiap individu apabila mereka masih sihat dan bertenaga untuk membuat kerja-kerja ringkas dan menjaga kesihatan. Selain itu kerajaan juga harus membantu dalam aspek-aspek kehidupan mereka. Sebagai negara membangun yang prihatin serta masyarakat penyayang, Malaysia harus menggalakkan generasi muda untuk menampung kehidupan ibu bapa seperti memberi pelepasan cukai ke atas kos perubatan ibu bapa yang di atas umur 60 tahun.

Saya juga mencadangkan supaya satu tribunal khas ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi warga tua di rumah ataupun di dalam masyarakat. Ini memberi peluang kepada mereka bersuara dan memperjuangkan kepentingan golongan tua. Langkah ini dapat mengurangkan kes-kes anak terabai, ibu bapa tua ataupun kes-kes dera. Kita berterima kasih kerana di negara kita, kes dera orang tua tidak berleluasa tetapi tidak ada orang dapat jamin ia tidak akan berlaku.

Saya juga menyeru kementerian supaya menguatkan pelaksanaan polisi yang menggalakkan pembelian tanah oleh kerajaan tempatan bagi tujuan pembinaan kelab-kelab kebajikan warga tua. Melalui kelab-kelab ini warga tua dapat mengadakan aktiviti berfaedah.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin mencadangkan agar:

- (i) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengkhaskan kaunter untuk warga tua di jabatan-jabatan kerajaan, hospital ataupun klinik-klinik tempatan;
- (ii) kementerian hendaklah memberikan galakan kepada syarikat-syarikat ubat dan farmasi untuk memberi diskaun kepada orang tua; dan
- (iii) kementerian hendaklah memberi insentif kepada syarikat-syarikat pengangkutan untuk memberi konsesi dan diskaun kepada warga tua dan sebilangan tempat duduk yang hanya boleh dijual kepada warga tua.

Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat.

5.27 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya ingin turut terlibat dalam perbincangan berkaitan dengan Maksud B.42 dan saya ingin khusus merujuk kepada Butiran 030300 Rukun Tetangga, Butiran 050800 Perluasan Skim Rukun Tetangga dan sebagainya, Tabika Perpaduan dan Maksud P.42, Butiran 00602 Pusat Rukun Tetangga dan Perpaduan dan sebagainya.

Ketiga-tiga butiran ini RM31.9 juta, RM9.1 juta dan RM1.5 juta adalah merupakan jumlah yang melebihi RM42 juta saya kira. Ini adalah suatu jumlah yang besar dan saya berharap bahawa kita dapat mendengar penjelasan daripada pihak kementerian tentang apa yang sebenarnya digunakan dengan jumlah yang sebegitu besar.

Dalam ingatan saya dan pengalaman kita bersama, Rukun Tetangga ini diwujudkan pada awal tahun 70-an di bawah Perdana Menteri Tun Abdul Razak dalam suasana untuk mewujudkan perpaduan yang setinggi-tingginya di kalangan masyarakat. Ketika itu selain daripada isu perpaduan ialah isu kejiranan dan keselamatan jiran tetangga kita. Dari segi fizikalnya dalam tahun 70-an itu kita dapat melihat terdirinya rumah-rumah, pondok-pondok dan sebagainya melambangkan yang Rukun Tetangga ini benar-benar hidup, berjalan dan dapat dilihat dari segi fizikalnya. Beberapa tahun yang akhir ini saya sendiri mendapati bahawa kewujudan Rukun Tetangga ini tidaklah begitu jelas kepada kita.

Saya tinggal di Kuala Lumpur, di kawasan perumahan seperti orang lain, tetapi saya tidak dapat melihat di kawasan-kawasan perumahan ada pondok-pondok rukun Tetangga. Kalau ada pun pondok-pondok, maka ianya bukanlah Rukun Tetangga tetapi kadang kala adalah gabungan anggota jiran mengumpulkan wang untuk menyewa khidmat syarikat keselamatan untuk menjaga taman-taman perumahan mereka.

Begitu juga di kawasan saya di Tumpat, ada beberapa kampung yang mana mereka terpaksa berkongsi untuk menjaga keselamatan kampung masing-masing dengan bantuan secara tidak kewangan dan sebagainya daripada pihak polis kawasan Tumpat itu. Jadi, saya ingin mendengar penjelasan tentang apa yang benar-benar digunakan oleh pihak Rukun Tetangga sehinggakan memakan jumlah lebih daripada RM42 juta ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat bagi Sipitang.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

5.28 ptg.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang ini. Saya memang hendak bercakap tadi. Di bawah Bekalan B.42 iaitu 030400 Hubungan Kaum dan 030200 Integrasi Negara.

Tuan Pengerusi, saya selalu menimbulkan soal hubungan dan juga perpaduan di antara kaum dan integrasi negara khususnya di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Setakat ini, pada masa ini kita mempunyai pelbagai halangan untuk menghubungkan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung, ini kerana kita dipisahkan oleh Laut China Selatan. Apakah program jangka panjang yang diatitkan oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah perhubungan di antara dua wilayah ini.

Kita kluatir apa yang berlaku di negara pada masa ini khususnya di Semenanjung Malaysia akibat hasutan dan juga adanya golongan-golongan pelampau di dalam parti politik khususnya seperti yang kita lihat apa yang berlaku sekarang ini, kita takut ini tidak boleh dibendung dan akan menular. Usaha-usaha yang lebih kuat, yang lebih menjurus ke arah penyelesaian masalah ini harus dirancang dan diselesaikan. Bagaimana generasi muda harus memahami supaya kita sama-sama bertanggungjawab menjaga keharmonian di antara kaum di negara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, panjang lagi, besok sambung.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusi Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*